05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PERSOALAN DAN PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM TEKS DRAMA "*PATUNG-PATUNG*" DARI PERSPEKTIF TEORI PERSURATAN BAHARU.

AHMAD ZAIDI B BAHARUDDIN

(M20082000317)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJZAH SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU).

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PERSOALAN DAN PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM TEKS DRAMA "*PATUNG-PATUNG*" DARI PERSPEKTIF TEORI PERSURATAN BAHARU.

AHMAD ZAIDI B BAHARUDDIN

(M20082000317)

Kertas projek ini telah diterima oleh program kesusasteraan Melayu

untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan

Ijazah Pendidikan Kesusasteraan Melayu

pada sesi 2008/2010.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.....

Tarikh: 14/12/2010

Dr. ANI BINTI HAJI OMAR

FAKULTI BAHASA

.....

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TANJUNG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN

DR. ANI BINTI HAJI OMAR
Pensyarah Kanan
Jabatan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rajah yang setiap satumya telah saya jelaskan sumbernya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.....

Tarikh: 13 · 12 · 2010

AHMAD ZAIDI B BAHARUDDIN

(M20082000317)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah-Nya kurnia dan keizinanNya, saya telah diberi-Nya rahmat kesihatan, kekuatan dan keyakinan bagi menyusun dan akhirnya berjaya juga pengkaji menyiapkan kertas projek ini.

Penghargaan tidak terhingga diberikan kepada penyelia utama, yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, semangat, keyakinan, dan sokongan, Dr Ani bt Haji Omar, selaku penyelia yang banyak membimbing pengkaji dari awal hingga akhir, sehinggalah kajian ini dapat diselesaikan dengan sempurna. Sesungguhnya, segala tunjuk ajar dan kerjasama daripada beliau tidak dapat dilafazkan dengan kata-kata kecuali jutaan terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepada semua pihak yang telah menyumbangkan buah fikiran, teguran dan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa mencabar. Hanya Allah *subhanahu wa taala* jua yang dapat membalas segala budi baik kalian.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan kajian ini. Mudah-mudahan kajian ini dapat dimanafaatkan sebaik-baiknya sama ada untuk diri pengkaji sendiri ataupun sebagai rujukan kepada orang lain.

Ahmad Zaidi b Baharuddin

Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang persoalan dan pemikiran dalam teks drama *Patung-Patung* karya Hatta Azad Khan (2009). Kajian memberi fokus kepada pemikiran pengarang dari sudut pandangan masyarakat. Kajian ini juga menggunakan Teori Persuratan Baharu dalam analisis dapatan kajian yang dilakukan. Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dan mengkategorikan data ialah analisis kandungan, data-data itu kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teks dramatik Melayu yang dihasilkan telah menggunakan pelbagai gaya persoalan, pemikiran dan pendekatan dalam menyusun dan mengolah aspek dramatik dari teks drama Patung-Patung. Perbincangan ini melihat kepada persoalan yang banyak dikemukakan oleh pengarang dalam ketiga-tiga drama iaitu *Mayat, Patung-Patung* dan *Kerusi*. Hasil kajian mendapati, pelbagai persoalan yang dapat dilihat melalui ketiga-tiga drama ini. Selain itu, pemikiran yang dikemukakan oleh pengarang iaitu Hatta Azad Khan di dalam ketiga-tiga drama tersebut banyak memberi pengajaran kepada masyarakat dan ini bersesuaian dengan teori yang digunakan iaitu Teori Persuratan Baharu. Ini kerana Teori Persuratan Baharu lebih memberi penumpuan terhadap pemikiran dan kebijaksanaan serta kekreatifan dalam sesebuah masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABTSRACT

This study is concerned with the issue and thinking Drama Patung-Patung book works by Hatta Azad Khan (2009). The research give focus to author's mind from community's point of view. This research also used Persuratan Baharu Theory in study findings analysis made. The methods used in this study are content analysis from the text. The Malay dramatic book produced the issue and thinking of Drama Patung-Patung book have utilized various approaches include the inclusion elements from the Malay performing arts. This discussion see to issue a lot proposed by inside author all three that Drama's namely *Mayat, Patung-Patung* and *Kerusi*. The findings of the study reveal that the various issue observably through all three this drama. Apart from that, which thoughts lodged by author namely Hatta Azad Khan in all three drama's much giving lesson to society and this matched to theory used namely Persuratan Baharu Theory. This is because Persuratan Baharu Theory more give convergence to society.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Kandungan	v

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1-8
1.2	Pernyataan Masalah	9-10
1.3	Objektif Kajian	11
1.4	Kepentingan kajian	11-13
1.5	Kaedah kajian	13-14
1.6	Batasan Kajian	14
1.7	Definisi Operasional	15-19
1.8	Kesimpulan	19

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20-22
2.2	Tinjauan Literatur Dalam Negara	22- 24
2.3	Tinjauan Literatur Luar Negara	24- 26
2.4	Kesimpulan	26- 28

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	29- 31
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Kerangka Teori	32
3.4	Teori Persuratan Baharu	34-36
3.5	Perkaitan Teori Persuratan Baharu dengan kajian	37- 38
3.6	Kesimpulan	38-39

BAB 4: DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Persoalan dalam Teks Drama *Patung-Patung* Karya Hatta Azad Khan (2009)	40-44
4.2.1	Persoalan dalam Drama *Mayat.*	44- 47

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2	Persoalan dalam Drama *Patung-Patung*	47- 49
4.2.3	Persoalan dalam Drama *Kerusi*	49- 51
4.3	Pemikiran dalam Teks Drama *Patung-Patung*	51- 53
4.3.1	Persuratan yang mendokong ilmu, pemikiran dan kebijaksanaan.	53- 56
4.3.2	Persuratan yang memakai gaya keintelektualan yang indah.	56- 60
4.3.3	Persuratan yang mementingkan watak-watak baik yang mendokong ilmu dan kebijaksanaan.	61- 66
4.3.4	Persuratan daya kreatif yang tinggi, intelek, beradab dan Terkawal.	66- 69
4.3.5	Kesimpulan	69-71

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5: ASPEK NILAI-NILAI MURNI

4.3.6	Pendahuluan	72
4.3.7	Nilai-nilai Dakwah Islamiah	72- 75
4.3.8	Nilai Hidup Bermasyarakat Secara Islam	75- 78
4.3.9	Menyerah Kepada Allah	79- 81
4.3.10	Nilai-Nilai Nasihat	81- 84
4.3.11	Nilai-nilai Kesedaran, Penyesalan dan Taubat.	84- 86
4.4	Kesimpulan	87-88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6: CADANGAN DAN RUMUSAN

6.1	Pendahuluan	89- 92
6.2	Cadangan dan Saranan	92- 99
6.3	Kesimpulan	99- 100

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drama berasal daripada perkataan "dran" (Greek) yang bermaksud melakukan atau melakonkan. Menurut Aristotle, drama ialah peniruan kehidupan, sebuah cermin budaya dan suatu bayangan kebenaran. Drama adalah satu cabang seni sastera yang mementingkan dialog, gerak atau perbuatan dan terdapat dalam prosa atau puisi. Dalam pengertian lain, drama juga adalah satu seni yang menggarap lakon-lakon mulai sejak penulisan skrip hinggalah pementasan. Justeru, untuk pementasan drama memerlukan ruang, waktu atau audiens. Sesuatu yang dipaparkan melalui drama adalah sesuatu atau sejumlah kejadian yang memikat dan menarik hati serta menimbulkan kesan emosi. Hal ini bermaksud bahawa drama masih terikat dengan persekitaran dan masyarakatnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1993:293) memberikan definisi drama membawa maksud cerita (tentang kehidupan dan sebagainya) yang dilakonkan (untuk tontonan ramai). Drama merupakan karya kreatif yang unik kerana mengandungi dua aspek iaitu aspek sastera dan aspek teater. Merujuk kepada aspek sastera ia mengandungi cerita dan unsur-unsur karya kreatif seperti pemikiran, plot, watak, bahasa, dan latar. Manakala aspek teater pula drama dilihat sebagai hasil pementasan. Dengan kata lain, skrip drama yang telah ditulis akan dipersembahkan di atas pentas.

Menurut Solehah Ishak (2001: 17-21) menyatakan drama merupakan satu bahan kajian akademik yang cukup unik. Drama boleh dikaji menerusi teks dan proses kepengarangannya, proses produksi dan kepengarahannya, persembahan dan khalayaknya, estetika dan pelbagai aspek kehalusan seninya. Perkataan drama berasal daripada Yunani yang bermaksud "*gerak*". Dengan lain perkataan drama ialah gerakan yang mengandungi tarian, nyanyian, dan lakonan yang membawa cerita nyata atau simbolik. Ruby Cohn menyatakan drama adalah lakonan yang dilakonkan oleh pelakunya yang tertentu. Drama juga merupakan sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saparman Bakri (1982: 23), secara umum dan mudah untuk dimengerti, drama ialah sebuah lakonan dari sebuah skrip yang ditulis terlebih dahulu, dan dilakonkan di hadapan khalayak. Drama adalah karya sastera yang tercipta untuk dilakonkan di pentas atau lain-lainnya oleh pelakon. Drama juga biasanya menggambarkan kehidupan secara mendedahkan pertikaian dan emosi melalui "aksi" dan "dialog".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drama bukan hanya untuk dibaca , tetapi untuk dilakonkan di atas pentas, dengan penghayatannya berbeza antara dibaca dengan pementasannya. Di sinilah letaknya perbezaan maksud antara drama dengan teater. Sebuah drama ialah naskhah skrip yang boleh dibaca secara individu tanpa memerlukan ruang, pelakon atau bantuan seni yang lain. Apabila skrip drama itu dilakonkan di atas ruang pentas dengan gabungan pelbagai seni yang lain dan ditonton pula oleh khalayak secara kolektif, maka ia dinamakan teater. Sesebuah karya, pengarang, aliran dan kesusasteraan keseluruhannya. Drama mempunyai tugas dan pengaruh yang besar baik terhadap masyarakat, bangsa dan negara ke arah mencelikkan mata masyarakat yang buta. Mengambil aliran absurdisme yang mendasari penciptaan yang banyak memperlihatkan keterikatan dan kesukaan dramatis terhadap isu-isu sosial.

Sebagai permulaan membicarakan kritikan iaitu meneliti dan menganalisis skrip-skrip drama dengan melalui pendekatan kemasyarakatan, moral dan kemanusiaan untuk mengetahui susur galur dan pergolakan masyarakat. Mengkaji latar belakang pengarang, pendidikan, sosiolisasi dan sebagainya. Memahami lebih mendalam teks drama tersebut. Ini sebenarnya ada kaitannya dengan apa yang dikatakan bahawa apa yang ditulis oleh imaginasi si pengarang. Kadang-kadang apa yang ditulis merupakan cerita sebenar diri pengarang. Dengan adanya huraian ini, kita dapat memahami situasi masyarakat yang diceritakan. Juga para pembaca boleh mendapat pengajaran dan misalan daripada peristiwa yang diceritakan itu.Membincangkan fungsi dan pengaruh hasil karya tersebut. Sesebuah karya, pengarang, aliran dan kesusasteraan keseluruhannya.

Mana Sikana (2006: 1), Lakonan yang dimaksudkan ialah aksi yang dicipta oleh manusia untuk berkomunikasi secara simbolik dan aksi tersebut dilakukan di hadapan penonton. Komunikasi secara simbolik pula ialah komunikasi melalui imej atau cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

imiginatif. Jadi drama ialah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya. Dengan kata lain, drama merupakan sebuah lakonan yang dilakukan oleh pelakunya yang tertentu. Kadang-kadang lakonan tersebut tidak memerlukan suara seperti lakonan mimos atau gerakan seperti drama radio.

Drama adalah hasil karya kreatif yang istimewa berbanding dengan genre sastera lain seperti novel, cerpen dan sajak. Ini kerana drama mengandungi dua aspek iaitu aspek sastera dan aspek teater. Kedua-dua aspek ini saling berpadu dan mempunyai ciri-ciri dan unsur-unsur tertentu. Menurut Drs. Hasanuddin, 1996, ...drama adalah kesenian yang melukiskan sifat dan sikap manusia dan harus melahirkan kehendak manusia dengan *action* dan perilaku.

Sahlan Mohd Saman, Shaiful Bahri Md. Radzi (2005: 149), Drama ialah karya yang bertujuan menggambarkan kehidupan, mengemukan pertikaian dan perasaan serta melalui perlakuan dan dialog; lazimnya dirancang untuk pementasan." Sebagai hasil seni sastera, drama mengandungi cerita dan unsur karya kreatif yang lain. Cerita itu pula diadun dan disusun mengikut perpaduan di antara isi dan bentuk. Teras dan tunjang kepada penghasilan sesebuah genre drama itu adalah skrip. Aspek yang membina drama ini ialah tema, plot, watak dialog dan juga latar. Sementara dialog pula menjadi jantung kepada penulisan sesebuah skrip selain aksi dan gerakan. Pengarang merupakan orang yang bertanggungjawab untuk melahirkan sesebuah skrip dan merupakan individu yang sangat penting. Tanpa pengarang, skrip drama ini tidak akan wujud sama sekali. Skrip drama yang dihasilkan oleh pengarang mestilah dipentaskan dan dipertontonkan kepada khalayak. Sekiranya skrip yang dihasilkan itu tidak dipentaskan maka ianya tidaklah dinamakan sebagai drama tetapi dikenali sebagai skrip drama. Skrip drama ini boleh juga dibaca atau dibukukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahmah Bujang (1994), "Drama ialah satu hasil seni kreatif". Sesebuah drama juga perlu ada kesan-kesan dramatik kepada khalayak. Sesebuah drama dikatakan dramatik apabila penulis dan pengarah memberikan perhatian kepada setiap proses penulisan dan pengarahan bermula dari proses penulisan, menentukan idea, mengenal pasti idea, penceritaannya, plot dan unsur kesinambungan. Semua ini akan menjadikan sesebuah drama itu menarik. Drama adalah kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan yang boleh menimbulkan kesan-kesan tertentu kepada khalayaknya samada penonton atau pendengarnya.

Rahmah Bujang (1994: 3-4), "Drama merupakan satu bentuk seni yang bersifat dramatik iaitu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi penambat. Daya tarikan berjaya dilakukan apabila ia mampu mengikat emosi pembaca atau penontonnya. Drama adalah karya yang dramatik kerana pengutaraan kisahnya seolah-olah menjawab persoalan-persoalanyang menarik perhatian – persoalan yang dramatik – dari awal hingga akhir."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Drama merupakan seni pengucapan. Karya drama lebih berkesan nilai sasteranya apabila ia diucapkan. Ini kerana pengolahan ceritanya mengutamakan bentuk dialog antara pemegang peranan Memang ada juga bentuk bukan dialog antara pemegang peranan. Memang ada juga bentuk bukan dialog dalam penulisan skrip drama, iaitu seperti penerangan antara dialog, penerangan pada setiap permulaan babak dan penerangan pada penutupnya. Pembacaan drama adalah satu seni pengucapan yang dapat dirasai kesannya apabila dialog-dialog itu dibaca dengan kuat yang melibatkan nada, tempo, hentian serta tekanan perbualan antara watak dalam drama itu. Dalam konteks ini, drama mempunyai persamaan dengan puisi yang juga memerlukan pengucapan secara deklamasi untuk membangkitkan pengertian daripada audiens.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drama merupakan seni persembahan yang perlu dilakonkan di atas pentas. Bahkan kini dengan adanya kemajuan teknologi, drama turut dipersembahkan melalui pelbagai media seperti radio, televisyen, video dan filem. Fungsi perwatakan di dalam drama dipegang oleh pelakon dengan sokongan alat pandang dan dengar seperti set dan prop, kostum dan tatarias, penataan cahaya dan latar bunyi dan muzik. Fungsi keseluruhannya adalah untuk memberi kesan rentetan cerita dari awal hingga akhir dengan sebaik-baiknya, atau sedramatik mungkin." Setelah ia dapat dipersembahkan kepada penonton, barulah mutu drama itu benar-benar dapat dinilai. Penonton boleh menbuat keputusan sama ada menerima atau menolak sesuatu persembahan itu. Sebagai seni tontonan, drma memerlukan tindak balas yang membina. Dalam proses pendedahan sesuatu pementasan karya drama kepada penonton, tindak balas awal akan datang daripada penonton yang sebenarnya merupakan rakan seperjuangan sama ada daripada kalangan pengusaha drama itu sendiri seperti rakan pelakon, pengarah dan seumpamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drama merupakan seni yang mengcakupi penglibatan dan usaha sama antara penggiat dan penggemar. Kedua-dua pihak penggiat dan penggemar perlulah bersedia dari segi fizikal dam mental untuk menerajui kegiatan seni drama itu. Ini kerana hanya penglibatan yang mempunyai persediaan tersebut yang akan memberi manfaat dan kewibawaan kepada kisah dalam karya drama itu.

Anggota masyarakat yang terlibat dengan drama terbahagi kepada dua, iaitu penggiat drama dan penonton drama. Penggiat drama menyalurkan gagasan, amanat dan kemahiran seni melalui drama kepada penonton yang menghayatinya dalam dua tahap iaitu tahap penghayatan dari aspek fizikal dan penghayatan dari aspek akaliah. Drama Melayu tentu sekali dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu tradisional dan moden. Kedua-dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

golongan drama ini, sebagai satu bentuk seni sosial mempunyai peranan sosialnya juga melalui satu media yang berkait rapat dengan masyarakat.

Menurut Frank M. Whiting dalam bukunya "An introduction to the theatre" membincangkan elemen-elemen fizikal dalam teater seperti skrip dan penulis, pengarahan dan lakonan, arkitek, pereka dan juruteknik serta penlibatan profesional dalam teater telah mengatakan bahawa sesebuah drama yang baik bukanlah sekadar untuk hiburan semata-mata. Ianya menyentuh dua tahap penghayatan, iaitu dari segi fizikal dan dari segi akaliah. Baginya seni teater berlandaskan kepada asas setiap pengajian ilmu iaitu kemampuan manusia untuk meneroka, memikir dan mencontohi kepada sesuatu yang menarik minatnya. Drama juga adalah cara untuk meneroka dengan ikhlas dan berani akan erti kehidupan dan misteri kewujudan. Bagi Whiting juga, tidak ada satu bidang yang lain selain sastera yang dapat menyamai drama dari segi sumbangannya kepada manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Profesor John Russel Brown dalam bukunya " Effective Theatre", satu pembicaraan yang mendalam tentang sifat kemasyarakatan drama dibuat dia mengkaji apa yang dapat dikesankan dari drama bukan sahaja melahirkan komunikasi di antara penggiat dengan penonton tetapi juga komunikasi dikalangan penonton sendiri. Penonton yang datang dapat mengalami sesuatu bersama drama kerana drama juga merangsangkan satu pengalaman yang progresif sifatnya. Setiap saat menimbulkan rasa penglibatan, antisipasi dan ingin tahu. Drama sungguh sesuai dengan tamadun manusia yang sentiasa sedar akan perubahan yang dibawa dari kehendak dan kegiatan manusia.

Drama juga seumpama cermin kehidupan di mana perlakuan dan lakonan diatas pentas pernah, sedang dan akan ber laku dalam kehidupan seharian di luar pentas. Elemen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang digunakan dalam drama seperti lelaki, perempuan, kanak-kanak, gerak laku, percakapan, gelap dan terang, kesunyian dan kebisingan. Namun demikian drama juga menakjubkan. Drama adalah fantastik, kerana betapa adanya persamaan antara apa yang berlaku di atas pentas dengan apa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Drama membawa satu keadaan dan gambaran, yang sebenarnya tidak pernah terjadi atau satu cereka semata-mata.

Kajian ini cuba membawa pembaca menghayati nilai kehidupan dan perihal kemanusiaan aspek luaran dan kejiwaan dalam konteks perubahan dan perkembangan sesebuah masyarakat. Kebanyakan masyarakat tidak berapa menyukai genre ini kerana ia dianggap terlalu berat untuk dipentaskan dan tidak mempunyai idea. Hakikatnya, banyak kelebihan yang boleh diperolehi dengan mengaplikasikan drama atau mengadakan pementasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu dunia drama atau teater dan perkembangannya di Malaysia sering dikaitkan dengan pelbagai aliran pemikiran atau falsafah dari barat seperti sandiwara, realisme, moden dan kontemporari yang turut mengaitkannya dengan absurdisme. Karya sastera mengeksploitasi manusia dan masyarakat. Meskipun masalah sastera dan manusia atau masyarakat sudah dibicarakan sejak sebelumnya, namun sosiologi sastera sebagai ilmu yang berdiri sendiri dengan menggunakan teori tempatan dan metode ilmiah iaitu Teori Persuratan Baharu yang diperkenalkan oleh Mohd Affendi Hassan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Begitu sedikitnya tulisan-tulisan yang pernah membincangkan mengenai drama ini. Seperti yang telah dibayangkan ialah kurangnya pendokumentasian naskhah-naskhah drama itu sendiri. Kalau adapun tidak begitu mendalam dan kurang daya keilmiahannya. Ini ada hubungannya dengan minat pengkritik kesusasteraan Malaysia,yang tidak begitu gemar membuat kritikan terhadap drama itu sendiri berbanding genre-genre yang lain.

Pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian ini kerana dilihat terlalu banyak lompang-lompang yang harus ditangani oleh para pengkaji demi masa depan drama-drama yang mendatang agar lebih aktif dan progresif. Memang kita sedari dalam zaman canggih dunia hiburan yang begitu menggugat daripada pelbagai media, drama seakan-akan berada tersepit di tengah-tengah kehidupan budaya. Namun kita boleh belajar di negara-negara yang telah lebih dahulu maju seperti di Eropah, Amerika dan Jepun, dalam situasi yang sama budaya drama mereka tetap berkembang dan subur. Malah posisi budaya drama itu lebih terhormat dan mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan untuk mengenali dengan lebih dekat lagi tentang hasil pemikiran Hatta Azad Khan terhadap karya beliau amat penting terutamanya apabila tiga buah dramanya diterbitkan dalam satu kumpulan teks drama yang berjudul *Patung-Patung* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009) kini sudah sampai waktunya karya Hatta dihurai untuk melihat falsafah yang cuba disampaikan melalui penulisan kreatif beliau. Kajian drama terlalu sedikit maka pengkaji bertekad untuk menelusuri fenomena ini agar segala yang terbuku di dalam diri dan masyarakat, terutamanya dalam bidang drama absurd yang semakin kurang dikenali dan diketahui oleh para khalayak, agar ia mampu berada di persada dunia pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antarabangsa dalam era globalisasi seiring dengan ledakan budaya saintifik dan multimedia. Selain teks-teks yang menerima pengiktirafan atau hadiah setelah memasuki sebarang bentuk pertandingan menulis skrip drama pentas, terdapat banyak lagi teks beraliran absurd yang dihasilkan dan diterbitkan, dan ada di antaranya yang telah pun dipentaskan.

Timbul persoalan tentang apakah elemen, idea, konsep, atau teknik baru yang dibawakan oleh para dramatis untuk karya-karya yang mereka hasilkan. Mungkinkah telah wujud suatu aliran baru dalam perkembangan teater Melayu di Malaysia sama ada dari aspek penghasilan teks atau pun pendekatan pementasan. Daripada bentuk dan gaya bahasa itu, akan dapat difahami dan dikenal pasti bahan, sumber, pendekatan penyampaian, atau kemungkinan pengaruh (aliran atau pemikiran) yang telah berkembang dalam bidang drama dan teater Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan lain yang berkaitan dengan nilai-nilai murni teks dalam memartabatkan elemen peribumi adalah lambang jati diri bangsa masyarakat Melayu Tahap penerapan menjadi persoalan untuk menilai, kecil atau besarnya pengaruh atau kesan yang ditinggalkan hasil daripada pengangkatan sumber-sumber tersebut dalam membentuk dan menstruktur teks drama.

Diharapkan dengan beberapa penghuraian, sedikit sebanyak gambaran kecil mengenai persoalan dan pemikiran karaya Hatta Azad Khan dapat diteroka. Dan sesungguhnya kajian teks yang diusahakan ini hanyalah sebagai peneroka dan langkah permulaan yang bercorak pengenalan. Dan mengharapkan suatu kajian yang lebih positif, konkrit, objektif, dedikasi dan diuntukkan masa yang panjang dapat dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Mengenal pasti persoalan-persoalan yang terdapat dalam drama *"Patung-Patung", "Kerusi"* dan *"Mayat"*.

1.3.2 Memahami pemikiran yang cuba disampaikan oleh Hatta Azad Khan dalam karya drama beliau.

1.3.3 Mengenal pasti aspek nilai-nilai murni yang terdapat dalam ketiga-tiga karya drama tersebut.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebab utama pengkaji membuat kajian terhadap bidang drama ini ialah memandangkan selama ini amat kurangnya perhatian para pengkaji terhadap drama. Malah dalam beberapa hal hubungannya sangat rapat dengan masyarakat kerana sesebuah hasil karya drama itu tidak selesai hanya di permukaan skrip saja, ia memerlukan pementasan. Dan sudah pasti segala pengerjaannya melibatkan campurtangan masyarakat yang pelbagai termasuk penglibatan para penonton untuk menjayakannya. Kajian ini menumpukan kepada persoalan, pemikiran penulis drama dan aspek nilai-nilai murni sebagai bahan kajian. Tidak dapat dinafikan telah ada kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji sastera tanahair ke atas karya yang dikaji tetapi kurang dikenali dan diketahui oleh para khalayak. Justeru itu, kajian ke atas teks drama *Patung-Patung* ini boleh dianggap sebagai usaha untuk meneruskan dan memperbanyakkan lagi kajian ke atasnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji memilih aspek persoalan dan pemikiran sebagai pusat dan dasar perbicaraan, bukan saja memandangkan aspek ini menjadi unsur terpenting dalam pembinaan sesebuah drama, tetapi dengan tidak secara lansung dapat membayangkan tamadun dan kecemerlangan sesuatu bangsa itu. Memandangkan hal ini, usaha jitu bagi meninjau kesemua skrip drama yang dikaji terutama terhadap bentuk atau aliran serta perkembangan pemikiran itu dapat ditanggapi.

Kepada penggiat sastera termasuk guru-guru yang mengajar kesusasteraan bukan sekadar mengajar ilmu itu sebagai satu disiplin tetapi juga bertindak sebagai agen pendidik moral dan etika sosial. Mempelajari sastera dan mengenali genre-genre sastera adalah untuk mengenali hati nurani manusia secara indah dan sebagai sumber bagi manusia untuk bertindak lebih kreatif dalam kehidupan mereka. Menurut Azman Wan Chik (1980: 9) menyatakan, kesusasteraan dapat memberi kesan dalam pembentukan personaliti, mempertajamkan pemikiran dengan asuhan kreatif dan imaginatif, mengilhamkan misteri, menghalusi nilai etika dan estetika di samping memberi panduan ke arah keharmonian hidup bermasyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini kelak boleh dijadikan rujukan dan dokumentasi yang mengumpulkan maklumat tentang sesuatu yang berilmiah. Untuk melihat mutu, kekuatan dan kelemahan teks. Setiap karya sastera mempunyai komponen atau bahagian yang membina atau mendirikan tubuh badan karya tersebut seperti aspek pemikiran, plot, watak, dialog, latar, kekaguman, pendramaan dan audiennya. Secara lansung dapat membantu pengkaji untuk memahami, meneliti dan memberi tindak balas atau respons yang positif tentang aspek keindahan sesebuah drama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan atau panduan kepada pengkaji dan peminat sastera khususnya apabila meneliti aspek yang diperbincangkan dalam karya. Membantu menambahkan kefahaman khalayak sastera isu atau persoalan yang dikemukakan dalam drama ini yang berkait rapat dengan persoalan sebenar masyarakat hari ini dan dapat menjadi pemangkin bagi meningkatkan lagi minat membaca bahan-bahan sastera yang berkualiti dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, kajian ini dapat memberikan suntikan semangat atau dorongan kepada pengkarya, penulis dan pencinta sastera untuk meningkatkan lagi penghasilan karya-karya yang lebih bermutu serta mempunyai mesej-mesej yang tersendiri dan lebih bermakna. Pentingnya kajian bidang ini diteruskan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa melalui drama maka mereka akan dapat mewujudkan nilai-nilai positif dan mencetuskan pemikiran kreatif. Di dalamnya banyak memperkatakan tentang isu-isu semasa dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan dan teladan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dua kaedah kajian iaitu kepustakaan dengan merujuk kepada buku-buku yang berkaitan dengan tajuk perbincangan di perpustakaan dan analisis teks drama *Patung-Patung* terhadap tiga buah drama karya Hatta Azad Khan iaitu drama Mayat, Patung-Patung dan Kerusi yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji memilih dua kaedah ini kerana kaedah ini bersesuaian dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji membuat kajian di perpustakaan sepenuhnya iaitu seperti di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Kementerian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur (kini Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan), Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Perpustakaan Tun Seri Lanang, (UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Perpustakaan Universiti Malaya (UM) bagi mendapatkan maklumat yang lebih konsisten.

Selain itu perbincangan antara rakan-rakan serta pensyarah pembimbing turut membantu. Kesemua tempat ini menjadi tempat rujukan utama untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti jurnal, tesis, buku-buku Kesusasteraan Melayu dan bahan-bahan bercetak yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini. Bahan-bahan ilmiah ini telah membantu pengkaji dalam meneliti aspek-aspek yang berkaitan serta memberi kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini merangkumi beberapa aspek yang dianggap berkenaan dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu mengidentifikasi bentuk persoalan dan pemikiran serta nilai murni teks drama *Patung-Patung* (2009) karya Hatta Azad Khan yang bersandarkan kepada teori Persuratan Baharu oleh Mohd Affandi Hassan. Batasan kajian ini dibuat bagi melicinkan proses kajian yang dijalankan dan diharapkan ia memberi manfaat yang besar. Skop kajian hanya terbatas kepada kajian berbentuk kajian teks atau dengan erti kata lain hanya tertumpu kepada buku yang terlibat iaitu buku teks drama *Patung-Patung* (2009) karya Hatta Azad Khan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

1.7.1 PERSOALAN

Persoalan merupakan idea-idea sampingan atau perkara yang lebih kecil yang ada hubungan dengan tema atau agenda yang dibacarakan oleh pengarang bagi menguatkan sesuatu tema dalam sesebuah karya. Mana Sikana (2004: 49) menyatakan persoalan adalah peristiwa-peristiwa sampingan dan masalah-masalah yang ditimbulkan untuk memperkuatkan temanya. Jelaslah di sini, persoalan merupakan idea sampingan yang penting dalam sesebuah karya untuk menghasilkan karya yang bermutu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksud persoalan menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 368) ialah perkara-perkara pokok atau utama yang ingin dikemukakan oleh pengkarya atau pengarang bagi memantapkan tema dalam sesebuah karya ataupun isi-isi sampingan yang membentuk idea.

1.7.2 PEMIKIRAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 411) mengatakan pemikiran adal;ah perihal berfikir (memikir) yang berasal daripada kata dasar 'fikir' iaitu ingatan, angan-angan, anggapan, pendapat dan sangka. Menurut Al-Iman al-'Allamah (1958: 65), pemikiran bermaksud pemerhatian kepada sesuatu perkara. Manakala Mohd Affendi Hassan (1989: 43) member

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud pemikiran ialah hubungan pemikiran dengan hakikat sastera, peranan dan fungsi sastera. Pemikiran tentang hakikat sastera ialah estetika iaitu salah satu bidang falsafah manakala fungsi sasterater masuk dalam sosiolaogi sastera. Pengarang menggunakan saluran sastera untuk menyampaikan pemikirannya sebagai saluran komunikasi yang terungkap segala pengolahan hidup dan kehidupan manusia yang berupa masalahyang direnungi bersama dengan pembaca atau khalayak.

Menurut S. Takdir Alisjahbana (1983: 26-29) menyatakan kehidupan manusia merupakan kesinambungan antara fikiran akal yang menganalisis dan memecah-mecah dengan perasaan berpokok, dalam hati dan dengan fantasi yang kreatif serta memberikan kepada kita kesempatan untuk melepaskan diri daripada himpitan kenyataan sehari-hari yang berat dalam ciptaan yang mengandungi keindahan dan mengayakan rohani. Dengan perkataan lain, pengarang mendedahkan pemikiran dan sikap melalui citra dan mesej dalam hasilan karya mereka. Muhammad Hj Salleh (1986: 47), pemikiran menggambarkan keadaan sesebuah masyarakat, caranya menghadapi persekitaran dan menentukan penyambungannya. Bangsa yang kuat adalah bangsa yang dapat menjawab persoalan-persoalan yang lebih besar seperti hubungan antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan alam dan manusia dengan manusia iaitu diri sendiri. Pemikiran berdasarkan nilai-nilai keadilan, persamaan dan kefahaman.

Menurut Rahman Shaari (2001: 75), pemikiran merupakan persoalan utama dalam karya sastera, tema sesebuah karya ini dirumuskan oleh pembaca dan mungkin rumusan-rumusan itu berbeza dengan seorang pembaca dengan pembaca yang lain. Walau bagaimanapun, rumusan yang disebut oleh seseorang itu tentulah bersandar kepada keseluruhan isi karya tersebut. Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 135) menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran merupakan gambaran tentang gagasan, fikiran atau persoalan pokok yang menjadi tunjang sesebuah cerita atau persoalan utama yang diutarakan atau dikemukakan oleh pengarang sesebuah karya ataupun isi atau inti pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengkarya.

Asmah Hj Omar (1988: 18), penyatakan pemikiran lahir daripada kegiatan berfikir yang mencetuskan falsafah untuk menyelesaikan masalah yang difikirkan. Kebudayaan Melayu tumbuh dan berkembang dengan pengaruh pemikiran yang lahgir daripada sumber pemikiran dunia, terutama sekali pemikiran India dan Islam. Pemikiran ini menyusup masuk melalui pertembungan budaya. Bangsa Melayu merupakan bangsa yang tinggi tamadunnya. Pemikran mereka dialirkan kepada ahli masyarakat untuk dijadikan pegangan dan pedoman hidup. Alam sekeliling dan pengalaman hidup sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu. Pembentukan falsafah dan pemikiran mereka berasaskan budi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 DRAMA

Drama ialah sebuah karya fiksyen atau cereka yang mementingkan dialog dan aksi watak. Sebuah drama yang lengkap ditulis dinamakan skrip. Drama yang bertulis, yang dinamakan skrip itu masih tidak lengkap lagi jika tidak dipentaskan. Jadi, drama ditulis untuk dibaca dan juga untuk dipentaskan. Ada masanya para pengkaji drama memberikan pengertian drama sebagai suatu pementasan yang mengkaji aspek lakonan dan membawa cerita.

Drama boleh didefinisikan sebagai lakonan yang dilakonkan oleh pelakunya yang tertentu. Drama merupakan sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelakunya atau pelakon untuk berhubung dengan orang lain. Oleh itu, para pelakon perlulah mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu untuk menjayakan seni lakon ini. Dari segi makna khusus mengutamakan perbuatan, gerak yang merupakan elemen yang bersifat drama. Drama adalah hidup yang ditampilkan melalui gerak (Moulton: 1989). Drama adalah kesenian melukis sifat dan sikap manusia dengan gerak (Slametmuljana: 1957).

Drama hanyalah merupakan lakon yang dapat diperguna sebagai alat manusia untuk melakonkan tokoh-tokoh tertentu di hadapan kelompok teman mereka. Drama merupakan cabang seni sastera yang mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat. Drama dikatakan sebagai seni teater sekiranya ianya dipentaskan dan dipertontonkan kepada khalayak. Hasil daripada skrip drama yang ditulis atau dikarang oleh pengarang yang dilakonkan di atas pentas itu hasil kreativiti pengarah telah mewujudkan seni lakon. Individu yang diberi tanggungjawab untuk menjayakan sesebuah drama ialah pengarah. Pengarahlah yang bertanggungjawab ke atas kejayaan pementasan sesebuah drama itu. Pengarahlah yang bertanggungjawab memilih skrip drama yang akan dipentaskan. Pengarahlah yang bertanggungjawab menterjemah dan memberi nafas terhadap skrip yang dihasilkan oleh pengarang. Pelakon merupakan orang yang membantu pengarah dalam usaha untuk menyampaikan apa yang ingin diceritakan oleh pengarah di samping latar, muzik cahaya, kostum dan sebagainya.

Drama berasal dari suatu ritual yang akhirnya menjadi karya kreatif. Drama terbentuk dengan kombinasi tarian, nyanyian dan unsur bercerita yang akhirnya bertukar kepada penghasilan skrip drama. Dialog pula menjadi dasar kepada penulisan skrip drama itu sendiri. Konflik yang diwujudkan telah menjadikan drama ini menjadi semakin menarik. Konflik dalam drama sama ada kecil atau besar telah menjadikan sesebuah drama itu lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dramatik. Aksi dramatik inilah yang menjadi puncak bagi sesebuah drama tersebut. Turut membantu konflik dalam usaha untuk menjadikan drama ini lebih menarik ialah dengan adanya unsur-unsur suspen, imbas muka, imbas belakang, dilema dan lain-lain lagi.

1.8 KESIMPULAN

Sebelum sebarang kajian dilakukan, pengkaji perlu meneliti aspek-aspek yang hendak dikaji seperti batasan kajian, kaedah kajian, makna konsep yang hendak dikaji dan sebagainya. Ini bertujuan supaya pengkaji memahami terlebih dahulu perkara yang penting sebelum melakukan sesuatu kajian. Semua perkara ini penting dan perlu diketahui oleh pengkaji supaya tidak silap dalam menjalankan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan kajian literature yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan berdasarkan kepada pendapat atau pandangan juga kritikan yang telah dilakukan oleh beberapa orang tokoh berhubung dengan penghasilan karya kreatif iaitu drama terutamanya pengenalan drama absurd serta perjalanannya di sepanjang tempoh yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Bagi menghasilkan kajian yang lebih jelas dan berkesan, pengkaji banyak menggunakan kajian-kajian yang terdahulu serta sumber-sumber lain yang berkaitan akan dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada pengkaji dalam kajian ini. . Antara karya absurd Malaysia yang terawal dan telah diiktiraf berada di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompoknya yang tersendiri ialah seperti *Mayat* dan *Patung-patung* karya Hatta Azad Khan, *Angin Kering* dan *Sang Puteri* karya Johan Jaafar, *Protes* dan *Bukan Bunuh Diri* karya Dinsman. Untuk memberi cerminan kemelayuan absurdisme di Malaysia penggiat-penggiat teater Malaysia telah menemui identiti sendiri dengan meletakkan pembaharuan dari sudut artistik persembahannya melalui kemasukan muzik tradisional, nyanyian dan tarian yang diistilahkan oleh penggiat teater sebagai aliran surealisme.

Aspek yang difokuskan dalam kajian ini ialah aspek persoalan dan pemikiran serta nilai-nilai murni ynag terdapat di dalam teks drama *Patung-Patung* di bawah perspektif Teori Persuratan Baharu. Absurdisme di Malaysia lebih merupakan karya-karya yang bercorak antirealism, anticerita sukar difahami, bertendensi ke arah fantastik, abstrak, berunsurkan mimpi dan lebih mengarah kepada premis sesuatu yang sukar difahami dan dihayati. Absurdisme yang diilhamkan oleh Albert Camus merupakan pemberontakan individu terhadap perulangan, absurditi, yang terjadi pada dunia ini. Maksudnya, perbuatan atau perlakuan setiap hari. Jelasnya Albert menyatakan manusia tidak dapat menentukan nasibnya sendiri yang dipengaruhi oleh persekitaran dan waktu.

Menurut Abdul Rahman Napiah, (1987: 85,) dalam pengertian absurd itu, kita mendapati bahawa ianya merupakan suatu yang tidak munasabah sama sekali. Beliau pernah merumuskan dalam penelitiannya: Drama absurd menampilkan peristiwa-peristiwa yang aneh dan tidak mudah untuk diresapi atau dihayati mengenai apa yang dimaksudkan oleh si pengarangnya. Mereka menampilkan keanehan hidup, ingin lari dari dunia kenyataan dan ingin menampilkan suatu dunia yang tidak mungkin dapat dijangkau oleh akal manusia. Bertitik tolak daripada fahaman absurdisme barat yang diterokai oleh Albert Camus abad ke-20, telah banyak mempengaruhi dan turut sama mencorakkan perkembangan drama di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia. Genre drama ini telah memberi banyak sumbangan kepada dunia kesusasteraan pada hari ini. Pengkaji akan mengemukakan tinjauan literature yang berkaitan dengan drama terutamanya drama absurd, persoalan dan pemikiran yang terdapat di dalam karya sastera yang telah dihasilkan sebelum ini. Pengaplikasian konsep absurd sehingga kini masih belum dapat diterjemahkan dengan tepat oleh kebanyakan penggiat teater di Malaysia.

Kamaluddin Abdul Rahman di dalam bukunya Teater Melayu; Suatu Risalah Pemikiran Melayu mengkategorikan teater era 70an sebagai teater experimental merujuk kepada keinginan dan kecenderungan penulis-penulis muda ketika itu yang menjelajah daya imaginasi, terpengaruh dengan bentuk teater Barat, seterusnya membawa perubahan bentuk baru, dengan sebahagian lagi menggunakan sumber-sumber budaya asli (mks 51). Ada ketikanya juga, sesuatu persembahan itu dengan sewenang-wenang dikategorikan sebagai absurd dan ada ketikanya disebut juga sebagai surealisme, atas alasan ia tidak menuruti pola-pola asas teater realisme yang dikemukakan oleh Aristotle iaitu permulaan, klimaks dan penyelesaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 TINJAUAN LITERATUR DALAM NEGERI

Seperti yang telah dibayangkan ialah kurangnya pendokumentasian naskhah-naskhah drama itu sendiri. Begitu sedikitnya tulisan-tulisan yang pernah membincangkan mengenai drama ini. Kalau adapun tidak begitu mendalam dan kurang daya keilmiahannya. Ini ada hubungannya dengan minat pengkritik kesusasteraan Malaysia,yang tidak begitu gemar membuat kritikan terhadap drama itu sendiri berbanding genre-genre yang lain. Menyusuri kajian-kajian lepas berkenaan kajian ini, pengkaji mendapati masih kurang lagi kajian yang pernah dilakukan sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shahnon Ahmad (1991: 12), dalam bukunya "Sastera sebagai Seismograf Kehidupan" menyatakan pada prinsipnya kesusasteraan memang satu media yang amat berkesan lagi halus untuk menyampaikan kisah-kisah manusia, pembentukan-pembentukan manusia dan nilai-nilai manusia melalui pelbagai genre dalam sastera. Usaha untuk membnagunkan peribasi manusia melalui ilmu sastera diakui amat berkesan kerana teknik pengajaran melaluui seni amat halus dan benar-benar sesuai dengan persepsi manusia.

Menurut Mana Sikana lagi, ada beberapa sebab yang menimbulkan gejala ini. Pertama, penulis-penulis ternama 1970-an pada ketika itu kurang bergiat lagi. Kedua, penerbit-penerbit tidak mengambil berat tentang penerbitan drama ,kecuali pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Ketiga, terlihat semacam adanya kemerosotan dari segi penulisan skrip dan teknik pementasan yang sekali-sekala dilakukan oleh badan-badan drama yang kurang berdisiplin. Keempat, semacam adanya kesan negatif yang serius dimomokkan bahawa audien tidak faham menonton drama absurd, ini menyebabkan khalayak lari dan dewan lengang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Kamaluddin (2007:61), "Rentak dan irama bahasa puitis yang dicampurkan dengan gaya prosa formal telah melahirkan satu stail baru...isi yang hendak disampaikan sukar difahami tetapi indah didengar serta mempunyai unsur falsafah yang sesuai dengan unsur persoalan dan pemikiran yang dibawa.Sifat drama absurd Malaysia tidak terikat dengan bentuk dan struktur hukum realisme. Drama absurdisme menolak ciri drama realiti. Bentuk drama ini membuang watak dalam masyarakat dan menggantikan dengan perlambangan tertentu. Watak dalam drama absurd tidak terbatas kepada watak manusia tetapi juga watak bukan manusia. Selain daripada itu bentuk drama absurd tiada periodisasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

zaman, konsep persembahan menjurus kepada eksistensialisme, psikologi dan kekosongan. Dialog dalam drama absurd juga bersifat andaian-andaian yang mengelirukan dan bukan bertujuan untuk menerangkan peranan watak atau situasi cerita. Dialog lebih merupakan permainan kata-kata, berlirik, puitis dan cenderung menyajikan sesuatu keunikan bicara yang sukar digambarkan maknanya.

Menurut Solehah Ishak (2001:17-21) menyatakan drama merupakan satu bahan kajian akademik yang cukup unik. Drama boleh dikaji menerusi teks dan proses kepengarangan, proses produksi dan kepengarahannya, persembahan dan khalayaknya, estetika dan pelbagai kehalusan seninya. Mengambil aliran absurdisme yang mendasari penciptaan yang banyak memperlihatkan keterikatan dan kesukaan dramatis terhadap isu-isu sosial. Teks yang dijadikan sumber ialah masyarakat dan watak-watak yang digunakan sebagai plot atau rangka. Kritikan teks drama "*Patung-Patung*", haruslah definisi dan diterima sebagai suatu usaha untuk menilai karya yang sedang dihadapinya dengan menggunakan sebuah atau berbagai-bagai pendekatan untuk menentukan mutu, kekuatan dan kelemahannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 TINJAUAN LITERATUR LUAR NEGARA

Menurut Ramli Isin yang mengkaji sejarah dan pertumbuhan aliran absurdisme di Indonesia terutamanya dalam aspek dramanya menyatakan : naskhah-naskhah drama tersebut, maksudnya absurd, menampilkan peristiwa-peristiwa yang aneh-aneh dan tidak mudah untuk diresapi atau dihayati mengenai apa yang dimaksudkan oleh si pengarangnya. Mereka menampilkan keanehan dan ingin menampilkan satu dunia yang tidak mungkin dijangkau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh akal manusia. Meminjam kata-kata Edward Albee: Seperti yang saya faham teater absurd itu adalah penyerpan seni dari konsep-konsep filosofis eksistensialis dan post-eksistensialis tertentu, yang terutama bersangkutan dengan usaha-usaha manusia untuk memberi pengertian kepada diri sendiri tentang kedudukannya yang tidak masuk akal pad asuatu dunia yang tidak masuk akal.

Pertama kali teater absurd diperkenalkan oleh Martin Esllin melalui penulisannya The Theater of the Absurd (1961) dianggap sebagai satu bentuk teater avant-garde yang dilihat sebagai terkeluar daripada norma teater sedia ada namun beberapa penggiat mula muncul untuk meneguhkan konsep teater absurd tersebut khususnya di Perancis. Kemunculan teater absurd ini lahir ekoran penentangan oleh penggiat absurdisme terhadap teater beraliran realisme dan naturalisme yang dianggap menyajikan khayalan kepada masyarakat. Dekad 60an ini juga adalah saat Malaysia mula terkesan dengan realism Russia gagasan sekolah Stanislavsky, Anton Chekhov, dan juga sekolah realism Tennesse William, Hendrik Ibsen dan sebagainya. Jika diperhatikan teater realism dunia muncul dari karya-karya Anton Chekhov sejak dari dekad 1890an lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suzane K. Langer (1982: 75) menegaskan bahawa sesebuah karya seni dan sastera itu benar-benar menunjukkan sesuatu kenyataan dan fenomena masyarakat yang sama seklai lain ataupun baru daripada kenyataan dan fenomena masyrakat alamiah. Kenyataan dan pemasalahan masyarakat yang diungkapkan di dalam teater ini oleh penulis-penulis masing-masing member bayangan kenyataan dan pemasalahan masyarakat reality pada sesuatu konteks zamannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lukacs (1978: 84-85), menyatakan bahawa tema dan pemasalahan masyarakat yang menjadi tanggapan, renungan dan pemikiran kepada seseorang penulis atau pengkarya itu tidaklah sekadar suatu khayalan kosong atau fantasi semata-mata. Lukacs mahukan tema itu harus mengandungi dan mencerminkan sesuatu idea, pemikiran serta kenyataan dan pemasalahan.

Selain itu, Ani Haji Omar juga turut memetik pendapat pengkaji Barat iaitu Edward De Bono (1972: 51) dalam Kertas Seminar Pemikiran Shaharom Husain yang bertajuk PErsoalan dan PEmikiran dalam Cerpen-Cerpen Shaharom Husain pada 14 Mac 2009. Edward De Bono menyatakan, "Thinking is the natural activity of the brain, just as looking is the natural activity of the eyes and hearing the natural activity of the ears. The structure of the ear determines how we hear and the structure of the brain determines how we think". (Terjemahan: "Pemikiran adalah kegiatan alam otak, sebaik sahaja melihat adalah aktiviti mata itu dan mendengar aktiviti telinga. Struktur telinga itu menentukan bagaiamana kami mendengar dan struktur otak itu menentukan bagaimana kami fikir").

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, jelaslah di sini bahawa persoalan dan pemikiran banyak diutarakan dan bukan hanya dipaparkan dalam karya sastera yang lain seperti novel dan cerpen. Menurut Koleksi Peribadi Hatta Azad Khan (Dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV) bertempat di Kuala Lumpur ada menyatakan "Peranan Drama dan Filem Dalam Pembinaan Bahasa Melayu". Menurutnya, ramai orang malu untuk bercakap benar tentang kedudukan drama dan filem Melayu di Malaysia dewasa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramai yang tidak mempunyai keyakinan terhadap masa depan yang gemilang bagi kedua-duanya. Hampir setiap hari kita mendengar keluh-kesah para dramatis dan pembikinan filem dalam menghadapi cabaran-cabaran zaman yang serba maju, zaman bila manusia lebih banyak meluangkan waktu memburu dan berlumba mencari keuntungan material sampai kadang-kadang terlupa memenuhi tuntutan kemanusiaannya untuk mengisi sebahagian dari gedung mental mereka dengan perkara-perkara yang mampu memperkayakan nilai budayanya.

Drama dan filem Melayu sebenarnya kurang diberi perhatian. Pementasan drama sering turut ditonton oleh kerusi-kerusi kosong. Filem Melayu pula tidak mampu bertahan lama di pawagam. Kita merasa beruntung dan megah kalau dalam setahun ada satu filem Melayu yang mampu bertahan sehingga sebulan. Ramai pengusaha filem yang glung tikar. Ramai juga pengarah dan pelakonnya yang merasa serik hanya selepas sekali terjerumus ke dunia filem lantas tak mahu lagi berlakon dan mengarah filem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hari ini orang lebih rela beresak-esak membeli tiket untuk menonton perlawanan sepak bola dari duduk selesa di dalam panggung menonto n drama atau filem. Katanya, tugas ini amat berat. Jika seperti mahu berpaut pada dahan muda yang masih rapuh dan berpijak pada tanah yang belum kejap dan hamper runtuh. Kita mau membebankan tugas pada dua media yang belum cukup kuat untuk berdiri gagah sendiri. Beliau bukan mahu menolak tanggungjawab. Bukan tak mahu drama dan filem memainkan peranan untuk membina Bahasa Melayu. Tetapi cuba kita bandingkan usia dan kekuatan media ini dengan media-media lain seperti majalah dan surat khabar, buku-buku, risalah dan lain-lain media bertulis. Bandingkan pula audiennya. Audien drama dan filemdi Malaysia belum menggalakkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan drama Melayu di Malaysia bermula dengan drama sejarah yang kemudiannya menjadi realism dan turut terhanyut oleh arus perkembangan non-realisme dengan aliran seperti simbolisme, absurdisme dan eksperimentalisme. Tetapi akhir-akhir ini kelihatannya kembali kepada realism. Walaupun absurd itu diertikan sebagai sesuatu yang sukar dimengertikan bukanlah bermakna pengarah sewenangnya menyajikan bentuk persembahan yang hambar dan tidak bermakna kerana tindakan sebegini hanya akan mengundang kebosanan sekaligus menyebabkan penonton enggan menikmati teater berbentuk absurd di masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 PENGENALAN

Dalam kajian ini, kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian teks iaitu meneliti dan menganalisis drama moden yang dikenali dengan nama drama absurd melalui karya drama tulisan Hatta Azad Khan dalam drama *Patung-Patung, Kerusi* dan *Mayat.* Metodologi kajian merupakan salah satu aspek penting ketika menjalankan sesuatu kajian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 887), metodologi bermaksud sesuatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Secara umumnya penggunaan metodologi tidak ditandai dengan batas-batas yang tegas berbanding dengan bidang-bidang ilmu yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Harun Jaafar (2002: 13) menjelaskan tentang teori kesusasteraan sebagai prinsip-prinsip asas yang mendasari pengetahuan dan pengembangan ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa untuk mengutarakan sesuatu yang berguna kepada khalayak. Penggunaan sesuatu teori dalam penelitian dan penganalisisan karya sastera dapat membantu memberikan kerangka kerja dalam penelitian terhadap karya sastera. Penggunaan teori misalnya, dapat membantu merumuskan sesuatu permasalahan, membuat hipótesis, penyusunan, pengembangan, pengumpulan data, interpretasi data dan lain-lain yang penting dalam sesuatu kajian.

Apabila pendekatan sastera diadun dan diolah maka ia membolehkan penilaian dibuat berdasarkan karya-karya yang dipilih. Oleh itu, terserlahlah kekuatan dan kelemahan sehingga memerlukan lebih daripada satu teori dan pendekatan untuk memantapkan sesuatu penilaian yang dibuat. Dengan erti kata lain, adanya metodologi kajian diharap membolehkan penelitian terhadap karya sastera akan lebih efisyen, terarah, tersusun, mantap dan berkesan dalam menghasilkan sesuatu karya. Tidak dinafikan kehadiran-kehadiran teori-teori kesusasteraan terutama teori tempatan telah menjanjikan perkembangan yang pesat dalam bidang kritikan utamanya. Teori-teori kesusasteraan Melayu dianggap penting, yakni untuk memenuhi keperluan dalam bidang kritikan sastera Melayu itu sendiri yang disifatkan oleh Mana Sikana sebagai jati diri dan seiring dengan konteks sosio budaya di negara Malaysia.

Dalam metodologi ini, kerangka Teori Persuratan Baharu akan digunakan untuk mengaitkannya dengan 'Persoalan dan Pemikiran dalam teks drama *Patung-Patung* karya Hatta Azad Khan (2009). Ia amat bersesuaian dengan tajuk dan teori kerana kedua-duanya melibatkan soal krisis keruntuhan moral, cinta dan kasih sayang, kekejaman dan kezaliman dari kekuasaan dan sebagainya yang boleh dihubungkaitkan dengan ciri-ciri yang dibawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam teori Persuratan Baharu iaitu persuratan yang mendokong ilmu, pemikiran dan kebijaksanaan, persuratan yang memakai gaya keintelektualan yang indah, persuratan yang mementingkan watak-watak baik yang mendokong ilmu dan kebijaksanaa, persuratan yang daya kreatif yang tinggi, intelek, beradab dan terkawal.

Dengan kata lain, natijah daripada penghasilan teks kesusasteraan ialah untuk memaknakan perutusan yang bermakna (meaningful) pengarang bukan sekadar pencerita yang menceritakan semula apa yang tersedia ada dalam pengalaman, alam mahupun perasaan pengarang. Idea teori ini terjalur dalam dua konsep dengan satu teras, iaitu konsep ilmu dan konsep cerita. Kedua-dua konsep ini melahirkan empat prinsip yang disebutkan tadi. Konsep ilmu dan cerita yang melahirkan empat konsep itu sebenarnya ditambat pada teras agama dan tauhid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Engku Maimunah (2002: 2), Teori Persuratan Baharu diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan. Gagasan teori ini sebenarnya adalah hasil pemurnian dan pemantap idea-idea awal yang pernah dikemukakan oleh Mohd Affandi Hassan dalam kajian-kajian terdahulu. Tulisan-tulisan awal Mohd Affandi tentang idea teori terkandung dalam novel-novelnya seperti Aligupit dan Pujangga Melayu. Novel-novel ini berlegar pada beberapa persoalan penting tentang kegiatan sastera dan kritikan di Malaysia. Membaca tulisan-tulisan Mohd Affendi memahamkan kita tentang sifat dan bentuk kesusasteraan dan keintelektualan Melayu yang terperangkap dalam kerangka pemikiran orientalis yang ada pada Mohd Affandi sebagai kosong makna, mengelirukan dan kucar-kacir. Justeru, kelahiran teori persuratan Baharu dapat disandarkan kepada kekecewaan terhadap kedangkalan intelektualisme Melayu dan rasa tanggungjawab Mohd Affandi untuk memperbetulkan keadaan, dengan harapan kegiatan ilmu dan sastera Melayu tidak sia-sia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian yang dijalankan dalam kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif yang merangkumi kajian teks drama *Patung-Patung* dan juga menganalisis tiga daripada drama tersebut iaitu drama *Mayat,* drama *Patung-Patung* dan drama *Kerusi* hasil karya penulis tempatan iaitu Hatta Azad Khan.

Berdasarkan bentu kajian kualitatif ini, pengkaji mengumpul data dengan menghuraikan teks dalam buku Drama Patung-Patung ini dan menghuraikan teks tersebut daripada sudut pandangan Teori Persuratan Baharu. Teori ini dipilih ini dipilih seperti mana dengan keterangan pada peringkat awal tadi iaitu untuk mengkaji persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan yang terdapat dalam teks drama *Patung-Patung* (2009) dari perspektif Teori Persuratan Baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 KERANGKA TEORI

Teori dalam konteks kesusasteraan Melayu merupakan gugusan epistemologi yang bersifat impiris, saintifik dan objektif yang dibahagikan kepada teori sastera, teori kritikan sastera dan teori penulisan teks sastera. Perkataan teori sebenarnya berasal daripada perkataan Yunani iaitu "Theoria" yang bererti pemandangan. Bagi Plato, teori adalah pencerapan intuitif tentang bentuk-bentuk abadi yang dapat diketahui. Proses pengabadian ini dinamakan sebagai komtemplasi, iaitu proses munajat dan berfikir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramli Isin (1997: 10), menjelaskan teori adalah gagasan tentang definisi, konsep, prinsip, kriteria dan saranan yang menjelaskan sesuatu objek. Teori merupakan sesuatu pendapat, sesuatu cara atau sesuatu aturan yang sistematik sifatnya yang dicetuskan oleh seseorang pemikir atau penteori yang boleh digunakan oleh pencetusnya atau pengikutnya sama ada yang sezaman atau lebih untuk melakukan sesuatu pengkajian atau penelitian dalam sesuatu bidang ilmu.

Bagi Rene Wellek (1998: 11), teori sastera adalah pengajian tentang prinsip kesusasteraan, kategori dan kritirianya yang merangkumi teori kritikan dan teori sejarah sastera. John Lye (1998: 11), mendefinisiskan teori sastera sebagai "the process of understanding what the nature of literatura is, what function it has, what relation oftext is to autor, to reader, to language, to society and history. It is not judgement but understanding but of the frames of judgement".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mohamad Mokhtar Hassan (2005: 11), memetik pandangan Ali Ahmad yang menyebutkan teori sastera melihat anasir-anasir di luar sastera penulis, masyarakat dan peminat sebagai usaha mencari formula dan paradigme bagi panduan berbicara tentang prinsip-prinsip berkaitan dengan karya sastera. Hasyim Awang, tokkoh sarjana sastera Melayu yang tidak asing lagi menjelaskan, teori sastera adalah pengajian tentang prinsip-prinsip kesusasteraan, kategori-kategori, kriteria dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 TEORI PERSURATAN BAHARU

Kajian ini menggunakan Pendekatan Teori Persuratan Baharu yang berasaskan prinsip teori Persuratan Baharu janaan Mohd Affandi Hassan secara umum teori ini mendokong empat prinsip persuratan iaitu persuratan yang mendokong ilmu, pemikiran dan kebijaksanaan, persuratan yang memakai gaya keintelektualan yang indah, persuratan yang mementingkan watak-watak baik yang mendokong ilmu dan kebijaksanaan, persuratan yang daya kreatif yang tinggi, intelek, beradab dan terkawal.



Rajah 3.4: Tiga Drama yang dikaji dari Teks *Drama Patung-Patung.*

Empat prinsip ini mendokong idealisme teks sebagai pendokong dan penyampai gagasan dan pemikiran. Pada tahap ini, penekanan Persuratan Baru terhadap matlamat untuk mengajar dan mengingatkan manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. diiringi perakuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pengutamaannya terhadap perkara tertentu di satu pihak, serta penafian dan peminggirannya terhadap perkara tertentu di pihak yang lain.

Pemahaman di atas dapat diperjelaskan dalam perbincangan tentang "Hakikat Ilmu dan Amal" sebagai asas bagi memahami makna dan fungsi kesusasteraan. Ini adalah ketara apabila pengertian *Taklif* yang memperakukan keterikatan manusia dengan tugas sebagai "Hamba Allah s.w.t." dan "Khalifah Allah s.w.t. di Bumi" menjadi asas pemahaman Persuratan Baru tentang pemikiran golongan penulis di sisi Islam khasnya terhadap karya Hatta Azad Khan. Hakikat dan fungsi sebenar drama sebagai genre sastera menurut Persuratan Baru sebagai alat atau landasan untuk mengajar dan mengingatkan manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. Adalah jelas dalam hakikat dan fungsi sastera yang sebegini, soal mengenal dan memahami Hakikat Ketuhanan menjadi matlamat akhir kesusasteraan, yang dimanifestasikan melalui pengajaran dan peringatan tentang "perjanjian azali" antara manusia dengan Penciptanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat akhir tersebut, iaitu mengenal dan memahami Hakikat Ketuhanan itu sejajar dengan tuntutan *Taklif*, dan dengan itu, meletakkan kegiatan sastera menurut Persuratan Baru ke dalam lingkungan dua tugas manusia, iaitu sebagai "Hamba Allah s.w.t." dan "Khalifah Allah s.w.t. di Bumi". Dengan kata lain, Persuratan Baru di satu pihak meletakkan kegiatan sastera sebagai satu bentuk "ibadah" hamba kepada Penciptanya, yang dilakukan dengan niat dan cara pelaksanaannya yang benar di sisi Allah s.w.t. Di pihak yang lain, pengarang yang melaksanakan kegiatan tersebut mengikut prinsip yang sedemikian dianggap telah menyempurnakan tugas mereka sebagai "Khalifah Allah s.w.t. di Bumi" yang dituntut untuk mentadbir alam semesta dengan sebaik-baik pentadbiran, yakni mengajar dan mengingat manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. melalui hasil karangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lanjutan daripada pemahaman itu, adalah penting dirujuk semula perbincangan tentang "Hakikat Insan" serta "Hakikat Ilmu dan Amal" yang meletakkan "adab" pada kedudukan yang paling penting. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini "adab" merujuk perakuan terhadap keutamaan sesuatu perkara mengikut kedudukannya di sisi Allah s.w.t. (*Divine Order*). Dalam konteks kesusasteraan mengikut Persuratan Baru, "adab" merujuk kepada perakuan terhadap keutamaan sesuatu perkara, yang antaranya merangkumi ketetapan, nilai, suruhan dan larangan yang berkaitan dengan penghasilan dan penghayatan sastera.

Pemahaman tentang "adab" dalam konteks kesusasteraan ini dengan sendirinya menjelaskan idea pokok Persuratan Baru, iaitu keutamaan ilmu dan subordinasi cerita terhadap ilmu. Idea pokok tersebut diperkukuhkan lagi dengan pegangan terhadap pengertian "ilmu yang benar", yang menjelaskan penekanan Persuratan Baru terhadap idea, pemikiran dan wacana yang berteraskan al- Quran dan as-Sunnah, selain interpretasi yang jelas meletakkan sesuatu seperti ketetapan, hukum atau nilai pada kedudukannya yang tepat di sisi Allah s.w.t.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan kata lain, natijah daripada penghasilan teks kesusasteraan ialah untuk memaknakan perutusan yang bermakna (meaningful) pengarang bukan sekadar pencerita yang menceritakan semula apa yang tersedia ada dalam pengalaman, alam mahupun perasaan pengarang. Idea teori ini terjalur dalam dua konsep dengan satu teras, iaitu konsep ilmu dan konsep cerita. Kedua-dua konsep ini melahirkan empat prinsip yang disebutkan tadi. Konsep ilmu dan cerita yang melahirkan empat konsep itu sebenarnya ditambat pada teras agama dan tauhid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 PERKAITAN TEORI PERSURATAN BAHARU DENGAN KAJIAN


Teori Persuratan Baharu diperkenalkan oleh Mohd. Affandi Hassan sesuai dikaitkan dan dijadikan landasan dalam mengkaji kajian ini iaitu persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan menurut perspektif Teori Persuratan Baharu. Gagasan teori ini sebenarnya adalah hasil pemurnian dan pemantapan idea-idea awal yang pernah dikemukakan oleh beliau dalam kajian-kajiannya terdahulu. Tulisan-tulisan awal beliau tentang idea teori ini terkandung dalam teks drama "*Patung-Patung*".

Kajian akan dilakukan ke atas tiga daripada lima karya kreatif drama yang terkandung dalam teks tersebut iaitu *Mayat, Patung-Patung* dan *Kerusi.* Terdapat banyak persoalan-persoalan yang mempunyai nilai-nilai murni dan pengajarannya. Selain itu juga, drama turut memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada masyarakat.

Idea-idea awal tentang konsep sastera dan kesusasteraan yang dilontar dalam bentuk kreatif itu kemudiannya dimantapkan di dalam pemikiran dan persoalan-persoalan yang cuba dihasilkan sebagai wahana pengungkap idealisme teori persuratan 'baharu'. Hasil penulisan beliau memahamkan kita tentang sifat dan bentuk kesusasteraan dan keintelektualan Melayu dalam kerangka pemikiran, persoalan dan nilai-nilai murni yang pada beliau mempunyai makna, yang amat mendalam setelah diberikan suntikan berdasarkan teori Persuratan Baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.5: Perkaitan Teori Persuratan Baharu dengan Kajian

3.6 KESIMPULAN

Drama mempunyai tugas dan pengaruh yang besar baik terhadap masyarakat, bangsa dan negara ke arah mencelikkan mata masyarakat yang buta.Mengambil aliran absurdisme yang mendasari penciptaan yang banyak memperlihatkan keterikatan dan kesukaan dramatis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap isu-isu sosial. Teks yang dijadikan sumber ialah masyarakat dan watak-watak yang digunakan sebagai plot atau rangka. Kritikan teks drama "*Patung-Patung*", haruslah definisi dan diterima sebagai suatu usaha untuk menilai karya yang sedang dihadapinya dengan menggunakan sebuah atau berbagai-bagai pendekatan untuk menentukan mutu, kekuatan dan kelemahannya. Sebagai permulaan membicarakan kritikan iaitu meneliti dan menganalisis skrip-skrip drama dengan melalui pendekatan kemasyarakatan, moral dan kemanusiaan untuk mengetahui susur galur dan pergolakan masyarakat.

Mengkaji latar belakang pengarang, pendidikan, sosiolisasi dan sebagainya. Memahami lebih mendalam teks drama tersebut. Ini sebenarnya ada kaitannya dengan apa yang dikatakan bahawa apa yang ditulis oleh imaginasi si pengarang. Kadang-kadang apa yang ditulis merupakan cerita sebenar diri pengarang. Dengan adanya huraian ini, kita dapat memahami situasi masyarakat yang diceritakan. Juga para pembaca boleh mendapat pengajaran dan misalan daripada peristiwa yang diceritakan itu. Membincangkan fungsi dan pengaruh hasil karya tersebut. Sesebuah karya, pengarang, aliran dan kesusasteraan keseluruhannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4:

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 PENGENALAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan melihat sejauh mana persoalan dan pemikiran dalam teks drama *Patung-Patung* sebagai bahan kajian. Hatta Azad Khan telah menghasilkan tiga buah drama : *''Kerusi''*, *"Mayat"* dan *''Patung-Patung''* dengan menggunakan Teori Persuratan Baharu. Meneliti ketiga-tiga buah drama ini jelas sekali dramanya berkategorikan simbolisme. Kerusi adalah simbol kepada kuasa.ia menjadi rebutan, siapa saja dapat menduduki kerusi itu dialah yang berkuasa. Maka berebut-rebutlah orang untuk mendapatkan nikmat kerusi itu. Dinsman menyatakan *''Kerusi"* lambang keadilan. Keadilan itu pula bergantung kepada orang yang menggunakannya, jika ia zalim maka timbullah penyewengan dan ketidakadilan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 PERSOALAN-PERSOALAN DALAM TEKS DRAMA "PATUNG-PATUNG".

Persoalan bermaksud persoalan atau isu-isu yang dikemukakan dalam sesebuah karya sastera. Persoalan merupakan idea-idea sampingan atau perkara yang lebih kecil yang ada hubungan dengan tema atau agenda yang dibicarakan oleh penulis atau pengarang bagi menguatkan sesuatu tema dalam sesebuah karya. Hatta Azad Khan adalah seorang penulis, pencipta dan pengkritik teater yang telah muncul secara tegas di depan peminat teater tanahair. Sudah sampai waktunya karya Hatta di hurai terutamanya apabila empat buah dramanya diterbitkan dalam satu kumpulan drama berjudul *Patung-patung,* Dewan Bahasa dan Pustaka 1980. Persoalan merupakan aspek yang penting selepas pemikiran. Persoalan yang cuba diketengahkan dalam ketiga-tiga drama tersebut akan menjadi panduan dan pedoman berguna kepada pembacanya sebagai satu azimat untuk mengharungi kehidupan yang lebih mencabar ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hatta juga telah menampilkan dirinya sebagai seorang pengkritik yang cerdas. Tidak ketinggalan pula peranannya sebagai seorang pengasas generasi ketiga bersama-sama Dinsman, Johan Jaafar dan beberapa orang teater lain yang mewakili gabungan itu, Hatta mencuba menetapkan keperibadian yang baharu dalam suasana teater di Malaysia. Gaya teater Hatta mencerminkan sikap pencipta yang berubah-ubah. Karya awalnya iaitu "*Kerusi"* dan "*Patung-Patung*" menaruh keyakinan ke atas tenaga aligori dalam persembahan teater.

Selanjutnya Hatta seolah-olah melepaskan diri daripada ikatan-ikatan itu dan memasuki gelanggang di Malaysia biasa disebut Absurd. Hasilnya wujud drama "*Mayat*". Tema-tema yang mengasyikkannya juga mendedahkan sikap yang agak berubah-ubah, bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari segi persoalan-persoalan pokok yang dipilih itu tetapi dari segi pendekatannya. Misalnya "*Kerusi*", "*Mayat*" dan "*Patung-Patung*", mencuba menjelajahi wilayah sejagat menerusi perbincangan tentang imbasan kuasa, illusi dan kekeosongan manusia. Manakala drama-drama berikutnya seperti "stesen" dan "Awang", yang bertemu dengan masalah kaum bawahan atau yang berada dipinggir masyarakat, berpijak dibumi terbatas serta tertentu. Drama-drama terbaharu Hatta telah membebaskan diri daripada perbincangan yang berupa sosiologi itu supaya hidup dalam masa yang terluang yang lebih luas.

Dalam drama "*Mayat*", Hatta sering mengemukakan beberapa cetusan yang aneh pada keseluruhannya itu bukanlah absurd dalam erti kata yang dipinjam daripada tradisi absurd barat. Unsur-unsur absurd lazim ditemui dalam teater moden kini oleh sebab ia telah menjadi sebhagian daripada perbendaharaan kata teater moden. Dalam kalangan mereka yang sedar akan perkembangan teater moden, imej-imej absurd senang dijumpai dalam karya mereka. Tetapi dalam beberapa golongan pengkritik teater tempatan, perkataan absurd itu telah diberi erti yang tersendiri, tegasnya untuk menggolongkan sebarang drama kini yang bukan realistik. Dalam kalangan para penonton pula, drama-drama yang pada lahirnya sukar difahami cepat disebut sebagai "absurd". Tidak ada salahnya asalkan mereka itu cukup sedar bahawa teater yang mereka namakan 'absurd' itu tidak selalunya menyamai ciri-ciri absurd dalam tradisi teater di luar Malaysia.

Teori Persuratan Baharu bukanlah sebuah teori yang besar, apatah lagi tersohor.Namun teori ini muncul, digarap, dikembang, dan mencari-cari titik pemantapan dan pemurnian dalam usaha untuk berada di persada jutaan teori pemikiran dan sastera. Apa-apa teori pun yang terhasil pastinya ada manfaat kepada khalayak, dan boleh diaplikasikan terhadap kehidupan manusia. Teori Persuratan Baharu harus mencari penghayatnya dan diaplikasikan terhadap pelbagai disiplin ilmu untuk berkembang di pentas ilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drama yang ditampilkan tidak terkongkong dalam dunia persekitarannya sahaja, Persoalan konsep kedaulatan bangsa dan budaya Melayu yang ada kaitannya dengan penegasan Dasar Kebudayaan Kebangsaan menjadi teras kepada penglahiran karya-karya baru dekad ini. Pemikiran teater dekad 70an secara umumnya telah memperlihatkan satu peningkatan kemajuan yang baik. Pemikiran yang ditampilkan kelihatan lebih meyakinkan serta selari dengan perkembangan semasa.

Mungkin juga tuntutan absurd itu menghendaki kerja-kerja artistik dan sudut ilmu yang tinggi daripada si 'pembuat' dan harus pula disajikan kepada 'penerima' yang memahaminya dengan berbekalkan intelektual yang tinggi sepertimana yang diutarakan oleh Mana Sikana bahawa drama absurd adalah bentuk penyajian kepada golongan yang elit tinggi pemikirannya.

Ada penggiat teater yang bertindak ekstrem menganggap setiap cerita yang sukar difahami dan abstrak itu sebagai drama absurd malah turut menjadikan pilihan drama absurd ini sebagai alasan kepada masalah kekurangan kos persembahan kerana beranggapan sifat teater absurd itu sendiri yang terlalu hampir kepada Teater Miskin (Poor Theatre) sekaligus memudahkan dari sudut pengeluaran kos untuk mengerjakan teater. Membicarakan konsep dan konteks artistik, kebanyakan pengarah absurd masih tidak memahami fungsi artistik di dalam teater absurd, apa yang dikesani ialah pengarah-pengarah lebih suka mengosongkan pentas dan melepaskan bebanan kepada para pelakonnya yang masih tercari-cari makna absurd itu sendiri. Ada pula yang menyogokkan kesemua bentuk kekaguman tanpa merasa dan meneliti fungsi serta makna kepada setiap kekaguman yang dipamerkan. Akhirnya drama absurd yang diperjuangkan oleh Beckett ini semacam persembahan ala kadar sahaja seperti melepaskan batuk ditangga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari sudut lakonannya pula kebanyakan penggiat teater absurd masih tidak mahu menitik beratkan soal susun atur dan pembawaan watak di dalam cerita, walaupun absurd sesuatu yang tidak difahami tetapi lakonannya haruslah mempunyai daya tarikan dan sudut artistiknya yang tersendiri. Mechanical acting bukanlah jawapan kepada penyelesaian permasalahan ini.

Apa yang dapat dilihat kebanyakan pelakon yang memegang watak absurd melepaskan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelakon dalam mewarnai perwatakan yang sedia wujud, akibatnya lakonan yang ditonjolkan lebih kepada batang kayu yang digerakkan tanpa disisipkan dalaman yang seharusnya wujud pada setiap watak yang dibawa. natijahnya sebilangan penonton menjadi bosan dan mengantuk malah ada yang terseksa batinnya demi menonton persembahan yang membosankan dan tidak bermakna. Kerja membina persembahan absurd bukanlah suatu kerja yang mudah dan boleh di pandang ringan. Mementaskan drama absurd memerlukan daya penelitian, imaginasi, kreativiti dan pemikiran yang tinggi yang bukan sahaja dibebankan kepada pengarah tetapi juga pelakon. Untuk mengajar masyarakat dalam mengenali absurd penggiat teater terlebih dahulu harus memahami intipati dan ideologi absurd itu sendiri.

4.2.1 PERSOALAN MORAL DALAM DRAMA "*MAYAT*"

Dalam drama ini beliau mengemukakan persoalan tanah perkuburan yang mencabar aspek penyediaan latar di atas pentas. Walau bagaimanapun, kekurangan kubur bukanlah pusat *debole* teks tersebut. Menurut Mana Sikana (2006: 268), perkara yang lebih penting ialah cara atau persediaan yang dilakukan oleh manusia untuk menghadapi masa hadapannya. Kuburan boleh ditakrifkan sebagai suatu tanda ikonikal yang seklai gus indeksikal dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan manusia yang sentiasa berhadapan dengan segala kekurangan, kehilangan, dan kehaplologian. Paling penting di sini ialah persediaan dan cara manusia bertindak dalam menghadapi situasi genting tersebut.

Oleh itu, dalam keadaan sedemikian paradoksi agonistik nilai tetap wujud. Manusia akan selalu bersifat cauvins dan juga new-kolonialisme sosial.Sebuah karya yang mengemukakan konflik manusia yang berkonfrantasi antara kebaikan dan keburukan, keberanian dan ketakutan, kedinamisan dan kemunduran dan sifat-sifat serta nilai-nilai yang bertentangan lainnya, sememangnya memberikan ruangan yang luas kepada perbincangan persoalan moral ini di mana ia sendiri dihadapkan dengan permasalahan dualism, yang kemudiannya dikaitkan dengan hubungan sesama manusia dan manusia dengan masyarakatnya. Sebenarnya persoalan moral adalah besar dan penting yang tentang tinggi rendahnya sesebuah masyarakat dan kebudayaan, malah dikaitkan dengan tamadun sesuatu bangsa itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbagai-bagai dimensi cuba ditinjau oleh dramatis seperti soal krisis keruntuhan moral, yang melibatkan soal-soal dendam, dengki, tamak, pembelit dan lain-lainnya lagi yang cuba pula dikonfrantasikan dengan sifat-sifat baik seperti setia, jujur, bertanggungjawab, bertaqwa dan seterusnya.

Menurut Hatta dalam Drama *"Mayat"* menegaskan masalah kekurangan tanah dan akibat-akibatnya. Kekurangan tanah untuk mengebumikan mayat sahabat mereka mengakibatkan krisis pokok bagi empat sahabat itu. Itulah satu sebab mempertanggungjawabkan kelakuan mereka itu. Drama "*Mayat*" memaparkan sikap tamak, tidak bertanggungjawab terhadap mayat sahabat mereka. Ketamakan akibat sistem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keasyarakatan yang mundur dan miskin menyebabkan keadaan sebegini timbul. Kurangnya pemahaman terhadap agama dan kelemahan iman menyebabkan mereka mengambil keputusan yang cetek dengan menjual mayat sahabat mereka sendiri demi kepentingan diri mereka dengan pelbagai alas an kononnya demi dasar kemanusiaan, membantu manusia yang serba memerlukan anggota mayat tersebut dan pelbagai alasan lagi yang menguatkan pendirian mereka untuk menjual tubuh mayat tersebut.

Sahabat II: (Kesal) maaflah! Rupanya kami telah tersalah anggap pada tuan. Kami sangka tuan bawa niat yang tak baik. Cuma nak cari untung dengan cara peralatkan orang-orang macam kami…

Orang Luar: Tidak!!

Sahabat IV: Ya, sakarang baru kami faham, tuan ni orang baik, ada rasa kesian dengan orang-orang yang tak cukup lengkap anggotanya.

Orang Luar: Cubalah saudara-saudara fikirkan, orang yang dah mati nak disimpan baik- baik dalam tanah. Barang-barang ganti yang berguna tu reput begitu sahaja. Di atas bumi ini ramai orang yang buta, sakit jantung atau sakit apa-apa saja, terpaksa menderita nak hidup.

Sahabat IV: Kalau begitu saya ambil keputusan seratus-peratus usaha tuan!

Sahabat III: Saya pun begitu, atas nama kemanusiaan.

Sahabat II: Saya pun begitu!

Sahabat I: Dan saya!!!

Orang Luar: Jadi saudara-saudara setujulah memberikan…

Sahabat III: (Memotong) Ya setuju, kami setuju jual mayat tu.

Hatta Azad Khan (2009: 23)

Drama "*Mayat*" merangkumi segala kelemahan moral yang berlaku disebabkan oleh manusia tidak lagi mahu menggunakan akalnya. Keadaan ini bertentangan sekali dengan firman Tuhan supaya manusia memanfaatkan dunia ini dengan akal fikiran mereka yang waras. Dalam kata lain, ia memaparkan segala permasalahan sosial, politik,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekonomi, alam sekitar, dan sebagainya, melalui teater yang mereka pentaskan. Hal tersebut diakui oleh Hatta Azad Khan, menurut beliau ketika menghasilkan drama *Mayat* (1979), apa yang sedang beliau fikirkan ialah kerisauan tentang nasib mayat-mayat di Kuala Lumpur pada masa depan apabila tidak ada lagi tanah kosong yang boleh direzabkan untuk tujuan pengkebumian. Di mana tanah dan ruang-ruang yang ada telah digunakan untuk membina segala macam bangunan bagi kegunaan manusia yang masih bernafas. Permasalahan itu kemudian beliau terjemahkan menjadi aksi dan dialog yang menggambarkan kepada penonton akan kesan yang bakal dihadapi oleh penghuni kota Kuala Lumpur bila mereka benar-benar menghadapi masalah yang sedang beliau fikirkan.

4.2.2 PERSOALAN CINTA DAN KASIH SAYANG DALAM DRAMA *"PATUNG-PATUNG"*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drama keduanya itu lebih membawakan pemikiran yang mencabar intelektual manusia. Ceritanya mudah saja seorang Mega, pengukir mencintai Maya yang telah pergi, lalu diukirnya patung Maya. Hatta Azad Khan telah menghidupkan patung dan juga patung-patung lainnya. Ini suatu personafikasi yang menarik. Lebih dari itu, dia mencipta suatu dunia di luar dari kenyataan, yang berupa superealistik dan membawa keperihalan krisis kedirian, konflik perebutan makna hidup. Patung Maya berdiri pada tingkat paling atas dalam satu pos yang menarik. Patung-patung lain dalam pos masing-masing memenuhi tingkat-tingkat bawah. Mega tafakur di lantai menghadapi patung Maya. Lampu semakin suram dan tinggal hanya spot menyuruh Maya dan sekitar kawasan Mega.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mega terpaku mengenangkan satu kehilangan yang amat berat yang perlu dipikul. Terasa diri semakin kecil, rindu pada sesuatu yang belum pasti tiba. Beliau mencari kekuatan agar kehilangan dapat dikembalikan. Terus mencari tanpa rasa jemu, dengan berbekalkan perasaan dan kemahiran akhirnya beliau berjaya mengukir patung-patung yang cukup bermakna buatnya. Lahir patung imaginasinya yang cukup cantik, Maya, Mega lantas menari serta menyanyi mengelilingi patung tersebut. Tiba-tiba Maya tidak membenarkan Mega menyentuhnya. Menyatakan ia bukan lagi miliknya. Ia tidak lagi suci dan mulai menyesal atas kesalahan yang telah dilakukannya. Tetapi Mega tidak menerimanya.

Watak Alang muncul tiba-tiba dengan meminta air untuk menghilangkan dahaganya. Tergamam melihat patung Maya yang begitu indah sehingga tidak lagi merasa dahaga dan menyatakan dirinya telah kenyang. Timbul persoalan terhadap patung tersebut, kerana Mega menyatakan patung tersebut tidak mati dan tidak hidup. Menambahkan kekeliruan dalam diri Alang. Mega seolah-olah tidak mati bersama Maya. Alang mencadangkan agar Mega menjual patung tersebut dengan harga yang tinggi kerana ramai yang ingin memiliki patung tersebut. Mega menggelengkan kepalanya kerana beliau akan hidup dan mati bersamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mega: Maya! Aku telah jelajahi setiap arah dan penjuru mencari kehilanganmu, mengesan jejak langkahmu, mencari rindu yang kau bawa pergi. Aku pulang dn temui satu keyakinan. Dan kemahiranku membuahkan penemuan yang paling bererti dalam hidupku. Kenapa harus kau gugat kembali penemuan itu?

(Maya kaku dan bisu)

Mega: Maya! Kita pernah melalui satu detik yang manis bersama. Kita bersama dalam satu ikatan yang padu. Hati dan perasaan yang bertemu, dank au lena dalam pelukanku. Ingatkah Maya! Ingatkah!

(Mega menari dan menyanyi mengelilingi Maya, Maya meriak balas dengan gerak tari yang lembut. Mega tersenyum riang semula.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hatta Azad Khan (2009: 34-35)

Mega sebenarnya terperangkap dengan ilusinya yang dianggapnya sebagai realiti. Dalam penjara yang dibikinnya sendiri, Mega memilih jalan yang bersifat hedonistik. Sikap Mega itu dinyatakan melalui perhubungannya dengan patung-patung ciptaannya khasnya dengan Maya, bekas kekasihnya. Dengan sendirinya dunia patung mengemukakan beberapa persoalan falsafah yang telahpun mengasyikkan manusia sejak permulaan sejarah.

4.2.3 PERSOALAN KEKEJAMAN DAN KEZALIMAN DARI KEKUASAAN DALAM DRAMA "*KERUSI*"

Masing-masing mempertahankan nilai dan kedudukan. Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Mereka tegak dengan pendirian sendiri, kadang-kadang sanggup menyindir dan menjatuhkanmasyarakat lain. Pertentangan dua nilai ini sebenarnya satu-satunya permasalahan yang menarik di Negara yang sedang membangun di mana sosial dan ekonomi menjadi aspek penting sebagai neraca perbandingan.

Dalam Drama "***Kerusi***" karya hatta Azad Khan bertemakan kekuasaan. Kekuasaan yang di maksudkan adalah dalam pemerintahan. Kerusi sendiri melambangkan kuasa. Namun, terdapat banyak persoalan yang timbul iaitu: Persoalan tentang penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin yang tamak, menindas dan mementingkan diri sendiri bersama pengikut-pengikutnya. Persoalan tentang ketidakjujuran dan penyelewengan kuasa. Persoalan tentang kebenaran mengatasi kebatilan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan tentang kezaliman dan penindasan. Drama ini mengisahkan Srisegala yang menduduki dan menguasai kerusi nikmat dan gong hikmat bersama-sama pengikutnya Tuta 1, Tuta ll dan Tuta lll yang menumpahkan khidmat dan kesetian mereka kepada Srisegala, selagi dia berkuasa dan menduduki kerusi nikmat. Srisegala berkuasa mengikut nafsu dan kepentingan diri sendiri tanpa menghitung beban dan masalah yang terpaksa dipikul rakyat.dia menukar erti keadilan, kemakmuran, kedamaian, kedamaian, kejujuran, dan belas kasihan mengikut takrifnya sendiri, yang semuanya bereti satu penindasan dan kezaliman demi kepentingan kuasa dan nikmatnya sendiri.

SRI SEGALA: (Bengis/ Bosan). Masayu! Katakana sendiri pada si buta ini. Apakah benar cintamu padanya sepanas matahari atau sesegar embun pagi?

PUTRA: katakanlah Masayu! Aku telah sedia tahu hatimu. Sudah sekian lama kita bersama. Kau yang selama ini meniupkan api semangat membara di dadaku, supaya aku bangkit dan memulakan perjuangan meruntuhkan sebuah gunung. Katakanlah di hadapan manusia yang ramai itu. Biar mereka menjadi saksi. Betapa besarnya cinta kasimu padaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(MASAYU bangun perlahan dan turun merapati PUTRA. Tangannya meraba wajah PUTRA, kemudian wajah itu direnungnya kosong. Dia naik semula tetapi masih memandang PUTRA).

MASAYU: kau siapa? Tak pernah kudengar suaramu. Tak pernah ku lihat wajahmu. Aku tak kenal padamu!

PUTRA: (Menjerit). Masayu!!!

(TUTA UTAMA memukul gong sekali. PUTRA sujud kaku di lantai. Kedengaran muzik saya seketika).

SERISEGALA: (Senyum sinis). Kau semua telah lihat sendiri. Hari ini tidak ada lagi apa yang disebut CINTA KASIH SAYANG. Kau telah lihat sendiri betapa musnahnya cinta suami pada isterinya. Semuanya musnah oleh kuasa sebuah kerusi dan bunyi gong dibelakangku ini. Oleh itu dengarlah pesanku! Kelak nanti samapai masamu untuk bercinta kasih saying, cinta kasih dan saying lah kepada sebuah kerusi. Dan kuasailah bunyi sebuah gong. Tempat dudukmu itulah yang paling bererti. Begitu juga bunyi gong dari suatu tempat yang tinggi.

Hatta Azad Khan (2009: 129-130)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada ruang kekuasaannya, hanya suara Srisegala sahaja yang di dengar dan memerintah.Tidak ada suara lain yang berani membantah. Persoalan tentang kebangkitan dan kesedaran rakyat yang tertindas. Persoalan tentang kasih sayang seorang isteri terhadap suaminya

4.3 PEMIKIRAN-PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM TEKS DRAMA "*PATUNG-PATUNG*"

Meneliti ketiga-tiga drama ini, jelas sekali dramanya berkategorikan simbolisme. Kerusi adalah simbol kepada kuasa. Ia menjadi rebutan, siapa saja dapat menduduki kerusi itu dialah yang berkuasa. Maka berebut-rebutlah orang untuk mendapat nikmat kerusi itu. Dinsman menyatakan "Kerusi" lambang keadilan. Keadilan itu pula bergantung kepada orang yang menggunakannya, jika ia zalim maka timbullah penyelewengan dan ketidakadilan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drama "*Patung-Patung*" jauh lebih berhasil dari *"Kerusi", meski jika diteliti dengan sehalus-halusnya "Kerusi "* sebenarnya mengandungi sindiran sinis terhadap *establishment* seperti Bretch yang tertarik kepada sosialisme, tetapi drama keduanya itu lebih membawakan pemikiran yang mencabar intelektual manusia. Ceritanya mudah saja seorang Mega, seorang pengukir yang menyintai Maya yang telah pergi, lalu diukirnya patung Maya. Hatta Azad Khan telah menghidupkan Patung dan juga patung-patung lainnya. Ini suatu personifikasi yang menarik. Lebih dari itu, ia mencipta suatu dunia di luar dari kenyataan, yang berupa superealistik dan membawa keperihalan krisis kedirian, konflik perebutan makna hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tetapi pandangan absurditi ini mendapat kuasa baru di tangan Hatta Azad Khan, bahawa masters yang dimaksudkan itu ialah pengarangnya sendiri, yang boleh menghidupkan dan mengarahkan baik protagonis, antagonis atau siapa saja untuk beraksi dan berkomunikasi. Dalam "Patung-Patung" menggambarkan manusi yang sudah terlalu mabuk dengan cinta, yang bersedia untuk melakukan apa saja, malah sanggup menghadapi suatu tragedi dan sanggup menerima perintah orang yang dikasihi itu. Benar juga ujar Jerome Hamilton Buckley (1966: 37-38) dalam bukunya The Triumph of Time, menurut beliau akan sampai masanya pemikiran manusia itu berubah, sehingga apa yang berubah dan perubahan itu sendiri merosakkan dirinya. Masa itu sendiri adalah musuh manusia jika mereka tidak boleh memanfaatkannya.

Dupa: Kau bermimpi Mega. Hidupmu selama ini adlah dalam mimpi bikinanmu sendiri. Mimpi yang tak mahu kau akhirkan. Kau siapa hah? Apakah kuasamu sehingga dapat membahagi-bahagikan nyawa?

Mega: Dupa! Kau patut berterima kasih padaku. Maya adikmu tidak mati. Tangan ini yang membinanya kembali. Dan jari-jari ini yang menghidupkannya

Dupa: (Mengejek! Ya! Ya!... mega dengan jari-jarinya yang berkuasa mencipta nyawa. Kenapa mesti Maya saje yang harus kau nafaskan. Kenapa tidak kepada patung-patung yang lain.

Hatta Azad Khan (2009: 82)

Teks drama Hatta Azad Khan masih mendapat tempat istimewa hingga ke hari ini. Hal ini menunjukkan bahawa teks dramanya mempunyai kekuatan tersendiri dan mampu membawa tuah kepada kumpulan teater tertentu sekiranya dilakonkan dengan bersungguh-sungguh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal ini teksnya bukan sahaja sesuai dengan konteks teater yang membataskan waktu tertentu untuk pementasannya, tetapi juga mempunyai ruang pemaknaan yang luas untuk dikreativitikan oleh penggiat drama seperti pengarah, pelakon dan juruteknikalnya. Di samping itu, teks Hatta Azad Khan turut mempunyai makna semeosis dan semiotik yang relevan dengan zaman. Drama *Mayat* bersifat futuristik- memaparkan satu fenomena hidup yang sesuai dengan zaman moden dan pascamoden.

4.3.1 PERSURATAN YANG MENDOKONG ILMU, PEMIKIRAN DAN KEBIJAKSANAAN

Hatta Azad Khan telah menggunakan drama-dramanya sebagai alat mendidik. Beliau telah menjadikan drama- drama sebagai alat untuk berdakwah, menyampaikan kebenaran dan menentang kebatilan. Selain itu juga beliau turut mendidik insan agar berkeperibadian yang unggul, berakhlak mulia, cintakan masyarakatnya dan seterusnya memimpin manusia mengenali hakikat dirinya sebagai makhluk Allah. Sesungguhnya karya sastera tidak dibangunkan dengan kekosongan tanpa diisi oleh nilai-nilai yang berguna kepada manusia sebaliknya drama kaya dengan nilai pendidikan yang mampu menjadikannya manusia insan yang berkeperibadian.

Drama *Patung-Patung* pula memaparkan tiga buah dunia, bermula daripada dunia surealisme, berpindah ke unrealisme dan kemudian menjelajahi dunia realisme. Pertembungan ketiga-tiga dunia tersebut amat menarik kerana manusia hidup dan tenggelam dalam ilusi pemikirannya sendiri seperti fobia, skizofrenia, dan aktase. Di sinilah terletaknya kekuatan Hatta Azad Khan. Beliau bijak menggabungkan permasalahan manusia terkini-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggabungkan unsur tragik dan komedi serta menggunakan situasi komersialistik kolokial yang selalu menawan indera pendengaran audiens.

Mohd Affandi turut menjelaskan bahawa penciptaan manusia ke muka bumi diiringi tugas mereka sebagai "Hamba Allah s.w.t." yang dituntut untuk melaksanakan ibadat kepada Penciptanya. Dalam hal ini, beliau berpendapat meskipun menjadi hamba, tugas tersebut tidak membuat manusia sebagai hamba yang submisif yang hanya tahu menyerahkan secara mutlak segala urusan kehidupannya kepada Allah s.w.t. Sebaliknya, manusia, menurut beliau, dikurniai keupayaan akal yang tinggi yang dapat dimanfaatkan dalam mengenal dan membezakan baik buruk sesuatu perkara.

Dengan kelebihan akal itu, manusia mengikut pandangan Mohd Affandi diberikan "kebebasan" dalam menentukan pilihan terhadap perkara-perkara tersebut dan seterusnya melaksanakan pilihannya, mengikut yang dikehendaki diri sendiri. Keupayaan akal yang tinggi itu turut melayakkan manusia untuk diamanahkan dengan tugas sebagai "Khalifah Allah s.w.t. di bumi"

Sahabat IV: Baik! Kita beri dia peluang.
Sahabat III: Ya. Kami dengar. Terangkan terang-terang!
Orang Luar: Saya ni sebenarnya seorang peniaga barang-barang ganti, atau biasanya disebut spare parts. Saya jadi pembekalnya.
Sahabat IV: Apa ada kena-mengenanya dengan mayat? Setahu saya, kalau disebut barang-barang ganti, biasanya untuk kenderaan!
Orang Lur: Maksud saya, barang-barang ganti untuk manusia.
Sahabat I: (Terkejut). Haa??? Apa???
Sahabat II: Untuk manusia???
Orang Luar: Ya! Barang-barang ganti untuk manusia. Seorang manusia yang baru mati, berguna besar pada manusia-manusia yang masih hidup!
Sahabat IV: Saya kurang faham dengan cakap tuan ni!
Orang Luar: Alat atau anggota pada badan manusia yang dah mati tu boleh dijadikan barang ganti pada manusia-manusia yang kurang sempurna sifatnya, atau yang sakit!
(Semua terpegun dengan penerangan Orang Luar).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Orang Luar: Mata, jantung, buah pinggang kepunyaan si mati misalnya, boleh diberikan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan anggota-anggota tersebut.

Hatta Azad Khan (2009: 24)

Orang Luar (tetamu) telah menyatakan tujuan dan hasratnya untuk membeli mayat sahabat mereka dengan penjelasan yang baik dan diterima akal menyebabkan kempat-empat sahabat tadi turut terpengaruh dan sanggup menjual mayat tersebut atas dasar kemanusiaan bagi membantu orang yang hidup dan yang lebih memerlukannya (anggota dan organ). Dengan alasan dan penjelasan yang diberi oleh orang luar tersebut dikatakan memaparkan pemikirannya yang amat bijaksana kerana mampu mengubah pendirian keempat-empat sahabat walaupun pada asalnya mereka tetap ttidak berganjak dengan keputusan awal mereka untuk menjalankan pengkebumian yang masih belum menemui jalan penyelesaiannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, walaupun orang luar telah berjaya mempengaruhi keempat-empat sahabat tersebut, dari segi etikanya atau Islam sendiri telah melarang sebarang jual beli dilakukan ke atas tubuh badan manusia. Kebijaksanaan akal fikiran orang luar tadi telah melanggar tuntutan Agama Islam dan satu kesalahan yang begitu besar telah dilakukan oleh para sahabat tersebut. Maka kehilangan mayat telah menyelesaikan masalah jual beli dan pengkebumian jenazah tersebut. Timbul pelbagai tanda tanya perihal kehilangannya. Ini memberi pengajaran yang cuba ditunjukkan kepada para sahabat tersebut agar tidak sewenang-wenangnya membuat keputusan dengan menjadikan mayat sahabat mereka sebagai barang pertaruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 PERSURATAN YANG MEMAKAI GAYA KEINTELEKTUALAN YANG INDAH

Gaya teater Hatta Azad Khan mencerminkan sikap pencipta yang berubah-ubah. Karya awalnya iaitu "Kerusi" dan "Patung-Patung" menaruh keyakinan ke atas tenaga alegori dalam teater. Satu cara pembikinan teater pada tahun 1970-an. Selanjutnya Hatta seoalh-olah melepaskan diri dan memasuki gelanggang di Malaysia yang disebut absurd. Hasilnya wujud drama "Mayat" dan sebagainya lagi walaupun dalam gaya yang berbeza daripada drama-drama awalnya.

Tema-tema yang mengasyikkan juga mendedahkan sikap yang agak berubah-ubah. Bukan dari segi pokok-pokok persoalan yang dipilih tetapi dari segi pendekatannya itu. Misalnya "Kerusi" dan "Patung-Patung" cuba menjelajahi wilayah sejagat menerusi perbincangan tentang imbasan kuasa, ilusi dan kekosongan manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hatta Azad Khan telah memilih gaya alegori sebagai sebahagian daripada gaya intelektual yang indah dalam kepengarangannya dalam menghasilkan karya kreatif dalam bentuk drama. Beliau telah memilih dunia yang penuh dengan lambing. Asasnya alegori melahirkan peristiwa-peristiwa serta watak-watak yang pada lahirnya berupa rekaan belaka. Tetapi sebaliknya menopeng dan melambangkan keadaan tertentu yang benar-benar wujud. Lambang-lambang di dalamnya membongkar perwatakan orang Melayu yang kurang sedar akan hakikat. Walaupun "Kerusi" menampilkan watak-watak yang ganjil rupanya namun boleh dikatakan drama ini membayangkan alam kuasa masyarakat ini. Jelas kelihatan alegori bergerak antara dua dimensi antara khayalan dan realiti dan ini rupa kekuatan teater itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keupayaan akal manusia yang disalurkan mengikut pengertian dan fungsi *Qalam*, menurut Mohd Affandi, adalah sejajar dengan huraian Muhammad Asad tentang pengertian dan fungsi *Qalam* yang menjadi simbol kepada kegiatan karang-mengarang yang diterajui pengarang, yang mengarang dengan tujuan untuk mengajarkan "ilmu" kepada manusia lain, melalui hasil karangan mereka. Muhammad Asad menghuraikannya:

The "pen" [merujuk *Qalam*] is used here as a symbol for the art of writing or, more specifically, for all knowledge recorded by means of writing.... Man's unique ability to transmit, by means of written records, his thoughts, experiences and insights from individual to individual, from generation to generation and from one cultural environment to another endows all human knowledge with a cumulative character (1980: 963).

Idea pokok tersebut diperkukuhkan lagi dengan pegangan terhadap pengertian "ilmu yang benar", yang menjelaskan penekanan Persuratan Baru terhadap idea, pemikiran dan wacana yang berteraskan al- Quran dan as-Sunnah, selain interpretasi yang jelas meletakkan sesuatu seperti ketetapan, hukum atau nilai pada kedudukannya yang tepat di sisi Allah s.w.t. yang mengutamakan pemaparan dan penonjolan watak-watak yang berkeperibadian tinggi serta terpuji, dan meminggirkan pemeragaan watak-watak yang tidak bermoral di sisi Islam. (MohdZariat 2004).

Lebih tepat lagi, Persuratan Baru menetapkan sastera yang "kehilangan adab" sebagai manifestasi penderhakaan manusia kepada Penciptanya serta pengkhianatan terhadap "perjanjian azali", dan dengan ini menggagalkan matlamat kesusasteraan di sisi Islam, iaitu menyampaikan "ilmu yang benar".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbualan antara Mega dan Alang telah memaparkan satu gaya perbualan yang intelek dan berilmu, juga indah kerana hanya melalui satu perkataan iaitu "dahaga" yang memberikan pelbagai persepsi pembaca yang boleh memberi pengertian yang pelbagai. Namun yang jelas, Alang sebanrnya cuba untuk memberi sindiran kepada Mega yang kelihatannya begitu kemaruk bercinta dengan patung arcanya sendiri. Lahirnya perbualan dan perwatakan dalam drama ini cukup unik sehingga Alang sentiasa menimbulkan tanda tanya dalam dialog setrusnya kepada Mega hingga wujud perkataan baru selain dahaga, iaitu kenyang, hidup dan mati.

Hasrat Alang yang cuba ingin mecabar Mega dengan menyuruh Mega menjual patung Maya dengan harga yang tinggi. Sebenarnya, watak Alang cuba mempengaruhi Mega, walaupun sebenarnya beliau tahu Mega tidak akan melepaskan Maya walaupun banyak permintaan dari pihak untuk memiliki Maya atau disogok dengan wang yang banyak. Tetapi Mega tetap kuat mempertahankan kekasih barunya (Maya) agar tidak terlepas ke tangan orang lain.

Mega: (Senyum). Sekarang kan ada yang makan ketika dahaga dan minum waktu lapar?
Alang: Ahh dua-duanya sama saja. Semuanya untuk perut. Minum pun boleh hilangkan lapar.
Mega: Betul? Tapi ... makan tak boleh hilangkan dahaga!
Alang: Tengoklah apa sebenarnya yang didahagakan. Kalau lain perkara yang didahaga ...diberi makan hilanglahdahaganya!
Mega: Ya! Kau memang bijak!

Hatta Azad Khan (2009: 37-38)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun yang jelas, Alang sebanrnya cuba untuk memberi sindiran kepada Mega yang kelihatannya begitu kemaruk bercinta dengan patung arcanya sendiri. Lahirnya perbualan dan perwatakan dalam drama ini cukup unik sehingga Alang sentiasa menimbulkan tanda tanya dalam dialog setrusnya kepada Mega hingga wujud perkataan baru selain dahaga, iaitu kenyang, hidup dan mati.

Alang: lembu tu kan binatang Wak! ...dia pun nak juga bebalepas ke sana ke mari. Macam aku ni!
Karto: Engkaupun sama macam lembu?
Alang: Sama tu tidaklah Wak! Tapi dalam banyak hal ... lembu dan manusia apa sangat bezanya.
Karto: Jangan engkau nak samakan aku dengan lembu. Lembu tu aku yang peliharanya. Aku yang beri pangan (makan)!
Alang: Kalau ya pun Wak yang pelihara dan beri makan ... apalah perlunya lembu tu diikat?
Karto: Diakan lembu?
Alang: Lembu kalau diikat makin lembulah jadinya!

Hatta Azad Khan (2009: 44)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Alang banyak mengenengahkan perkataan-perkataan yang berbantuk sindiran yang mengandungi banyak makna yang terpahat di dalamnya. Wak Karto terus melayan kerenah Alang walaupun beliau tahu akan segala percakapan Alang yang sendirinya akan membuat beliau tersinggung. Tetapi Wak Karto mulai tertarik dengan budi bicara Alang yang mengkehendakkannya untuk meneruskan pelbagai persoalan.

Alang: Wak! Cakap ni bukan sebarang cakap. Kata-kata Alang bukan cerita untuk ditertawa. Bahasa Alang penuh hikmat dan ertinya: didengar tidak memekakkan mata ... dilihat tak menyakitkan telinga.
Karto: Apa kau kata? Pekak mata? Sakit teinga? Dari mana kau belajar ni? Lagi? Apa lagi? Cakaplah!
Alang: Kenal dengan burung? Kenal dengan ikan? Dengan Lembu? Tentu kenalkan?(Wak Karto berfikir dan mengangguk-angguk)
Alang: Burung yang terbang tidak selepas yang diduga. Ikan diair tidak sebebas yang dikira. Angin nyaman boleh bertukar ribut menggila.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laut tenang boleh bergelora. Burung bercanggah angin... ikan pula bercanggah arus. Tapi kenapa??? ...

Karto: Ikan lebih ria di air. Burug lebih senang di awan. Dan kerana itu Wak!

(Wak Karto kebingungan)

Alang: Lembu yang terputus talinya ... biarlah bebas merasa kebebasan yang tidak bebas. Bertemu dia Pak Belang di pinggir hutan ... akan tahulah ia erti bebas yang sebenarnya. Hidup bebas terpaksa berhati-hati menjaga diri ... wasapada terhadap segala musuh bencana.

Karto: Tak faham aku!

(Patung-Patung: hal. 46)

Wak Karto terus melayan Alang, semakin dilayan semakin bingung dirasakan hingga akhirnya Wak Karto hanya mendiamkan diri walaupun Alang terus sahaja bercakap. Wak Karto mengakui bahawa dia semakin tidak memahami apa yang cuba diperkatakan atau apa yang dimaksudkan Alang dengan kata-kata beliau. Pelbagai contoh binatang lain yang dijadikan contoh,. Namun sebenarnya daripada kata-kata Alang sekalipun banyak menyindir tetapi banyak melahirkan unsur-unsur nasihat dan pandangan yang baik yang dapat difikirkan oleh para pembaca setelah mengamati maksud kata-kata Alang tersebut. Kata-kata yang penuh dengan gaya keintelektualan yang indah, menepati cirri-ciri yang kedua ini berdasarkan teori persuratan Melayu Baharu. Terlalu asyik dengan perkataan Alang, Wak Karto hanya mendengar perkataan yang lahir dari mulut Alang tetapi langsung tidak memahami apa yang cuba dimaksudkan olehnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 PERSURATAN YANG MEMENTINGKAN WATAK-WATAK BAIK YANG MENDOKONG ILMU DAN KEBIJAKSANAAN

Kehebatan sifat "kebijaksanaan" manusia telah mendorong Mohd Affandi untuk mengejapkan gagasan Persuratan Baru dengan matlamat kesusasteraan untuk memberi pengajaran dan peringatan tentang "perjanjian azali", yang ditangani sebagai satu kebenaran di sisi Allah s.w.t. Tugas manusia untuk mengajar dan mengingat manusia yang lain tentang "kebenaran di sisi Allah s.w.t." tersebut terkandung dalam ayat al-Quran Surah al-A'sr, ayat 2-3, yang antara lain bermaksud:

> Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan perbuatan baik; dan berpesan-pesan dengan kebenaran berpesan-pesan dengan kesabaran.

Seterusnya, memberi pengajaran dan peringatan kepada manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. telah juga mendasari pemahaman Mohd Affandi tentang "Hakikat Ilmu dan Amal". Ini jelas apabila Persuratan Baru menetapkan bahawa kepentingan "ilmu yang benar", yang menjadi asas kepada amal dan perbuatan manusia di muka bumi. Terkandung dalam pengertian "ilmu yang benar" ialah soal tahu dan kenalnya manusia kepada Pencipta mereka yang telah mencipta dan mengurniakan manusia dengan dua tugas penting yang dinyatakan tadi. Dengan kata lain, "ilmu yang benar" menurut beliau, merujuk kepada "ilmu" yang dapat menjadikan manusia mengetahui dan mengenali Pencipta mereka, yakni Allah s.w.t., dan sekali gus menjadikan mereka faham akan dua tugas yang perlu dilaksanakan sepanjang hidup di muka bumi. Ini dijelaskan beliau: Dari sudut mana pun dilihat, ilmu dalam pengertiannya yang hakiki, yang dimaksudkan Islam, ialah kenalnya manusia pada Allah melalui tanda-tanda yang diperlihatkan-Nya kepada manusia dan betulnya tafsiran manusia kepada tanda-tanda itu (Mohd Affandi 1992: 20)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di katakan watak-watak baik dan menarik telah wujud dalam karya beliau. Hatta memilih corak drama etika yang mempersembahkan perjuangan pihak yang suci. Bagi melaksanakan tujuan ini, Hatta telah memilih cara-cara melodrama yang walaupun dapat menjelaskan sistem etikanya tetapi jalan penyelesaian yang dipilih itu tidak begitu menarik hati dari segi teater. Tumpuan pada penghujung drama "Kerusi" diberikan kepada perjuangan Si Putra yang dengan keris pusakanya melambangkan nilai-nilai etika. Pada mulanya Si Putra dan beberapa wira yang muncul itu gagal kerana mereka cuba menewaskan SriSegala secara perseorangan. Kejayaan mereka bersama pada akhir cerita memberi ajaran kepada penonton mengenai betapa pentingnya nilai kerjasama.

Hatta juga memberi amaran kepada para penonton agar tidak akan terlalu asyik dengan lambang-lambang kuasa yang akan mengongkong mereka. Sebaliknya Si Putra yang memilik keris pusaka itu ingin pula menetapkan sikap egalitarian yang bersifat moden itu. Secara lantang beliau mengatakan kepada Srisegala bahawa: "Sejak bilakah kau berikan nyawa kepada sebuah kerusi dan sebuah gong yang kaku? Kau adalah punca segala-galanya. Dan aku cukup tahu, selama kau di situ, hanya segelintir manusia sahaja akan berjayamendaki gunung mencapai awan. Manusia yang sama bulunya denganmu. Aku dan orang-orang itu hanya akan dihiburkan dengan lakonanmu. Kau membawa kami ke dunia tiga penjuru dengan segala janji bahawa penjuru ini lebih baik dari yang itu dan ini adalah yang lebih baik lagi. Aku sudah tahu dunia tiga penjurumu itu sama semuanya. Tidak ada yang lebih baik".

Dalam drama "Kerusi", watak Putra adalah seorang yang berani dan, penyayang, baik hati serta bijak serta mempunyai keyakinan diri yang sangat tinggi. Masayu ialah Isteri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada Putra. Beliau adalah seorang isteri yang penyayang dan sanggup berkorban demi menyelamatkan suaminya dengan memujuk dan merayu belas kasihan Srisegala.

Penerapan konsep hierarki di sisi Allah s.w.t. juga jelas apabila Persuratan Baru memperakui kesempurnaan peribadi Rasulullah s.a.w. yang diiktiraf sebagai *Uswah Hasanah* (Contoh Ikutan yang Baik) yang menafikan kesahan nilai-nilai yang bertentangan dengannya, seperti yang akan dijelaskan dalam perbincangan tentang "Hakikat dan Fungsi Sastera" nanti. Pada tahap ini, penekanan Persuratan Baru terhadap matlamat untuk mengajar dan mengingatkan manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. diiringi perakuan dan pengutamaannya terhadap perkara tertentu di satu pihak, serta penafian dan peminggirannya terhadap perkara tertentu di pihak yang lain.

Manakala watak Mega yang terpaku mengenangkan satu kehilangan yang amat berat yang perlu dipikul oleh beliau terhadap kekasihnya. Jiwanya terasa diri semakin kecil, rindu pada sesuatu yang belum pasti tiba. Beliau mencari kekuatan agar kehilangan dapat dikembalikan. Terus mencari tanpa rasa jemu, dengan berbekalkan perasaan dan kemahiran akhirnya beliau berjaya mengukir patung-patung yang cukup bermakna buatnya. Lahir patung imaginasinya yang cukup cantik iaitu Maya.

Ayat al-Quran tersebut juga dengan terang menjelaskan bahawa pertanyaan Allah s.w.t. itu kemudiannya disambut oleh roh manusia dengan ikrar dan janji untuk menyembah Penciptanya, sebagaimana yang jelas pada ungkapan *bala shahidnaa* (betul [Engkau Tuhan Kami], kami menjadi saksi). Menurut Mohd Affandi, perkara penting yang terkandung dalam jawapan manusia kepada Allah s.w.t. ialah "janji" seorang hamba yang sanggup memperakukan keesaan Penciptanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pegangan etika Hatta juga menyelesaikan permasalahan dalam drama berikutnya iaitu "Patung-Patung" antara ilusi dan realiti, demi kepentingan cerita dan melodrama yang menampilkan Dupa yang keperibadiannya serta fungsinya agak sama dengan Putera dalam "Kerusi", Hatta dapat menamatkan dramanya dengan kejayaan akhlak yang cemerlang dan mengakhiri cerita dengan harmonis.

Sahabat II:	Datang dari mana?
Sahabat I:	Apa tujuan?
Sahabat IV:	Tuan ni siapa?
Orang Luar:	Nak tau semuanya?
Sahabat III:	Ya mesti!!! Sebelum kita buat apa-apa urusan, mestilah kenal-kenal dulu. Sekurang-kurangnya tahu nama.
Orang Luar:	Saudara kita yang ini (Sahabat IV) tadi dah panggil saya tuan! Kebetulan saya pun senang hati dengan panggilan itu, jadi teruskan sajalah!
Sahabat II:	(Sambil menjeling Sahabat IV). Baiklah! Saya ulang lagi pertanyaan dia tadi. Tuan ni siapa?
Orang Luar:	Saya ni seorang peniaga, atau kalau sekarang ni lazimnya orang sebut *businessman*!

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hatta Azad Khan (2009:.17)

Dialog yang diucapkan di atas memaparkan sikap positif serta satu permulaan yang baik semasa pertemuan antara para sahabat dengan orang luar. Orang luar sebagai seorang tetamu yang tidak dikenali telah hadir di celah-celah kekecohan antara sahabat untuk meneyelsaikan masalah pengkebumian mayat sahabat mereka. Kehadiran tetamu itu di sambut dengan baik dan tetamu berasa amat senang hati semasa memperkenalkan dirinya setelah diberi gelaran sebagi "Tuan". Kemesraan yang ditunjukkan oleh mereka memaparkan kebijaksanaan akal dan ilmu yang baik oleh sahabat sewaktu menerima kehadiran tetamu walaupun kegawatan berlaku pada waktu itu yang memungkinkan mereka untuk tidak memperdulikan kehadiran orang asing atau tetamu lain. Tetamu itu diberi ruang untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperkenalkan diri dan meneruskan pengucapan walaupun tujuannya itu memungkinkan sesuatu yang tidak diinginkan terjadi. Namun, rundingan kedua-dua pihak kelihatan berjalan dengan lancar tanpa sebarang kerumitan.

Sahabat I: (Terkejut). Bayar?? Bayar apa??
Orang Luar: Mayat tu! Berapa harga yang saudara-saudara mahu?
Sahabat II: Jadi? Tuan ni peniaga mayat? Tukang beli dan jual mayat? Ohhh Tuhannnn!!! Seram sejuk tubuh aku. Belum pernah aku dengar seumur hidup, orang berjual beli mayat!!!...
Sahabat III: (Marah). Itu yang tuan katakan business???
Orang Luar: (Tenang).Berapa yang tuan-tuan mahu saya bayar?
Sahabat I: (Menggigil). Tolonglah!!! Tolonglah tuan!!! Kami ni walau bagaimana sesak sekalipun, belum pernah terniat di hati nak jualkan mayat seorang sahabat sendiri. Tidak!!! ... kami tak perlu wang tuan!

Hatta Azad Khan (2009: 23)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keadaan semakin keliru, mereka dikejutkan dengan kehadiran orang luar yang tidak dikenali cuba untuk memperdayakan mereka dengan cuba membeli mayat sahabat mereka. Pertama kali dalam hidup mereka mendengar soal berjual beli mayat. Keadaan ini menambahkan lagi kekusutan mereka dalam hal cuba untuk menyelesaikan maslah pengkebumian yang masih belum selesai. Jelas memaparkan satu babak perbualan yang sungguh menyayat hati, dan melambangkan keprihatinan para sahabat yang tidak mahu sesiapa mengambil kesempatan ke atas mayat sahabat mereka itu, lebih-lebih lagi kepada seorang yang langsung tidak mereka kenali. Memaparkan sikap sahabat-sahabat yang amat prihatin dan berakal atau berfikiran waras dalam menangani masalah ketika itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 PERSURATAN YANG DAYA KREATIF YANG TINGGI, INTELEK, BERADAB DAN TERKAWAL

Sikap tidak mementingkan orang lain yang menjangkiti watak-watak "Mayat" berupa sikap yang kurang sopan dan sebenarnya tidak menyentuh persoalan metafizik mengenai diri. Tambahan pula sahabat-sahabat yang ingin memperolehi faedah daripada mayat bekas sahabat mereka akhirnya tidak mencapai tujuan jahat mereka dan hukuman ini dijatuhkan oleh penulis untuk mengaskan sistem etikanya. Dalam "Patung-Patung" yang mempersoalkan dunia perantaraan iaitu antara mimpi dengan realiti, Hatta juga cepat menamatkan perbincangan ini apabila berpaling kepada tenaga etika yang berlandaskan kesucian dan agama.

Beberapa orang antara mereka juga memeprkenalkan nilai-nilai formal dalam teater dan nilai –nilai formal dalam teater dan perkara ini dibayangi oleh kesedaran mereka akan bentuk penulisan dan persembahan. Karya Hatta jelas menunjukkan kecenderungan ini malah boleh dikatakan bahawa kesedaran terhadap nilai-nilai formal dalam teater ini adalah sungguh tegas. Umpamanya darama "Kerusi" dari segi pementasannya dilakukan secara sedar sebagai teater "arena". Pada tahun 1970an beberapa set teater kontemporari dibikin daripada benda-benda ynag di jumpai, iaitusatu estetika seni yang dipelopori oleh segolongan pelukis di Amerika pada tahun 1960-an.

Gejala ini dalam drama ini berjalan antara dua lapisan masa dan ruang tersebutproses yang agak sama di amalkan mengenai sikap pelakon dan hubungan dengan penonton. Biasanya pelakon bergerak dalam ruang dan masa antara diri mereka tetapi kadang-kadang mereka keluar daripada gelanggang supaya dapat berhubung terus dengan penonton. Corak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lakonan keluar masuk dari ruang dan masa yang tertentu sering dilakukan dalam teater kontemporari yang pada asasnya hidup antara realiti dengan ilusi.

Pelbagai saluran serta lapisan dan permainan kata terbayang dalam "Kerusi". Tetapi kemungkinan metafizik yang berasaskan perkara itu dinafikan oleh Hatta pada akhir drama itu kerana akhir-akhirnya Hatta memilih corak drama etika yang mempersembahkan perjuangan pihak yang suci. Bagi melaksanakan tujuan ini , Hatta telah memilih cara-cara melodrama yang walupun dapat menjelaskan sistem etikanya tetapi jalan penyelesaian yang dipilih itu tidak begitu menarik hati dari segi teater.

Tumpuan pada penghujung drama "Kerusi" diberikan kepada perjuangan Si Putera yang dengan keris pusakanya melambangkan nilai-nilai etika . pada mulanya Si Putera dan beberapa wira yang muncul itu gagal kerana mereka cuba menewaskan Seri segala secara perseorangan. Kejayaan mereka bersama pada akhir cerita member ajaran kepada penonton mengenai betapa pentingnya nilai kerjasama. Hatta juga member amaran kepada penonton supaya mereka tidak akan terlalu asyik dengan lambang-lambang kuasa yang akan mengongkong mereka. Sebaliknya Putera yang memegang keris pusaka itu ingin menetapkan sikap egalitarian yang bersifat moden itu. Secara lantang beliau mengatakan kepada Serisegala bahawa:

Sejak bilakah kau berikan nyawa kepada sebuah kerusi dan sebuah gong yang kaku? Kau adalah punca segala-galanya. Dan aku cukup tahu, selama kau di situ, hanya segelintir manusia sahaja yang akan berjaya mendaki gunung mencapai awan. Manusia yang sama bulunya denganmu. Aku dan orang-orang itu hanya dihuburkan dengan lakonanmu. Kau membawa kami ke dunia tiga penjuru dengan segala janji bahawa penjuru ini lebih baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada yang itu dan yang ini lebih baik lagi. Aku sudah tahu dunia tiga penjurumu itu sama semuanya. Tidak ada yang lebih baik.

Watak Mega dan Alang dalam dialog yang dinyatakan di bawah telah memperlihatkan perbualan yang penuh dengan sindiran dan makna yang pelbagai jika direnung dengan lebih teliti. Dahaga yang dimaksudkan oleh Alang sebenarnya adalah sebenarnya memberi sindiran kepada Mega yang kelihatannya begitu asyik dengan patung-patungnya. Mega sendiri menyatakan bahawa dia sebenarnya begitu dahagakan kasih sayang yang selama ini telah lenyap, dan mula berputik kembali setelah patung arca yang paling disayanginya itu iaitu Maya telah hidup kembali dan mengingatkannya kepada nostalgia atau kisah silam yang selama ini begitu dirinduinya.

Mega: Apa yang kau cari?
Alang: Err mencari sedikit keperluan di sini.
Mega: Apa yang kau perlukan?
Alang: Kau ada air?
Mega: Untuk kau minum?
Alang:Masakan air untuk dimakan?
Mega: (Senyum). Sekarang kan ada yang makan ketika dahaga dan minum waktu lapar?
Alang: Ahh dua-duanya sama saja. Semuanya untuk perut. Minum pun boleh hilangkan lapar.
Mega: Betul? Tapi ... makan tak boleh hilangkan dahaga!
Alang:Tengoklah apa sebenarnya yang didahagakan. Kalau lain perkara yang didahaga ...diberi makan hilanglahdahaganya!
Mega: Ya! Kau memang bijak!

Hatta Azad Khan (2009: 37-38)

Ternyata dahaganya pada Maya telah pulih kembali, Mega seakan-akan kembali ceria dan bahagia di hadapan Alang. Alang cuba menguji Mega setelah mengetahui Mega sedang berkasih-kasihan dengan patung kesayangannya iaitu Maya. Tiba-tiba Alang muncul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setelah mendengar perbualan mereka. Kehadiran Alang yang berada di dalam keadaan yang begitu dahaga, dan Mega menganggap Alang hanya memerlukan air untuk menghilangkan dahaganya. Alang secara tiba-tiba sudah merasa kenyang dan tidak lagi dahaga setelah melihat patung-patung termasuk Maya yang seakan-akan seperti manusia yang hidup. Dari perbualan mereka ini memaparkan kekreatifan Alang dan Mega semasa dialog berlangsung. Ilmu yang kelihatannya agak tinggi sehingga pembaca boleh memberi banyak tanggapan tentang dahaganya Alang di awal perbualan mereka

4.4 KESIMPULAN

Setelah kita diperlihatkan dengan Teori Persuratan Baharu ini, telah memaparkan empat ciri yang masing-masing sebenarnya harus bersandarkan kepada tauhid dan keimanan. Namun, dalam teater atau drama yang berbentuk absurd memiliki keempat-empat ciri tersebut tetapi malangnya tidak kesemuanya bersandarkan kepada tauhid dan keimanan. Lebih-lebih lagi dalam "Patung-Patung" yang memaparkan watak Mega yang terlampau memuja patung arcanya sehingga lupa akan dirinya terhadap kewujudan Tuhan sebagai Maha Pencipta. Mega tidak memperlihatkan sebarang bentuk tauhid dalamperbualnnya walaupun keistimewaan beliau yang boleh mereka sebuah patung arca yang berbantuk manusia yang seakan-akan sama seperti manusia. Sehingga akhirnya beliau seolah-olah berada di dalam dunia khayalan yang hidup bersama Maya, berbual dan menari bersama tanpa sebarang halangan.

Manakala dalam drama "Mayat", keempat-empat orang sahabat berpijak di dunia yang nyata. Namun sifat tauhid sert keimanan tidak dipaparkan dalam dunia mereka yang dikatakan serba kekurangan. Fokus lebih tertumpu kepada pengurusan mayat sehinggalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mayat tersebut telah ghaib daripandangan mereka, dan hinggalah salah seorang daripada mereka memaparkan sikap yang terlalu tamak dan angkuh kerana mendoakan kepada sahabat yang lain agar mati sebelum beliau mati kerana menginginkan habuan yang dirasakan terlalu tinggi nilainya.

Menganggap mayat yang hilang tersebut telah membawa kepada satu kerugian yang setelah berunding dengan peniaga (Orang Luar) untuk mendapat habuan yang besar. Rasa kesalan tidak dinyatakan dengan keimanan malah dinyatakan dengan sebaliknya, sekiranya ada sahabat mereka yang akan meninggal dunia buat pasti dia akan memanggil beliau untuk dijual. Ayat terakhir dalam drama "Mayat" memaparkan kerakusan dari kemiskinan mereka sehingga hilang nilai-nilai tauhid dan keimanan.

Mayat* dan *Kerusi, adalah dua buah drama dekad 70-an yang sehingga kini menjadi popular, terus dipentaskan dan terus diperbincangkan. Dekad 70-an yang dikenali sebagai dekad drama absurd, absurd ala Malaysia atau drama abstrak atau drama eksperimen terdpat dramatis seperti Hatta, Johan Jaaffar dan Dinsman yang berhadapan dengan masyarakat Malaysia yang baru mengalami rusahan perkauman pada 13 Mei 1969. Malah drama absurd dekad 70-an lama-kelkamaan memberikan kesan yang tidak menyenangkan kerana selepas euphoria bereksperimen dan euphoria menonton sesuatu yang baru, khalayak tidak terus-menerus memberikan sambutan. Malah, bilangan khalayak menurun. Dekad 80-an cuba mengatasi masalah ini dengan mewujudkan drama yang tidak absurd, tetapi lebih realistic. Hatta menyambut desakan ini dengan menulis drama realism yang sekali gus menjadi drama perpaduan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam seluruh pengkaryaannya Hatta telah memperlihatkan kepriharinan, harapan, resah gelisahnya tentang masyarakat majmuk Malaysia yang dilanda oleh beraneka cabaran, harapan dan pembangunan. Hatta lebih menitikberatkan kaum bawahan yang terbiar, tertindas dan berada dalam keadaan yang tertekan berbanding orang kelas atasan yang mempunyai wang dan kuasa. Jukstaposisi antara yang miskin dan tiada kuasa dan yang kaya serta mempunyai kuasa (dan menyalahgunakan kuasa) dibuat untuk memaparkan ketidakadilan kehidupan dan keresahan dalam masyarakat majmuknya.

Namun begitu, terdapat jurang yang memisah-misahkan rakyat, dan sentiasa terdapat binary dan oposisi kaya-miskin, bai-jahat, suka-duka, kejayaan-kegagalan, harapan-mimpi, Hatta tetap boleh mempercayai tentang kebaikan masyarakat dan kegemilangan masa depan masyarakat majmuk ini. Di sinilah terletaknya keistimewaan karya Hatta yang diwarna-warnikan dengan kepelbagaian watak, isu dan estetika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesedaran terhadap perkembangan politik semasa tanahair telah merubah struktur pemikiran dramatis dekad 70an ini. Dramatis-dramatis dekad ini tidak lagi dibuai angan-angan atau khayalan dengan segala macam pemikiran yang bertujuan memenuhi emosi. Drama yang ditampilkan tidak terkongkong dalam dunia persekitarannya sahaja, Persoalan konsep kedaulatan bangsa dan budaya Melayu yang ada kaitannya dengan penegasan Dasar Kebudayaan Kebangsaan menjadi teras kepada penglahiran karya-karya baru dekad ini. Walaupun absurd itu diertikan sebagai sesuatu yang sukar dimengertikan bukanlah bermakna pengarah sewenangnya menyajikan bentuk persembahan yang hambar dan tidak bermakna kerana tindakan sebegini hanya akan mengundang kebosanan sekaligus menyebabkan penonton enggan menikmati teater berbentuk absurd di masa akan datang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5:

ASPEK NILAI-NILAI MURNI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 PENDAHULUAN

Menurut Abdullah Tahir dalam " *Meneliti Nilai-nilai Islam Dalam Keabadian*"Ada beberapa nilai Islam yang jelas dikemukakan oleh pengarang antaranya nilai-nilai dakwah Islamiah, nilai-nilai hidup masyarakat secara Islam, konsep menyerah kepada Allah, persoalan nasihat dan kesedaran penyesalan taubat.

5.1 NILAI-NILAI DAKWAH ISLAMIYAH

Maksud dakwah Islamiah disini tidak semestinya persoalan pokok sesebuah cerpen itu menunjukkan cerita dakwah atau mengajak manusia bukan Islam supaya memeluk Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai dakwah disini bermaksud adanya usaha pengarang memberi pengajaran mengenai nilai-nilai baik dan buruk menurut mata Islam. Pengarang menyelitkan bahawa manusia haruslah bersedia menerima balasan tuhan setelah menyedari kesilapan yang pernah dilakukan suatu ketika dahulu

Kalimat di ucapkan itu jelas menunjukkan usaha pengarang menampilkan unsur dakwah Islamiah iaitu sebagai orang Islam kita sama sekali dilarang bersifat angkuh dan menghina orang lain. Lebih dari itu dalam apa-apa situasi, lebih-lebih lagi dalam keadaan kesusahan seseorang Islam Muslim itu perlulah menunjukkan sikap sabar. Konsep maut di tangan tuhan juga pernah diangkat oleh pengarang dalam kajian terhadap drama Mayat. Kematian tidak mengira tua ataupun muda, sihat atau pun sakit. Sampai janji kita kepada yang esa, kita akan meninggalkan segalanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga pengarang menunjukkan betapa pentingnya persahabatan. Dalam drama tersebut pengarang iaitu Hatta Azad Khan telah menyindir segolongan manusia yang tidak berhati perut. Saling salah menyalahi antara satu dengan yang lain. Tanpa mereka sedari bahawa ajal dan maut itu di tangan Allah. Oleh yang demikian, umat Islam dipinta selalu bersabar dengan ujian daripada Allah. Allah selalu menyuruh hambaNya berusaha agar tidak kecewa dalam mengharungi kehidupan yang penuh cabaran ini. Dalam drama Mayat, karya Hatta Azad Khan, ayat-ayat yang digunakan pada keseluruhannya pendek-pendek dan ada ketikanya diselitkan dengan kata-kata yang jenaka seperti:

> Sahabat 1V: Itulah! Yang di dalam tu kan mayat sahabat kita yang dah mati tu? Takkan kita nak biarkan begitu sahaja. Kita yang masih hidup inilah yang mesti menguruskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sahabat 11: Mayat tu dah memangnya kurus:nak menguruskan macamana lagi?Sahabat 1V: Maksud aku nak diuruskan!

Sahabat 11: Ooo...!

Sahabat 1: Jadi ? Apa yang nak diuruskan sekarang ?

Sahabat 1V: (Meninggikan suara.) Mayat itulah !!!

Hatta Azad Khan (2009: 22)

Melambangkan sifat manusia yang rendah, kurang sifat-sifat kemanusiaan dan hidup yang terputus dari dasar agama. Ini satu gambaran kekacauan dalaman manusia terhadap sistem hidup yang penuh dengan kemunduran dan kemiskinan. Absurdisme adalah monolog dalaman jiwa. Namun, dengan dipersembahkan secara komedi atau disertai dengan unsur komedi keseriusan itu menjadi lembut dan mendekati perasaan dan jiwa khalayaknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui drama Mayat ciptaan Hatta Azad Khan memperlihatkan gambaran mengenai persoalan pengebumian mayat seorang sahabat serta masalah mengenai tanah kubur menjadi tumpuan utama disamping mempersoalkan nilai-nilai kemanusiaan yang tergugat, apabila usaha mengejar kemajuan dan sifat materialistik manusia mengatasi segala-galanya. Kita diperkenalkan dengan pelbagai tingkah mnausia dan masing-masing mempunyai gelagat yang kadang-kadang terlalu mementinglkan diri sendiri. Rasanya elok juga kita mengambil perhatian pandangan Rahmah Bujang iaitu nilai yang ditonjolkan melalui tema dan persoalan gaya sebenarnya positif seperti dalam *Mayat* dan lain-lain. Watak perantaraan untuk penyesuaian nilai itu digambarkan sebagai manusia yang mencari, menanti bahkan ada harapan untuk masa depan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui drama-drama absurd ini yang kaya dengan unsur-unsur jenaka bertujuan untuk melakukan sindiran-sindiran terhadap kepincangan masyarakat. Sindiran yang terjelma secara jenaka itu memperlihatkan nilai-nilai manusia, sifat mementingkan diri sendiri, tamak, berlagak, curiga dan kadang-kadang pura-pura takut diri. Kesemuanya itu dapat dikaitkan pula dengan persoalan-persoalan moral dan etika manusia.

5.2 NILAI HIDUP BERMASYARAKAT SECARA ISLAM

Nilai hidup bermasyarakat secara Islam tidak dilukiskan secara lansung dan dengan mudah difahami oleh pembaca dengan bahasa yang ringkas dan mudah difahami dalam drama Patung-Patung memaparkan hubungan kemasyarakatan yang semakin rosak. Pengarang menyindir masyarakat dengan sikap tidak ambil tahu serta mementingkan diri sendiri. Drama Patung-Patung, menggambarkan manusia yang sudah terlalu mabuk dengan cinta yang bersedia untuk melakukan apa sahaja; malah sanggup menghadapi suatu trajedi dan rela menerima perintah orang yang dikasihinya itu.

Kekayaan dialog sinisnya dapat kita ikuti sepanjang pengembangan plot drama ini. Di sini kita mengambil contoh ketika Mega hendakkan air untuk diminum. Perdebatan antara Mega dan Alang memperlihatkan kebodohan antara mereka sehingga lupa dengan nilai-nilai murni dalam perhubungan yang langsung tidak diberi penekanan. Pengarang cuba menonjolkan sikap ego yang melampau antara mereka.

Dalam drama Kerusi, institusi masyarakat telah dicalar oleh pihak-pihak yang tidak memiliki nilai-nilai jati diri serta bermaruah, bagi diri Srisegala yang lebih merupakan watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hitam yang menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan sendiri.Memiliki kerusi nikmat dan gong hikmat yang menyebabkannya sukar dicabar kuasa dan kedudukannya.Beliau menggunakan kuasa dan kedudukannya untuk kepentingan diri, tidak berperikemanusian serta angkuh dan sombong manakala watak Putra sebagai pencabar kepada Srisegala. Mempunyai seorang isteri bernama Masayu yang penuh dengan kasih sayang. Berbeza dengan watak pertama tadi , yakni Serisegala, Putra adalah seorang yang berani dan, penyayang, baik hati serta bijak serta mempunyai keyakinan diri yang sangat tinggi. Masayu ialah Isteri kepada Putra. Beliau adalah seorang isteri yang penyayang dan sanggup berkorban demi menyelamatkan suaminya dengan memujuk dan merayu belas kasihan Srisegala.

Kejujuran dan sikap mudah percaya kepada tipu helah Srisegala memusnahkan dirinya sendiri. Tuta Utama pula adalah Pemukul gendang dan gong.yakni Orang kanan kepada Srisegala. Dia sentiasa patuh dalam menjalankan tugas yang diperintahakan oleh Srisegala dan mereka suka mengampu. Begitu juga dengan Tuta I, II, dan III merupakan pengikutnya yang paling setia.berbeza dengan Wira I, II, dan III pula merupakan pendekar-pendekar yang muda bersatu dengan putra untuk menewaskan Srisegala. Maka sangat jelas, nilai hidup bermasyarakat yang dikatakan berteraskan tauhid tidak lagi dapat dipertahankan.

Sahabat II: Jadi! Kita pun nak ikut mati sama?
Sahabat IV: Aku tak kata macam tu!
Sahabat II: Jadi? Kau kata macam mana?
Sahabat III: Kebahagiaan seorang sahabat yang dah mati? Apa maksud kau ni?
Sahabat IV: Itulah! Yang di dalam tu kan mayat sahabat kita yang dah mati? Takkan kita nak biarkan begitu saja. Kita yang masih hidup inilah yang mesti menguruskannya.

Hatta Azad Khan (2009: 28)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam hidup bermasyarakat, harus tahu tanggungjawab dan peranan masing-masing. Nilai-nilai bermasyarakat telah ditujukkan dengan baik oleh sahabat IV. Mengajak rakan-rakan yang lain menyegerakan pengurusan jenazah dengan baik. Melihat kepada keadaan yang semakin mengelirukan dan pelbagai telatah rakan-rakan yang tidakmengendahkan si mayat, rasa tanggungjawab beliau untuk mengajak mereka untuk segera mengebumikan mayat tersebut. Rasa tanggungjawab dan kerisauan itu memaparkan nilai-nilai kemasyarakatan yang tinggi dan harus diteladani oleh rakan-rakan yang lain seperti yang telah dituntut oleh agama Islam itu sendiri. Kewajiban sebagai seorang Islam harus dipegangi dan tidak tergelincir dari sempadan yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

Sahabat I: Takkanlah orang mati...
Sahabat II:(Memotong). Bukan orang! Kalau dah mati kita panggil mayat.
Sahabat I: Yalah! Mayat orang mati. Takkanlah mayat tu nak bangun sendiri berjalan ke lubang kubur? Tentulah kita yang akan mengusungnya.
Sahabat IV: Itu perkara senang! Kita di sini dah berempat? Tentulah boleh kita mengusungnya. Mayat yang di dalam tu pun bukannya berat sangat. Marilah!

Hatta Azad Khan (2009: 9)

Sahabat IV telah mempermudahkan sesuatu perkara yang susah iaitu dengan mengajak sahabat-sahabat yang lain sama-sama mengusung mayat sahabat mereka ke kubur untuk dikebumikan. Pelbagai kesulitan dan masalah telah ditimbulkan oleh dari pelbagai ragam sahabat yang lain. Sikap yang ditunjukkan oleh sahabat IV dengan cuba

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatupadukan sahabat yang lain adalah di anggap sebagai contoh sikap yang bermaruah dan sebagai satu tanggungjawab dalam masyarakat yang dituntut oleh Islam.

Namun sebaliknya keadaan masyarakat sebenar turut berlaku, di mana turut memaparkan keadaan kepincangan dalam masyarakat setelah tetamu tersebut menyatakan kegunaan anggota sulit dijual kepada golongan pondan atau mereka yang ingin menukar jantina. Dalam perbualan itu, kelihatan seperti sebuah perbualan jenaka dan berbentuk sandiwara serta langsung tidak menganggapnya satu keadaaan yang begitu serius. Anggota sulit mayat dijadikan barang gantian untuk sesuatu yang tidak kena pada tempatnya. Seakan-akan menggalakkan perbuatan terkutuk itu dari terus berlaku tanpa tanpa sebarang halangan kerana bagi mereka wang adalah segala-galanya. Mampu dibeli dengan harga yang tinggi walaupun jelas ianya adalah perkara yang terkutuk dan dilaknat oleh Allah Taala. Ini jelas dalam petikan di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sahabat III: Adakah semua alat-alat dan anggota pada mayat tu boleh dijadikan barang ganti?
Orang Luar: Itu terpulanglah pada keperluan si pesakit!
(Sahabat III senyum-senyum dan ketawa)
Orang Luar: Kenap saudara ketawa?
Sahabat III: (Dalam ketawa). Jadi, alat yang itu pun berguna jugalah!
(Semua ketawa geli hati)
Orang Luar: (Senyum-senyum)). Tentulah berguna! Kalaupun tidak untuk seseorang yang sakit, ia berguna juga pada kaum Hawa yang dah buat keputusan untuk jadi macam kita ni! (Semua ketawa lagi).
Sahabat II: (Senyum-senyum). Tentulah mahal harganya ya?

Hatta Azad Khan (2009: 24)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 MENYERAH KEPADA ALLAH

Ini menunjukkan betapa watak yang dibina oleh pengarang berserah. Keadaan ini membuatkan pembaca sedar dengan apa keadaan sekalipun kita hendaklah pulang kepangkuanNya kerana dari mana kita datang dan kesitulah kita akan kembali. Dalam Drama *"Kerusi"*, mempersoalkan konsep hidup yang berhubung dengan nasib, penentuan dan takdir serta tindakan-tindakan manusia terhadapnya seperti watak Putra. Dengan penderitaan dan kesengsaraan yang ditanggungnya akibat kerakusan kuasa oleh Sri Segala. Watak Putra menanggapi semuanya itu adalah satu penentuan yang telah ditetapkan oleh takdir dan menerima nasib sedemikian tanpa tolak darabnya lagi. Beliau tidak mempunyai kuasa untuk menentangnya dan hanya berserah kepada takdir.

Fatalisme Melayu memanglah banyak berserah kepada Tuhan berbeza dengan konsep fatalisme Barat. Akal anugerah Tuhan Yang Maha Besar itu hendaklah digunakan dengan sebaiknya.

Sahabat II: Dia mati sebab sebelum tu dia sakit!
Sahabat III: (Menambah), dan sakit tu kerana kerja terlalu kuat untuk tolong kau supaya sembuh dari sakit, dan tak mati.
Sahabat II: (Serba salah). Tapi!Aku pun kerja kuat waktu dia sakit!
Sahabat II: Tapi dia yang mati!
Sahabat IV: Nanti dulu! Kita tak boleh nak salahkan sesiapa dalam hal ni. Memang masanya untuk mati tu dah sampai, matilah dia. Kita tak ada masa nak tahan dia supaya jangan mati.

Hatta Azad Khan (2009: 7)

Kematian tidak mereka pinta, ini semua adalah kehendak Allah. Mereka berserah pada takdir yang telah menentukan kematian sahabat mereka itu. Mengenang kembali arwah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang kehidupan lampau, arwah seorang yang memang bekerja keras dan kuat berusaha sama seperti rakan-rakan yang lain. Saling hidup bantu-membantu dan mengambil berat sekiranya ada yang sakit dan berada di dalam kesusahan. Namun, soal kematian tidak boleh dianggap satu perkara yang boleh dipermainkan. Tuhan telah mengatur segalanya, mereka hanya harus berserah kepada takdir dan mendoakan kesejahteraan pada arwah semoga ditempatkan di syurga bersama orang-orang yang beriman.

Dalam drama "Patung-Patung" memperlihatkan watak Maya (Patung arca) yang diberikan nyawa dalam dunia khayalan Mega telah berkali-kali mengajak Mega akan merenung dengan jelas pada kekuasaan Tuhan dan kembali kepada duia nyata, tetapi tidak dihiraukan Mega. Dialog ini jelas dapat kita lihat seperti di bawah:

Maya: Kita berdosa Mega!
Mega:Dosa? Apakah dia dosa??? Siapa yang berdosa???
Kita??? Kalau kita ... kepada siapa??
Maya: (Lembut). Pada suara hati! Pada gerak nadi! Pada yang
ha Kuasa ... yang mengatur dan menggerakkan segala
galanya!

Hatta Azad Khan (2009: 42)

Kelihatan Maya terlalu berhati-hati dalam segala tindak tanduknya sewaktu bersama dengan Mega, akhirnya terpaksa dengan menunjukkan rasa risaunya terhadap Mega yang terlampau memujanya sehingga melupai Yang Maha Kuasa iaitu Allah Taala. Maya cuba membawa Mega ke alam sebenarnya dan mengingatkan kepada Mega terhadap Tuhan agar Mega tidak lupa diri dan menolak Tuhan yang menciptanya termasuk Maya walaupun hanya sebuah patung arca rekaan Mega, tetapi juga dicipta oleh Allah Taala. Kelihatan kekuatan Maya sebagai sebuah patung yang sepatutnya tidak memberi makna apa-apa kepada manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tetapi telah dianugerahkan oleh Tuhan daya fikirnya yang mampu membawa Mega supaya mendekati Allah Taala.. Keadaan ini jelas dapat kita lihat dalam dialog berikut:

Maya: Alam tanpa dosa yang sengaja ditempah. Kehendak hati yang mencari kepuasan.
Mega: Maya! ...
Maya: Kita adalah milik Yang Maha Kuasa, Mega! Kita akan dilindungi-Nya selama kita menghambakan diri pada-Nya.

Hatta Azad Khan (2009: 43)

Keadaan dialog semakin jelas dalam halaman seterusnya dalam drama ini, di mana sekali lagi Maya mengajak buat kali keduanya agar Mega kembali ke alam nyatanya dengan mengingati Allah Taala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 NILAI-NILAI NASIHAT

Dari segi falsafah, absurd yang klasik mempersoalkan pemikiran etika yang sedia ada supaya menetapkan peranan yang berdaulat kepada diri atau self dalam dunia. Dengan kata lain, falsafah eksistentialisme merupakan asas pemikiran absurd. Kembali ke Malaysia kita mendapati kebanyakan penulis teater kontemporari termasuk Hatta mempunyai tanggapan etika yang kuat yang selalu membezakan antara yang baik serta suci dengan yang kurang baik, jahat, zalim dan menganiaya. Pegangan etika ini selanjutnya menafikan pertanyaan-pertanyaan yang bercorak metafizik yang berlanjutan. Bagi mereka peranan diri harus dibentuk menurut etika yang tertentu sama ada ia diasaskan kepada kebenaran ataupun kesucian dan bagi mereka juga adalah tidak perlu untuk mencari-cari serta memperbaharui diri ketika berdepan dengan setiap situasi yang wujud itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pegangan etika Hatta juga menyelesaikan segala permasalahan dalam drama berikutnya iaitu "Patung-Patung". Sekali lagi Hatta membiarkan segala kemungkinan meafizik yang terkandung dalamdrama itu, terutamanya tentang wilayah perantaraan iaitu antara ilusi dengan realiti, demi kepentingan cerita dan melodrama yang dipengaruhi oleh nilai etikanya. Dengan menampilkan Dupa yang keperibadiannya serta fungsinya agak sama dengan Putera dalam"Kerusi", Hatta dapat menamatkan dramanya dengan kejayaan akhak yang cemeerlang dan mengakhiri cerita dengan suasana harmonis.

Sahabat III: Jadi kita semua yang tak sakit, telah bekerja keras sedikit, untuk bantu dia hidup. Sekarang ni dia dah mati, jadi kta tak perlu lagi menyuap ke mulutnya.
Sahabat I: Aku yang selalu suapkan nasi padanya dulu.
Sahabat III: Dan sekarang ni tak payahlah kau suap-suapkan lagi!
Sahabat IV: Tak baik ada anggapan macam tu! Diakan sahabat kita? Memang dah jadi tanggungjawab kita untuk bantu-mambantu.
Sahabat II: (Kepada Sahabat I). Ya! dulu masa kau sakit, arwah tu pun bekerja keras untuk menyuap mulut kau tu!
Sahabat III: Ya,betul! Nasib baik kau tak mati.
Sahabat II: (Menyambung), sebaliknya pula dia yang mati. Aku rasa dia jatuh sakit sebelum mati tu, adalah kerana kerja terlalu kuat untuk tolong kau waktu kau sakit. Cubalah kau bayangkan, dia sakit dan terus mati kerana nak tolong kau!

Hatta Azad Khan (2009: 6)

Nilai-nilai nasihat wujud semasa perbualan antara mereka (empat sahabat) tentang kebaikan yang telah dilakukan oleh si mayat semasa beliau hidup. Mereka bersimpati dengan usaha yang pernah dilakukan oleh si mayat, mereka cuba menasihatkan sahabat I agar tidak terlalu berkira pada sahabat mereka (si mayat). Mengajak sahabat bekerjasama untuk menguruskan jenazah untuk dikebumikan dengan seberepa segera. Perbualan ini menunjukkan mereka benar-benar bertanggungjawab dan mengambil berat terhadap arwah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka cuba menegur salah seorang daripada rakan mereka dengan memberi nasihat supaya mengenang kembali jasa-jasa si mayat terhadapnya selama ini. Si mayat seorang yang baik hati, bertanggungjawab dan berusaha keras untuk membantu rakan-rakan lain untuk meneruskan kehidupan dalam arus kemiskinan semakin mendesak. Sikap yang ditunjukkan oleh si mayat amat dikenang oleh sahabat yang lain dan rasa bersyukur kerana mereka masih boleh meneruskan kehidupan dengan penuh makna dan terus berusaha dengan lebih gigih.

Orang Luar: Soal mayat adaah urusan saya. Saya akan sentiasa cuba ambil tahu setiap masa, di mana ada mayat.
Sahabat I: Tuan nitukang urus mayat?
Sahabat II: (Menyambung). Dan kemudian dapat upahannya? Itu yang tuan katakan sebagai peniaga tadi?
Orang Luar: (Tenang). Maaflah! Tekaan tu agak kurang tepat. Saya tak pernah ambil upah menguruskan mayat. Saya Cuma mahukan mayat tu!
Sahabat III: Tuan ni bapa saudaranya?
Sahabat II: Atau tuan ni musuhnya? Dan datang sekarang ni kerana nak balas dendam? Saya nasihatkan tuan, tak usahlah!! Dendam-mendendam tu tak baik!
Sahabat I: Lagipun, tak guna berlawaan dengan orang yang dah mati, kerana dia tak akan bengun melawan. Tuan tak akan digelar seorang jaguh kerana berjaya mengalahkan mayat!

Hatta Azad Khan (2009: 18)

Salah seorang daripada sahabat cuba memberi nasihat kepada Orang Luar agar tidak berdendam dengan si mayat, beliau menyarankan agar orang tersebut lupakan niat untuk membalas dendam pada mayat itu. Sebenarnya, para sahabat cuba membei nasihat dengan membuta-tuli tanpa mengetahui tujuan sebenar kehadiran orang luar tersebut. Tujuan mereka cuba menyedarkan orang luar itu memang mulia tetapi tidak kena pada tempatnya. Nilai-nilai nasihat wujud di kalangan mereka dalam perbualan di atas, ini adalah atas dasar keprihatinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka terhadap sesama masyarakat dengan hasrat tidak akan berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini. Namun sebenarnya, bukan tujuan orang luar itu untuk membalas dendam atau membuat keadaan menjadi bertambah huru-hara etapi sebaliknya datang sebagai seorang peniaga untuk membeli mayat sahabat mereka.

5.5 NILAI-NILAI KESEDARAN, PENYESALAN DAN TAUBAT

Drama Mayat membawa jalinan cerita yang menunjukkan seseorang watak itu melakukan hal-hal yang bersalahan dengan nilai-nilai (hukum) Islam di awalnya tetapi pada bahagian akhir cerita digambarkan mereka itu telah sedar, menyesal dan ingin bertaubat. Mereka ternyata ingin kembali kepada Allah dan ajaran Islam yang sebenar-benarnya. *MAYAT* mengisahkan empat orang sahabat yang dalam kesedihan tatkala kematian seorang dari sahabat mereka. Dengan keadaan kehidupan yang serba kekurangan dan ketiadaan tanah perkuburan untuk pengkebumian disebabkan pesatnya pembangunan, empat sahabat itu menghadapi masalah untuk menguruskan mayat teman mereka.

Maka terjadilah konflik dan pertentangan pendapat diantara mereka berempat. Ketika konflik itu bertambah tegang, tiba-tiba datang seorang peniaga yang berurusan dalam perniagaan jual beli mayat. Ia dibantah keras oleh teman-teman yang lain dan terjadilah pertelagahan antara mereka dalam usaha menguruskan mayat tersebut. Dalam keadaan yang tertekan salah seorang dari mereka itu bersetuju untuk menjual mayat teman mereka. Namun akhirnya, mereka sangat menyesali sikap yang terlalu mementingkan diri sendiri sehingga mereka lupa dengan hukum Allah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam drama Kerusi jelas memperlihatkan watak Putra dan Masayu sebagai suami isteri yang begitu taat. Ini mengisahkan betapa seorang isteri yang menunjukkan ketaatannya terhadap suaminya, Putra setelah beberapa insiden yang berlaku yang menyebabkan dirinya terasa tidak dihargai. Kemunculan Masayu mencari suaminya, Putra disambut sinis oleh Srisegala. Masayu sedih melihat suaminya dalam tawanan Srisegala dan dia segera merayu belas kasihan Srisegala supaya suaminya dibebaskan. Rayuan dan tangisan Masayu tidak melembutkan kezaliman Srisegala, sebaliknya Masayu pula yang terpedaya, sehingga lupa dan tidak kenal suami sendiri.

Putra yang buta mencari Masayu tetapi Masayu sudah terpukau oleh kuasa Srisegala. Semakin rakuslah kuasa Srisegala kerana berjaya memutuskan kasih saying antara suami dan isteri itu dengan kerusi dan gongnya. Seorang isteri tidak menunjukkan protes terhadap suami, malah sentiasa menyambut kepulangan suami dengan senyuman dan sentiasa menyedari *syurga isteri* terletak di telapak kaki suaminya. Jarang sekali kita temui seorang isteri yang menunjukkan ketaatannya seperti watak Masayu. Tetapi itulah caranya untuk menjaga keharmonian rumah tangga mengikut nilai Islam. Beliau sentiasa bersabar dan sentiasa mengingati ajaran Islam.. Konsep kesyukuran juga di tunjukkan oleh watak Masayu. Walaupun rasa tidak di hargai tetapi tetap bersyukur kerana kelengkapan rumah tangga tetap disedia dan diutamakan oleh suaminya.

Nilai ini jelas dapat diperlihatkan dalam dialog "Patung-Patung" di antara Mega dan Maya. Mega sangat kesal dan sering menyalahkan diri sendiri terhadap apa yang telah berlaku selama ini. Dia sedar kesalahan telah dilakukan olehnya sendiri, menyesal dengan perbuatannya sebelum ini dan berhasrat untuk memastikan hubungan baru terjalin dan cuba untuk melupakan kisah silam bagi membina masa depan bersama Maya (Patung ciptaannya).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan memulakan semula hubungan yang lebih baik berbanding sebelumnya. Mega seolah-olah seperti berada di dunia khayalan dalam dirinya dan menganggap Maya masih hidup, tetapi keadaan ini cuba di sedarkan oleh Maya. Menyatakan ia bukan lagi Maya seperti dulu, Mega tidak boleh menjalinkan hubungan bersamanya lagi.

Tetapi Mega tetap berkeras hati sehingga merayu kepada Maya kerana kesalahan dilakukan selama ini. Nilai kesedaran dan penyesalan jelas ditunjukkan oleh Mega terhadap Maya tetapi sebaliknya tidak bersandarkan kepada tauhid yakni nilai jauh dari persimpangan untuk beliau bertaubat kepada Allah Taala. Tidak memaparkan seorang manusia yang beriman, hanya penuh dengan dunia khayalan dan tidak berpijak di dunia nyata.

Maya: Tapi!... hidup inibukan hanya tersenyum dan ketawa Mega!
Mega: Tapi...
Maya: Kemahiran mungkin juga membawa mimpi kosong!
Mega: Aku telah banyak menangis. Aku deritai kehilanganmu. Kenapa kau harus pergi?
Maya: Cinta kita telah musnah!
Mega: Tidak!!
Maya: Aku tidak lagi suci.
Mega: Suci? (Ketawa). Suci katamu? Kau tahu apa ertinya kesucian? Itu satu istilah karut. Satu dogma yang telah usang, telah lapuk, basi ...
Maya: Aku juga menyesal!!!
Mega: Perkataan kesal juga sudah padam dariseluruh kamus ciptaan terbaru. Kesalan hanya membuatkan manusia jadi lebih pengecut, bacul, dayus! ...
Maya: Tapi aku bersalah.
Mega: Kau manusia pertama yang aku dengar mendakwa dirinya sendiri bersalah.
Maya: Tidak ada perbuatan yang lebih mulia selain dari mengakui kesalahan sendiri.
Mega: Mulia??? Mendakwa diri sendiri sebagai bersalah adalah satu perbuatan paling bodoh. Apakah bodoh itu satu kemuliaan? Jangan perbodohkan diri. Kau tidak bersalah apa-apa.
Maya: Jadi kau yang bersalah?

Hatta Azad Khan (2009: 35-36)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhan daripada dapatan serta cadangan pengkaji, dirasakan sewajarnya tajuk ini dikaji iaitu persoalan , pemikiran dan nilai-nilai murni dalam ketiga-tiga drama *Mayat, Patung-Patung* dan *Kerusi* kerana di dalamnya terselit pelbagai isu dan persoalan yang boleh mengisi lompang-lompang kekosongan yang perlu ditangani. Tidak banyak buku yang membincangkan tentang Drama Melayu, sehingga teks-teks drama yang dihasilkan dan pementasan yang dilakukan tinggal begitu sahaja. Bidang kajian tentang drama bagaikan 'sebuah pulau yang ditinggalkan'. Kajian banyak dilakukan terhadap genre yang lain seperti sajak, novel dan cerpen. Ketiadaan bahan rujukan menjadikan ia terus menjadi pulau. Hal ini juga disebabkan dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden, genre drama ialah bentuk karya kreatif yang paling akhir diperkenalkan, iaitu di sekitar akhir 1930-an. Yang lebih penting lagi ialah sikap manusia yang terlibat dalam dunia pendramaan ini, terutamanya ialah dramatisnya yang bakal melahirkan skrip yang menjadi tunjangan budaya drama itu.

Hari ini kita amat sukar untuk mendapatkan skrip yang baik. Lagipun seakan-akan tidak ada jaminan dalam budaya drama. Jaminan yang dikatakan amat penting dalam zaman serba materialistik ini. Bukanlah ertinya dengan berdrama menjamin segala-galanya tetapi sekurang-kurangnya mereka boleh mandiri dengan drama mereka sebagai dramatis, pengarang, aktor dan lain-lain pelibat yang maju ekonominya. Suasana drama kita sedikit sebanyak dipengaruhi juga oleh khalayak. Kemurungan suasana tahun 1980-an dikatakan kerana sikap diam khalayak. Sudahlah golongan elit atau intelektual kita agak kurang menonton teater kita, khalayak yang umum juga lebih suka menonton drama TV dan filem. Teater tetap tidak akan dapat bersaing dengan dua media massa yang popular itu, justeru teater dilahirkan mempunyai tanda mendidik dan memiliki nilai-nilai estetika dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dramatikanya. Teater selamanya akan menghadapi masalah khalayak, lagipun minat mereka bukanlah asli tetapi hanyalah sebagai tempat persinggahan anak-anak muda yang mula mendewasa dan akan menghijrahkan minat mereka itu ke tempat lain yang lebih menghibur sifatnya. Hanya segelintir yang paling kecil sahaja yang minat khalayak teater itu muncul bersama darah kelahiran. Akhir-akhirnya ada yang menyepi terus daripada dunia drama.

Meskipun Hatta sentiasa memburu sesuatu yang baru ketika itu, dengan kata-kata beliau dengan penuh harapan untuk terus mengala fenomena maya yang akan kekal di dunia nyata ini. Tidak dapat dinafikan telah ada kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji sastera tanahair ke atas karya yang dikaji. Justeru itu, kajian ke atas teks drama *Patung-Patung* ini boleh dianggap sebagai usaha untuk meneruskan dan memperbanyakkan lagi kajian ke atasnya. Hatta Azad Khan telah menghasilkan sebuah skrip drama yang mempunyai identiti yang tersendiri atau dipengaruhi oleh aliran teater absurd. Ianya akan menguji keutuhan identiti bentuk dan struktur teks dramatik *Patung-Patung*, sama ada mampu atau mempertahankan jati diri bangsa Melayu dan Malaysia amnya. Setiap dramatis, mempunyai karisma dan keperluan tersendiri dalam menentukan ciri dan jenis elemen untuk menunjukkan aksi dramatik dan pemikiran yang mahu dihasilkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6:

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.0 PENDAHULUAN

Hatta ialah aktivis drama kontemporari Malaysia yang giat berkarya. Pada peringkat awal, beliau lebih menumpukan kepada drama pentas sahaja, tetapi lama- kelamaan beliau meluaskan kegiatannya kepada skrip drama televisyen, filem dan pernah melibatkan diri dalam produksi filem iklan dan dokumentari. Drama-drama yang dihasilkan pada pertengahan tahun 1970-an lebih bersifat eksperimental dan absurd. Antaranya karyanya itu ialah "Patung-patung", "Kerusi" dan "Mayat". Dalam "Patung-patung", kemampuan Hatta mencerminkan unsur-unsur absurditi begitu terserlah. Drama "Kerusi" pula menghuraikan lima perkataan yang bersangkutan dengan kuasa, iaitu "keadilan", "kemakmuran", "kedamaian", "kejujuran" dan "kasihan". Semuanya disalut oleh simbolisme yang ironis. "Mayat" sering

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipentaskan dan drama ini mempersoalkan kehidupan dan nilai kemanusiaan pada masa depan, terutama apabila tidak ada lagi tanah kosong untuk mengkebumikan mayat.

Kebanyakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian perfileman lebih cenderung untuk menghasilkan penuntut menjadi pembikin filem daripada menghargai seni filem? Dalam erti kata lain, selepas tamat pengajian, mereka hanya ada cita-cita untuk jadi penerbit, pengarah, pelakon atau krew tetapi tiada langsung yang berminat untuk menjadi penonton dan seterusnya memberi sokongan terhadap industri perfileman, terutama filem tempatan. Perkara inilah yang ditimbulkan oleh Dekan Fakulti Teknologi Kreatif & Artistik, Profesor Dr. Hatta Azad Khan, berkata negara ini sudah ada banyak sekolah seni termasuk yang mengajar program filem di universiti awam dan swasta dengan setiap program filem mengajar kaedah pembikinan filem dengan pendekatan yang berbagai tetapi amat mementingkan kualiti.

Graduan universiti juga sewajarnya menjadi intelek budaya sekalipun mereka tidak belajar filem. Graduan yang belajar di universiti di luar negara juga adalah golongan intelek yang celek dan cerdik filem. "Kalau mereka semua menonton filem Malaysia yang bermutu, sepatutnya kita sudah mempunyai lebih dari sejuta penonton filem yang berfikir. Tapi di mana mereka? Saya tahu mereka boleh membaca akhbar dalam bahasa Malaysia dan Inggeris dan mereka juga membaca lawan web dan blogs. (Tetapi) Kenapa mereka tidak menonton filem Melayu di pawagam? Kita tak perlu tempuh yang lama, kerana golongan ini sudah sedia ada di kalangan rakyat Malaysia," katanya. Dr Hatta juga berpendapat kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh kerajaan dan swasta sebenarnya mencukupi malahan di sesetengah keadaan, menonton filem pada sekarang sebenarnya lebih baik dan selesa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengenai soal kualiti filem yang sering digembar-gemburkan oleh pengkritik dan penonton, beliau berpendapat itu semua sebenarnya bersifat andaian semata-mata kerana perkara itu (kualiti filem) bersifat subjektif. "Pada saya apa saja yang dipersembahkan untuk tatapan umum, filem, teater, dramatari, atau apa saja perlu bermula dengan cerita dan skrip yang baik dan bermutu. Dengan sebuah skrip yang baik seorang pengarah dan pelakon hingusan pun akan mempunyai peluang untuk menjadi baik, tapi dengan skrip yang buruk, pengarah dan pelakon yang baik sekalipun tidak akan mampu menghasilkan filem yang bermutu. Itu kata mendiang Akira Kurosawa, beliau hanya menyesuaikan petikan ini dengan keadaan tempatan," jelasnya. Dr Hatta juga mencadangkan supaya dibuat satu kajian mendalam mengenai tabiat penonton termasuk latar belakang mereka untuk dijadikan panduan kepada penerbit filem tempatan menghasilkan filem pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Demi menyemarakkan aktiviti persembahan pentas, terutama drama pentas pelbagai pengungkayahan telah ditangani secara menyeluruh oleh pihak-pihak tertentu lebih-lebih lagi kepada penggiat seni. Mereka ini tidak kendur-kendur menanai seutuhnya sebuah platform agar tidak terjatuh. Antara usaha yang dilaksanakan termasuklah seminar, forum dan bengkel mengenai berteater. Selain itu usaha untuk tidak tertumpu kepada aktiviti drama pentas yang bersifat berkala seperti hanya berlangsung pada waktu-waktu tertentu seperti adanya sambutan perayaan tertentu. Untuk merealisasikan jangkauan ini, seperti mana yang kita maklumi bukan saja terletak di bahu para penggiat seni persembahan semata-mata. Ke arah itu, salah satu kepotensialannya ialah penglibatan guru-guru, iaitu sama ada sekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataannya golongan ini memang mempunyai kecenderungan untuk berteater (yang belum pernah mengikuti sebarang aktiviti-aktiviti teater atau ada yang pernah mengikutinya namun belum lagi mengetahui secara dekat tentang seni teater sebetulnya). Oleh yang demikian, kajian ini dikemukakan untuk mendedahkan dan memberi pengetahuan umum mengenai teater di kalangan pembaca yang berjinak-jinak untuk berteater atau sebagai suatu pengalaman baru. Kandungan kajian ini disesuaikan untuk keperluan dan menepati kehendak pembaca sedemikian sebagai asas mengenal bidang Seni Drama dan Teater khasnya di Malaysia..

6.2 CADANGAN DAN SARANAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain kandungan kajian ini berhubung dengan pengenalan dan perkembangan teater namun turut dibincangkan mengikut kepada kesesuaian dan keberkesanan wadah ini kepada para pembaca ialah memperkatakan pengenalan ringkas ruang lingkupnya agar tertanam benih cinta anda dalam seni teater sama seperti suatu penerokaan. Ungkapan Melayu menyatakan 'Tak Ada Angin Masakan Pohon Akan Bergoyang'. Oleh itu, betapa signifikannya sebagai langkah awal penorakaan ini meninjau kepada perkataan teater itu sendiri.

Memang tidak dinafikan bahawa kekeliruan atau kebingungan ini secara tidak langsung berpunca dan turut berlaku kepada penggiat, pengamat, pengkaji, sarjana yang sukar menyepakati pelbagai dapatan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, perlu juga ada satu tanggapan yang perlu dipegang untuk memberi laluan pembicaraan ini agar tidak tersasar haluan. Secara etimologinya, perkataan 'teater' berasal dari kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

theatron (theamoi) iaitu perkataan Yunani/Greek membawa maksud takjub melihat atau memandang. 'Drama' juga berasal daripada perkataan Yunani/Greek iaitu dram membawa maksud gerak atau aksi.

Rahmah Bujang (1982) membezakan kedua-dua istilah ini iaitu drama berhubung dengan yang tertulis (naskhah) manakala teater adalah suatu pengerjaan atau produksi pementasan secara keseluruhan bermula dari skrip, pengarahan, penyediaan teknik lakon dan pementasan dan respons khalayak. Dengan erti kata yang lain, teater sebagai sebuah lakonan yang dipersembahkan (di atas pentas) dengan aksi-aksi yang tertentu mengikut skrip yang akan dipersembahkan, iaitu lakonan yang dipersembahkan kepada penonton. Ringkasnya, teater berhubung dengan pementasan, sementara drama berhubung dengan naskhah/teks (skrip). Walau bagaimanapun, hasilan skrip sangat-sangat memerlukan pementasan untuk dipersembahkan kepada khalayak penonton, jika tidak kuranglah seri sesebuah karya drama itu.

Hatta menjadikan dramanya sebagai satu lambang yang menyerlahkan bahawa kuasa sentiasa mempunyai *doppelganger* dalam bentuk pengikut setia. Hatta memusatkan perbincangan tentang kuasa dan bagaimana kuasa digunakan atau disalahgunakan oelh mereka yang berkuasa. Kerusi, drama sebabak yang ditulis pada tahun 1978, bercitra tentang pemerintahan Srisegala. Beliau dibantu oleh Tuta Utama yang memastikan Tuta-Tuta yang lain berkhidmat dan menghormati Srisegala. Putera, adalah manusia yang akan membinasakan kuasa dan kekejaman Srisegala yang bersemayam di atas kerusinya dan menggunakan kuasanya untuk menangkap putera. Masayu, isteri Putera pula diperkosa oleh Srisegala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerusi adalah sebuah drama yang penuh dengan ironi dan reversal/pembalikan. Isu dan ideology tentang keadilan, kekayaan, kedamaian, kejujuran dan belas kasihan dijongkang-jongketkan oleh Hatta. Dengan ironisnya Hatta memaparkan bagaimana kesamaan adalah melebihkan jarak antara yang buta dan yang celik; kekayaan pula bermakna binatang (dan bukan manusia) lebih dipentingkan walaupun dalam masa darurat. Hal ini memperjelaskan bahawa walaupun rumput dibakar dan masyarakat susah, lembu dan binatang ternakan tetap dijaga rapid an diberi makanan. Kedamaianpula bermakna peperangan, sama ada peperangan dingin atau lebih menggerunkan lagi bpeperangan yang dibuat secara sembunyi tetap menggunakan senjata yang paling canggih. Kejujuran pula diamalkan dengan merompak yang miskin dan mengucap "terima kasih" kepada mereka. Hatta mengangkat empat prinsip: keadilan, kekayaan, kedamaian, kejujuran dan belas kasihan dan mengkontradiksikan nilai-nilai yang menjadi dasar lima prinsip di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hanya Putera yang buta sanggup melawan Srisegala. Putera member harapan kepada watak wira-wira dalam masyarakat. Nasihat Putera kepada Wira ialah dalam usaha untuk membenteras kuasa dan kekejaman Srisegala, Wira mesti sabar, tekun dan bersatu dengan wira-wira lain. Wira tidak boleh melawan dengan kuasa secara bersendirian. Subteks Kerusi ialah perpaduan dan kerjasama. Hanya apabila rakyat bersatupadu dan bekerjasama barulah mereka boleh Berjaya dan membinasakan penyalahgunaan kuasa. Pada akhir Kerusi berlaku konfrontasi antara Srisegala yang dibantu oleh Tuta-tutanya dengan Putera yang dibantu oeh Wira-wiranya. Walupun Tuta-tuta dapat dibinasakan oleh Putera dan Wira-wira, Srisegala dan Tuta-tutanya dapat melarikan diri. Amaran Hatta jelas; ketua dan penolong ketua masih hidup dan pasti mereka berupaya mencari dan mendapatkan tuta-tuta yang lain yang sememangnya bersedia member khidmat kepada Srisegala. Mesej Hatta jelas: Putera mesti sentiasa berwaspada. ***"Patung-patung"***- menghubungkaitkan dunia nyata dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dunia ilusi untuk memperjelaskan keadaan sosial masyarakat membangun. *"Mayat"*- yang memenangi hadiah kedua dalam Peraduan Menulis Drama yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1978, sekali lagi membuktikan keprihatinan belaiu tentang masyarakat dan pembantahannya terhadap beraneka isu ekonomi-sosial-politik. Semua isu ini dipilih, diselidiki dan direka cipta sebagai satu drama yang berkesan di atas pentas.

Mayat adalah sebuah drama sebabak yang bercitra tentang bagaimana empat orang sahabat menghadapi dilema moral dan social kerana mereka tidak boleh mengebumikan sahabat mereka yang baru meninggal dunia. Gejala ini timbul hanya kerana tidak ada lagi tanah perkuburan. Orang luar datang dan berbincang dengan empat orang sahabat untuk embeli mayat sahabat mereka. Empat orang sahabat amat terkejut kerana mereka tidak pernah bermimpi menjual mayat sahabat mereka untuk mendapatkan keuntungan, walaupun mereka hidup dalam keadaan yang amat daif. Orang luar menerangkan dengan panjang lebar bahawa beliau hanyalah seorang "Businessman" yang membeli mayat dengan tujuan untuk mengambil anggota dan organ, yang kemudian dijual kepada pesakit yang menunggu untuk mendapatkan anggota dan organ untuk hidup. Beliau tidak didesak oleh keuntungan semata-mata. Dengan kesedaran ini, empat orang sahabat pun membuat keputusan untuk menjual mayat sahabat mereka. Malangnya, mereka baru sedar bahawa mayat sahabta mereka sudah tidak ada di tempat itu lagi.

Dalam drama "futuristik" ini Hatta memaparkan golongan masyarakat yang terbiar. Hal ini jelas daripada arahan pentas yang menekankan bagaimana empat orang sahabat berpakaian lusuh dan tidak teratur. Lebih penting lagi, Hatta menekankan dalam arahan pentasnya bahawa empat orang sahabat duduk di luar rumah buruk dalam kawasan setinggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada petanda-petanda visual, khalayak dapat membaca/melihat kemiskinan empat orang sahabat.

Hatta memilih untuk memusatkan drama beliau kepada golongan miskin dan terbiar bukan hanya untuk menjelaskan kemelesetan dan kemunduran yang dihadapi rakyat tetapi juga untuk menekankan bahawa manusia miskin dan terhina sentiasa terpaksa bergelut dengan kuasa dan mereka yang berkuasa mengimplimentasikan kuasa. Empat orang sahabat yang melambangkan rakyat miskin, terbiar dan tertindas tinggal dalam kawasan setinggan dalam keadaan yang tertekan kerana mereka boleh diarah meninggalkan pondok buruk mereka pada bila-bila masa sahaja. Walaupun pada orang yang berkuasa, pondok itu menyakitkan mata mereka.

Hatta sengaja memberi perhatian kepada golongan setinggan untuk memberikan satu gambaran kontradiksi tentang pembangunan dan kekayaan di luar masyarakat setinggan. Hal ini diperjelaskan melalui dialog empat orang sahabat yang membincangkan tentang ketiadaan tanah perkuburan kerana semua tanah yang digunakan untuk membangunkan bangunan pencakar langit dan pusat membeli-belah. Masyarakat yang diserlahkan oleh Hatta adalah masyarakat yang lebih menitikberatkan pembangunan material dan keuntungan tetapi mengabaikan nilai spiritual dan moral.

Isu ini menjadi bertambah rumit kerana mayat mestilah dikebumikan. Pengebumian mayat ini bukan hanya tanggungjawab social dan moral tetapi juga tanggung jawab agama. Walaupun drama ini merentasi masa, masyarakat dan ruang, dan tersohor sebagai sebuah drama absurd yang berimpak, drama absurd ini tetap berlandaskan nilai etika dan agama. Perkara ini diperjelaskan lagi sahabat pertama yang begitu taasub dengan nasib, qadak dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

qadar. Beliau percaya bahawa memang sudah ditentukan bahawa sahabat mereka akan mati. Nasibnya sudah ditentukan.

Dikotomi yang dipaparkan oleh drama Mayat ialah pertembungan antara pembangunan dan kemiskinan dan bagaimana pembangunan masyarakat mengakibatkan keruntuhan moral, etika dan keinsanan manusia. Namun, Hatta masih mempunyai harapan ekpada masyarakatnya. Oleh itu, dari segi visual dan dialog, empat orang sahabat, walaupun pada dasarnya mereka bersetuju untuk menjual mayat, tidak berbuat demikian kerana mayat sahabat mereka telah hilang, kemungkinan telah dicuri oleh pembantu orang luar. Orang luar menjadi orang yang tidak moral untuk mengebumikan mayat. Hilangnya mayat bermakna ada orang lain yang terlibat dan menjelaskan mencuri mayat (menjual organ dan anggota) menjadi satu urus niaga yang sangat menguntungkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hatta Azad Khan merupakan aktivis drama kontemporari Malaysia yang gigih berkarya. Pada peringkat awal, beliau lebih menumpukan kepada drama pentas sahaja, tetapi akhirnya beliau meluaskan penglibatannya kepada skrip drama televisyen, filem dan pernah melibatkan diri dalam produksi filem iklan dan dokumentari. Beliau dikatakan kecil dari segi perwatakan kerana dia bukanlah seorang yang berkuasa dan bukan juga seorang selebriti. Beliau dikatakan kecil dari segi karya kerana cerita-ceritanya merupakan cerita biasa yang luarbiasa. Watak-watak dalam karya yang dipaparkan merupakan watak-watak yang dengan mudah kita boleh temui dalam kehidupan seharian. Masalah mereka juga masalah-masalah yang sering kita sendiri hadapi. Sebagai sebuah negara membangun, nampaknya kita masih jauh ketinggalan dari segi penjagaan harta intelek. Sebaliknya, sesuatu yang tidak memerlukan sebegitu banyak daya pemikiran tetapi mendapat sambutan dek kerana kontroversi dan isu-isu dangkal diangkat pula menjadi karya agung dan dibayar puluhan ribu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kadangkala kata-kata mereka itu kedengaran begitu mudah dan juga lucu, tetapi di sebaliknya ada maksud tersirat yang begitu sinis dan mendalam.

Karya-karya mereka juga begitu, ia memerlukan kita berfikir dan berimaginasi. Karya-karya yang ditulis dengan pengalaman dan juga pengetahuan, ditambah dengan kreativiti masing-masing. Bukan cerita-cerita cinta yang tak berkesudahan berlatar-belakangkan perkara yang sama berulang-ulang.Banyak yang perlu dipelajari dari mereka. Dan sementara mereka masih ada, hargai dan hubungilah mereka untuk menimba ilmu. Pada pertengahan tahun 1970-an drama-drama yang dihasilkan lebih bersifat eksperimental dan absurd. Antaranya karyanya itu ialah "Patung-patung", "Kerusi" dan "Mayat". Dalam "Patung-patung", kemampuan Hatta mencerminkan unsur-unsur absurditi begitu terserlah. Drama "Kerusi" pula menghuraikan lima perkataan yang bersangkutan dengan kuasa, iaitu "kedamaian", "kejujuran" "keadilan", "kemakmuran", dan "kasihan". Semuanya dimantapkan oleh simbolisme yang ironis. "Mayat" sering dipentaskan dan drama ini mempersoalkan kehidupan dan nilai kemanusiaan pada masa depan, terutama apabila tidak ada lagi tanah kosong untuk mengkebumikan mayat.

Hatta Azad Khan dalam buku kajian iaitu *Patung-Patung* telah diterima sebagai drama yang membawa perubahan yang berkesan dengan meninggalkan realisme 1960-an dan mencipta suatu corak pendramaan yang baru yang dikenali dengan nama absurd. Teori Aristotle yang mengembangkan pendramaan melalui rentetan peristiwa atas sebab dan akibat telah didemitefikasi dan dicipta suatu teknik penggabungan pelbagai peristiwa daripada serpihan kisah tradisi dan moden dan sifatnya yang berpecah-pecah dan berepisod. Persoalan dan pemikiran dramatic tidak lagi diselesaikan dengan *poetic justice*, sebaliknya ditamatkan begitu sahaja dan membiarkan naluri khalayak membuat penilaian sendiri. Kehadiran drama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
absurd, pada awal 70-an telah membuka sejarah baru, bukan sahaja Hatta Azad Khan dalam buku kajian iaitu *Patung-Patung* dan sebagainya.

6.3 KESIMPULAN

Kemunculan teori ini banyak memberi impak kepada bidang ilmu terutamanya bidang Pemikiran dan Kesusasteraan, bidang kesusasteraan khasnya banyak membuka mata serta mulut pengkarya dan pengkritik untuk menguji dan menilai sejauh mana Teori ini berkesan dan memberikan input positif dalam dunia pengkaryaan sastera. Terdapat ramai juga yang menulis dan mengkritik tentang Teori ini sama ada dari segi kelemahan dan kelebihan sehingga teori ini menjadi satu teori yang agak dikenali dan memberi pemahaman sehingga ada yang menjadikannya sebagai sumber rujukan untuk sesuatu kajian.

Menurut Mana Sikana dalam *Drama Melayu Moden, hal.35* telah menurunkan beberapa tanggapan dan hasilan perkembangan drama sekitar 1970-an, iaitu pada 1970-an,telah didominasikan oleh drama beraliran absurd. Aliran realisme kurang mendapat tempat, nanmun masih ditulis, begitu juga yang bercorak sejarah sangat sedikit dihasilkan. Ada trend lain yang tidak kurang penting, wujudnya pengarang yang dapat dianggap menghalusi realisme iaitu menulis secara naturalisme. Munculnya eksperimen dan penyariasian dikalangan penulis-penulis muda, sehingga kata-kata absurd itu memungkinkan mereka untuk berbuat apa sahaja. Kerana semacam tidak terkawal, absurdisme yang sesuai untuk persoalan filosofikal dan berdisiplin itu, telah mengarah kepada penciptaan yang lebih mementingkan ketidakfahaman dan cungkil balikBudaya drama semakin bertenaga apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak buku drama diterbitkan terutamanya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Majalah Dewan Sastera mula menyiarkan drama sebanyak 20 buah karya telah dihasilkan sepanjang dekad 1970-an.

Drama bercorak absurd mulai tidak mendapat tempat dikalangan penulis 1980-an. Aliran bercorak realisme telah mula kembali mendapat tempat. Boleh dikatakan pada tahun 1980-an kita tidak lagi menghasilkan drama absurd yang bermutu dan meninggalkan makna. Kesepian dan kekosongan ruang ini telah memberikan peluang untuk kelahiran penulis baru. Satu perkara yang dapat dikesan kerana adanya pengarang yang kembali ke "realisme" itu bekas penulis absurd, unsur-unsur absurdisme masih terbayang dalam stail mereka. Begitu juga dengan realisme yang tidak seratus peratus atau mutlak. Ini adalah mengapa kajian ini dilakukan bagi melihat kelemahan-kelemahan karya yang wujud khasnya dalam karya *Patung-Patung*, karya Hatta Azad Khan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

(A) BUKU-BUKU DAN ANTOLOGI DRAMA

Abdul Rahman Napiah, *Perkembangan dan Perubahan dalam Drama Moden Malaysia,* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.

Abdul Halim Ali, 2006. ***Ikhtisar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Malaysia.*** Penerbitan Profesional Baharu, Tanjung Malim.

Drs. Hasanuddin WS., M. Hum. 1996. *Drama Karya Dalam Dua Dimensi: Kajian Teori, Sejarah dan Analisis.* Bandung. Penerbit Angkasa.

Hatta Azad Khan, 1987. "Mayat" dlm. *1400 Antologi Drama Kontemporari.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 179-201.

Hatta Azad Khan, 2008: Penerima S.E.A. Write Awards 2008. *Tiga Teater Muzikal.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamzah Hamdani. 1988. *Konsep dan Pendekatan Sastera.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Herman J. Waluyo. 2002. *Drama: Teori dan Pengajarannya.* Yogjakarta. PT. Hanindita Graha Widya Pratama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa .

Mana Sikana, 1985. ***Esei dan Kritikan Drama.*** Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mana Sikana. 1995. *Drama Melayu Moden*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mana Sikana, m.a. 1984. *Kajian Lengkap Drama Tiga Zaman*. Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.

Mana Sikana. 2006. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Mana Sikana. 1998. *Teori dan Pendekatan Sastera Moden.* Shah Alam Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mana Sikana. 1989. *Di Sekitar Pemikiran Drama Moden*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Puteh. 1994. ***Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahman Shaari, 1988. ***Kritikan Sastera Melayu Pendekatan dan Pemikiran***. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahmah Bujang (Peny.) 1982. *Drama Melayu 25 Tahun* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahmah Bujang. 1994. *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd Saman, Shaiful Bahri Md(penyntg). Radzi. 2005. *Persuratan Melayu:Tradisional ke Moden.* Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wellek, R dan Warren, A.,1988. ***Teori Kesusasteraan.*** Diterjemahkan oleh Wong Seng Tong.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pustaka.

(B) SEMINAR DAN KERTAS KERJA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Rahman Napiah, " Di Sekitar Pemikiran Drama Moden", Latihan Ilmiah, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti.

Pengurusan Teater di Malaysia: Cabaran dan Harapan (Kertas kerja untuk Seminar Drama, 1997, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi)

Kenalpasti Keperluan dalam Menghasilkan Drama Pentas (Tunas Cipta, Disember 2003)

(B) JUDUL-JUDUL DRAMA YANG TERSIAR DI MAJALAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hatta Azad Khan, "*Kerusi*" , Dewan Sastera, Jun 1976.

_____, "*Patung-Patung*", Dewan Sastera, Ogos 1977.

_____, "*Mayat",* Dewan Sastera, Februari 1979.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROFIL: Hatta Azad Khan



NamaPenuh : Hatta Azad Khan

TempatLahir: Jerteh, Terengganu

Bangsa : Melayu

Bahasa : B. Inggeris, B. Melayu

Kerjaya : Pengarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



PENDIDIKAN: Sarjanan Muda Teater Universiti Sains Malaysia, Sarjana Pengaragan dan Sinografi (Purdue Universiti Amerika Syarikat), Doktor Falsafah dalam Pengajian Filem (University of New South Wales, Australia)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROFESION: Bekas Pengarah Akademi Seni Kebangsaan, Bekas Pengarah Istana Budaya, Tenaga Pengajar Program Teater dan Filem di Universiti Kebangsaan Malaysia, Dekaj pengasas Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Universiti Malaysia

PENCAPAIAN: Filem arahannya Mat Som (1990) mewakili Malaysia ke Festival Filem Antarabangsa di Tokyo, Fukuoka, Bangalore, Hawaii, Taipei dan Jakarta. Drama Sebabak Terbaik (1978/BDP) & Lakon Layar Terbaik Festival Filem Malaysia (1991)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HATTA AZAD KHAN pada awalnya merupakan pelajar aliran sains di Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak. Kemudian Hatta melanjutkan pelajarannya di Kolej Pertanian Serdang, tetapi beliau tidak berminat untuk menamatkan pelajarannya. Selepas itu beliau diterima masuk ke Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bagi mengikuti Kursus Drama dan Teater hingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera. Tamat sahaja pengajian, Hatta terus berkhidmat sebagai pensyarah drama di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau sekarang bertugas sebagai Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) mendapat Ijazah Sarjana Pengajian Teater dengan pengkhususan dalam bidang pengarahan dan sinografi di Purdue University, Amerika Syarikat. Beliau mendapat Ph.D dalam bidang perfileman dari University of New South Wales, Sydney, Australia. Filem cereka pertama beliau Mat Som (bersaskan buku komik kara LAT) telah memenangi anugerah lakon layar terbaik di Festival Filem Malaysia 1992. Filem ini juga dibawa ke Festival Filem Antarabangsa di Tokyo, Fukuoka, Hawaii, Bangalore, Taipei dan Jakarta. Filem beliau yang t kini ialah Wayang (2008).

Hatta juga adalah pencipta, penulis dan pengarah sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu yang telah bertahan selama 18 tahun di TV3. Selain menulis skrip filem, beliau juga menulis cereka dan membuat dokumentari. Hatta adalah seorang pengkritik drama dan filem yang berwibawa. Professor drama dan filem yang berbakat ini juga menulis dan mengarahkan drama dan muzikal pentas.

Malah nama Hatta Azad Khan sudah sinonim dengan bidang teater dan seni persembahan. Dalam dekad 70-an beliau adalah antara dramatis yang menghasilkan drama beraliran baru sebagai reaksi kepada rusuhan perkauman 13 Mei 1969. Drama antirealism yang dikenali juga sebagai drama absurd, kemudiannya diperhalusi sebagai drama absurd ala Malaysia. Dalam zaman kegemilangannya drama abstrak/absurd ini menjadi satu mercu tanda kepada penghasilan teks drama dan penghasilan teater yang bukan hanya berbeza daripada norma pembikinan drama yang biasa (drama realism) tetapi menyerlahkan mise-in-scene yang mencabar minda penonton. Khalayak dekad 70-an, terpesona akan kepelbagaian percubaan dalam penulisan drama dan produksi teater.

Hatta bukan sahaja menjadi antara dramatis yang mempelopori drama absurd tetapi beliau terus memantapkan genre penulisan ini. Drama-drama absurd beliau seperti Kerusi, Patung-patung dan Mayat antara lainnya bukan hanya popular pada dekad 70-an malah sehingga sekarang pun menjadi teks kumpulan teater yang sentiasa memilih teks-teks ini untuk dijadikan teater sama ada sebagai projek ilmiah oleh pelajar mahupun juga kumpulan-kumpulan teater yang membuat persembahan sempena pesta seni atau pertandingan drama.

Apabila drama absurd menjadi hambar kerana khalayak tidak memahami apa yang dipentaskan. Hatta seperti dramatis-dramatis lain megubah cara penulisan drama kepada bentuk realism pula. Drama realism Hatta ditulis dan apabila dipentaskan diperkaya dengan unsur-unsur teater tradisional seperti wayang kulit, boria dan dikir barat. Sekali lagi Hatta mempelbagaikan estetika seni dalam produksi teater beliau. Hatta terus menerus membuat percubaan dan mencipta pembikinan teater yang berbeza. Hal ini berlaku kerana beliau seorang yang kreatif dan peka dengan estetika seni persembahan dan perubahan arus perkembangan drama.

Keunikan Hatta terserlah kerana beliau bukan sahja seorang dramatis yang berbakat dan berwibawa malah beliau juga seorang dramatis yang bergiat dalam bidang penulisan kreatif, beliau juga memastikan bahawa kreativiti penulisan diimbang dan diperkasakan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kreativiti pengarahan. Hatta seorang pengarah yang serius, tekun dan sentiasa cuba mempelbagaikan estetika seni persembahan. Hatta juga seorang penulis dan pengarah filem yang sentiasa berusaha meletakkan industry perfileman Melayu di atas pentas global.

Selain dunia drama dan perfileman, Hatta juga seorang pengkritik yang membuat ulasan, kritikan dan sorotan tentang drama, filem dan dunia kesenian. Sebagai seorang pengkritik, Hatta menganalisis bukan hanya arus estetika persembahan tetapi meletakkannya dalam konteks wacana teoretis yang mantap, diperkukuh lagi oleh kesarjanaan beliau dalam bidang teater dan perfileman.

Sesungguhnya, Hatta adalah seorang individu yang mempunyai kreativiti dalam pelbagai bidang, yang akan sentiasa terus-menerus mencabar diri beliau untuk mencipta cerita baru di sampingmembina estetika yang mencabar khalayak untuk menyoroti seni persembahan sebagai satu pengalaman, pemahaman dan penyorotan artistic. Hal ini juga sebenarnya akan menjadi sebahagian daripada legasi individu/ dramatis yang sungguh berbakat ini.

Hatta memaparkan beraneka masalah dalam usaha dan percubaan yang dibuatnya untuk memperkasakan impian, harapan dan visinya terhadap Negara beliau yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Hatta sentiasa peka dengan dimensi social, politik, ekonomi dan budaya masyarakat yang harus berhadapan bukan hanya di dunia local tetapi di dunia luar yang lebih besar dan lebih berinovasi. Sepanjang penhglibatannya, Hatta amat prihatin dengan dimensi sosial, politik dan kebudayaan.

Semasa bertugas di sini, beliau berkesempatan melanjutkan pengajiannya ke peringkat Sarjana Sastera di Universiti Purdue, Amerika Syarikat dalam bidang teater. Beberapa tahun kemudian, Hatta melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph. D) di School of Film and Theatre Studies, University of New South Wales Kensington, New South Wales, Australia. Hatta bertugas sebagai Profesor Madya dan menjadi Dekan Pengasas di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak selama hampir lima tahun (1993–1998) sebelum dilantik sebagai Pengarah Akademi Seni Kebangsaan di Kuala Lumpur. Kini, Hatta bertugas sebagai ketua Pengarah, Istana Budaya, Kuala Lumpur.

Perkembangan kreativiti Hatta kemudiannya berpindah kepada bentuk drama realisme pula. "Stesen", "Syyy!" dan "Nasib" ialah drama realisme yang dihasilkan pada sekitar tahun 1980-an, menggunakan dialog harian yang biasa diucapkan oleh masyarakat umum. Kemuncak kegiatan Hatta ialah apabila dramanya "Syyy!", terpilih memenangi Hadiah Karya Sastera Malaysia 1982/1983. Drama ini juga telah dijadikan asas siri drama komedi televisyen dan sambutan penonton amat menggalakkan. Siri itu kini dikenali sebagai Pi Mai Pi Mai Tang Tu. Hatta pernah memenangi beberapa anugerah dalam bidang drama dan filem, iaitu Drama Sebabak Terbaik (1978/DBP), Hadiah ESSO-GAPENA untuk Drama TV (1992) dan Lakon Layar Terbaik – Festival Filem Malaysia (1991). Pada tahun 1986, dramanya "Nasib" terpilih memenangi hadiah sagu hati dalam Peraduan Drama ESSO-GAPENA I.

Selain menulis skrip dan mengarah drama pentas, Hatta sering diundang membentangkan kertas kerja dan memberi ceramah tentang drama. Beliau juga dilantik menjadi ahli panel dalam peraduan-peraduan drama yang diadakan di maktab, universiti dan organisasi sastera yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KARYA DRAMA YANG DIHASILKAN:

Drama

- *Patung-patung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980
- *Syy!*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986
- *Nasib*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987

Anugerah Penulisan Asia Tengara

AKTIVIS teater dan ahli akademik, Prof. Dr. Hatta Azad Khan menjadi individu ketiga yang mewakili genre teater meraih Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award) bagi Malaysia. Pencapaian Dr. Hatta hadir selepas kemenangan Sasterawan Negara, Datuk Noordin Hassan (1987) dan Zakaria Ariffin (2001) sejak anugerah itu diperkenalkan pada 1979 - suatu jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan genre-genre lain seperti puisi. Bagaimanapun, pencapaian itu membuktikan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Tetap anugerah tersebut bagi Malaysia melalui jawatankuasa yang telah dilantik, iaitu Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Penulisan Asia Tenggara bagi tahun 2008 tidak pernah meminggirkan genre drama/teater tanah air.

Sakretariat Tetap itu sebulat suara mencalonkan Dr. Hatta penerima anugerah itu untuk tahun 2008 bagi negara Malaysia dan telah mendapat pengesahan daripada Sekretariat S.E.A. Write Awards di Bangkok, Thailand pada 11 Ogos lalu. Dengan pengesahan tersebut, Dr. Hatta menjadi penerima anugerah yang ke-30 untuk Malaysia. Sehubungan itu, beliau akan menghadiri Minggu Anugerah Penulisan Asia Tenggara 2008 pada 25 September hingga 1 Oktober ini.

Beliau akan menerima anugerah semasa acara kemuncak, iaitu pada Malam Gala dan Majlis Penganugerahan pada 30 September tersebut akan berlangsung di Oriental Hotel's Royal Ballroom, Bangkok. Anugerah dijangka akan disampaikan oleh Puteri Maha Chakri Siridhorn. Sebagai penerima anugerah itu, Dr. Hatta akan menerima RM7,000 serta plak dan diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan kepada Puteri Maha Chakri Siridhorn, serta membaca karya di Istana Suan Pakkad. Sesungguhnya, anugerah tersebut mempunyai erti yang sangat besar kepada bidang sastera dan kreatif negara-negara Asia Tenggara. Apa lagi ketika sebahagian besar negara serantau terbelenggu oleh perbezaan bahasa, kebudayaan dan latar belakang kepercayaan. Perbezaan-perbezaan tersebut telah memberi warna yang tidak serupa kepada dunia kesusasteraan kerana ia dilahirkan dalam acuan mengikut negara masing-masing tersebut.

Bagaimanapun, untuk mendekatkan perbezaan tersebut, sekali gus sebagai penghormatan kepada tradisi sastera itu, anugerah berprestij Anugerah Penulisan Asia Tenggara itu telah diwujudkan pada awal tahun 1979. Idea untuk mewujudkan anugerah tersebut muncul dalam perbincangan dalam kalangan pihak pengurusan Hotel The Oriental, Bangkok; Thai Airways, International Public Co. Ltd., dan Italthai Group of Companies.

Semenjak pembukaannya, Hotel The Oriental, Bangkok, sentiasa mempunyai hubungan yang erat dengan penulis tersohor dari seluruh dunia. Sepanjang sejarahnya, penulis terkenal dunia telah menginap atau menziarahi hotel ini. Hubungan dengan dunia sastera ini dapat dibuktikan dengan Authors' Residence yang menempatkan bilik suite yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan nama pengarang tersohor seperti Joseph Conrad, Somerset Maugham, Noel Coward dan James Michener. Bilik suite di River Wing juga telah diberikan nama mengikut nama pelbagai penulis seperti Graham Greene, John Le Carre dan Barbara Cartland dan lain-lain. Anugerah Penulisan Asia Tenggara diwujudkan untuk memberikan pengiktirafan kepada para penyair, penulis dan pengiat teater/drama ulung di rantau ASEAN, iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Objektif utama mewujudkan anugerah tersebut juga ialah memupukkan kesedaran dan pemahaman meluas tentang kekayaan sastera dalam kalangan sepuluh negara serantau. Ia juga bertujuan memberikan penghargaan dan mempromosikan bakat-bakat kesusasteraan penulis kreatif ASEAN dan menghimpunkan para penulis serantau yang berbakat besar. Dari aspek sejarahnya, semenjak tahun 1979, Jawatankuasa Penganjur dipengerusikan oleh Putera Prem Purachatra, salah seorang tokoh sastera Thailand yang terkenal. Apabila baginda meninggal dunia pada tahun 1981, permaisurinya Puteri Ngamchit Purachatra bersetuju untuk memegang jawatan pengerusi dan pada tahun 1982, Puteri Maha Chakri Sirindhorn bersetuju untuk menjadi Pengerusi Kehormat Jawatankuasa Penganjur. Sementara itu, Dr. Hatta yang dilahirkan pada 1952 mendapat pendidikan teater (pengarahan dan sinografi) di Amerika Syarikat dan pengajian filem di Australia. Beliau adalah professor bidang teater dan filem serta Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik, Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau menulis dan mengarah drama dan musikal pentas selain menulis skrip filem (cereka dan dokumentari) dan sitcom televisyen.

Dr. Hatta juga adalah pencipta, penulis dan pengarah sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu yang bertahan selama 18 tahun di TV3. Filem cereka pertama beliau Mat Som (dari buku komik karya Lat) dan memenangi Anugerah Lakon Layar Terbaik (Festival Filem Malaysia 1992) dan mewakili Malaysia ke Festival Filem Antarabangsa di Tokyo, Fukuoka, Hawaii, Bangalore, Taipei dan Jakarta. Wayang adalah filem cereka keduanya dari lakon layar tulisannya sendiri. Karya teater terbaru beliau adalah Muzikal K.L dan Muzikal Kampong Baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SINOPSIS: DRAMA "*MAYAT*"

- Memenangi Hadiah Kedua Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas (Bahagian Drama Pendek) Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1978. Lokasi di sebuah pondok buruk di suatu kawasan setinggan di pinggir Bandar raya.

MAYAT mengisahkan empat orang sahabat yang dalam kesedihan dan kegelisahan tatkala kematian seorang dari sahabat mereka. Mereka mengingatkan kembali kisah silam si mati yang sering sakit, dengan bantuan mereka bertiga saling bekerjasama dan bantu-membantu. Dengan keadaan kehidupan yang serba kekurangan dan ketiadaan tanah perkuburan untuk pengkebumian disebabkan pesatnya pembangunan, empat sahabat itu menghadapi masalah untuk menguruskan mayat teman mereka. Maka terjadilah konflik dan pertentangan pendapat diantara mereka berempat. Ketika konflik itu bertambah tegang, tiba-tiba datang seorang peniaga yang berurusan dalam perniagaan jual beli mayat.

Dalam keadaan yang tertekan salah seorang dari mereka itu bersetuju untuk menjual mayat teman mereka. Tetapi ia dibantah keras oleh teman-teman yang lain dan terjadilah pertelagahan antara mereka dalam usaha menguruskan mayat tersebut. Hingga akhirnya, peniaga itu cuba menerangkan keadaan yang sebenarnya selain daripada berjual beli, juga untuk membantu pesakit yang yang memerlukan organ untuk meneruskan kehidupan yang lebih sempurna. Ini telah membuka mata kepada mereka untuk menyerahkan mayat tersebut kepada peniaga itu. Lagi pula, mereka tidak perlu bersusah-payah untuk mencari tanah kubur yang memerlukan kos yang tinggi untuk dikebumikan mayat tersebut dan tanah kubur yang terlalu terhad di kawasan mereka.

Alasan-alasan ini telah menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk bersetuju menjual mayat tersebut kepada peniaga atas dasar kemanusiaan. Sedang mereka berbincang untuk meletakkan harga bagi mayat sahabat mereka itu, keadaan menjadi gawat apabila salah seorang daripada mereka telah melihat mayat tersebut telah hilang. Ini menjadi tanda tanya tentang kehilangan mayat tersebut. Akhirnya peniaga pulang tanpa sebarang urusan. Seorang dari sahabat mereka menjerit kepada peniaga, sekiranya berlaku kematian di kalangan sahabat mereka, pastikan peniaga akan dihubungi. Ia memperlihatkan betapa rendahnya mertabat mereka sebagai sahabat dan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SINOPSIS: DRAMA *"PATUNG-PATUNG"*

Patung MAYA berdiri pada tingkat palintas dalam satu pos yang menarik. Patung-patung lain dalam pos masing-masing memenuhi tingkat-tingkat bawah. MEGA tafakur di lantai menghadapi patung MAYA. Lampu semakin suram dan tinggal hanya spot menyuruh MAYA dan sekitar kawasan MEGA.

MEGA terpaku mengenangkan satu kehilangan yang amat berat yang perlu dipikul. Terasa diri semakin kecil, rindu pada sesuatu yang belum pasti tiba. Beliau mencari kekuatan agar kehilangan dapat dikembalikan. Terus mencari tanpa rasa jemu, dengan berbekalkan perasaan dan kemahiran akhirnya beliau berjaya mengukir patung-patung yang cukup bermakna buatnya. Lahir patung imaginasinya yang cukup cantik, MAYA, MEGA lantas menari serta menyanyi mengelilingi patung tersebut. Tiba-tiba MAYA tidak membenarkan MEGA menyentuhnya. Menyatakan ia bukan lagi miliknya. Ia tidak lagi suci dan mulai menyesal atas kesalahan yang telah dilakukannya. Tetapi MEGA tidak menerimanya. WAK KARTO tiba-tiba hadir dengan keadaan yang haru-biru. Mencari lembunya yang telah hilang. ALANG cuba mententeramkan WAK KARTO agar tidak lagi mencari lembunya yang hilang, tidak akan di makan oleh Sang Harimau.

Watak Alang muncul tiba-tiba dengan meminta air untuk menghilangkan dahaganya. Tergamam melihat patung MAYA yang begitu indah sehingga tidak lagi merasa dahaga dan menyatakan dirinya telah kenyang. Timbul persoalan terhadap patung tersebut, kerana MEGA menyatakan patung tersebut tidak mati dan tidak hidup. Menambahkan kekeliruan dalam diri ALANG. MEGA seolah-olah tidak mati bersama MAYA. ALANG mencadangkan agar MEGA menjual patung tersebut dengan harga yang tinggi kerana ramai yang ingin memiliki patung tersebut. MEGA menggelengkan kepalanya kerana beliau akan hidup dan mati bersamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SINOPSIS: DRAMA"*KERUSI*"

Drama ini mengisahkan Srisegala yang menduduki dan menguasai kerusi nikmat dan gong hikmat bersama-sama pengikutnya Tuta 1, Tuta ll dan Tuta lll yang menumpahkan khidmat dan kesetian mereka kepada Srisegala, selagi dia berkuasa dan menduduki kerusi nikmat. Srisegala berkuasa mengikut nafsu dan kepentingan diri sendiri tanpa menghitung beban dan masalah yang terpaksa dipikul rakyat.dia menukar erti keadilan, kemakmuran, kedamaian, kedamaian, kejujuran, dan belas kasihan mengikut takrifnya sendiri, yang semuanya bereti satu penindasan dan kezaliman demi kepentingan kuasa dan nikmatnya sendiri.

Pada ruang kekuasaannya, hanya suara Srisegala sahaja yang di dengar dan memerintah.Tidak ada suara lain yang berani membantah. Suara kesedaran daripada Wira mengejutkan Srisegala dan Tuta-tutanya. Mereka mula rasa kedudukan mereka diancam bahaya. Suara-suara protes daripada Wira-wira mengejutkan mereka yang lena panjang. Kemunculan Putra mencabar kerusi nikmat dan gong hikmat Srisegala. Tetapi sayang semangat sahaja tidak mencukupi untuk mencabar kedudukan dan kekuasaan Srisegala. Putra akhirnya tewas di tangan Srisegala dan orang-orangnya. Kemunculan Masayu mencari suaminya, Putra disambut sinis oleh Srisegala. Masayu sedih melihat suaminya dalam tawanan Srisegala dan dia segera merayu belas kasihan Srisegala supaya suaminya dibebaskan.

Rayuan dan tangisan Masayu tidak melembutkan kezaliman Srisegala, sebaliknya Masayu pula yang terpedaya, sehingga lupa dan tidak kenal suami sendiri. Putra yang buta mencari Masayu tetapi Masayu sudah terpukau oleh kuasa Srisegala. Semakin rakuslah kuasa Srisegala kerana berjaya memutuskan kasih sayang antara suami dan isteri itu dengan kerusi dan gongnya. Wira-wira muda yang pernah tewas di tangan Srisegala muncul dengan semangat baru untuk mencabar kedudukan Srisegala. Mereka berjumpa Putra untuk mendapatkan petunjuk bagi merampas kerusi Srisegala. Mereka bersatu,Wira-wira dan Putra mengumpul semangat dan tenaga bersama-sama membina tugu keyakinan untuk melawan Srisegala dan Tuta-tutanya. Mereka berjaya juga mengalahkan Srisegala dan kerakusan Srisegala berakhir juga. Kerusi nikmat dig anti oleh Putra dan Masayu memukul gong hikmat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HATTA AZAD KHAN

PENERIMA S.E.A. WRITE AWARDS 2008

mayat
patung-patung
jebat
kerusi
stesen



PATUNG-PATUNG

Edisi Kedua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PRAKATA

MaYaT
PaTunG-PaTunG
jeBat
KeRuSi
SteSen

Hatta Azad Khan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Patung-Patung ini mengandungi lima drama saya: "Mayat", "Patung-Patung", "jebat", "Kerusi" dan "Stesen". Ini adalah karya-karya saya yang terhasil dalam tempoh 10 tahun iaitu sejak pertengahan 1970-an hingga pertengahan 1980-an, waktu saya sebagai pelajar universiti dan kemudian memulakan kerjaya sebagai tenaga pengajar juga di universiti.

Alam penulisan yang saya lalui tidak pernah terlepas daripada persekitaran pusat pengajian tinggi. Apa yang saya pelajari akan turut mempengaruhi pemikiran, gaya dan teknik penulisan saya. Genre drama menjadi terlalu dekat dengan jiwa dan pernyataan saya semata-mata kerana itulah bidang keilmuan yang saya terokai. Saya menjadi sangat bersyukur apabila berhasil menukar haluan pengajian saya dari bidang sains pertanian kepada bidang kemanusiaan. Latar belakang persekolahan saya dalam jurusan sains tulen memudahkan saya memahami banyak perkara tentang sains dan matematik. Sekalipun saya disediakan untuk mengambil peperiksaan (waktu itu MCE) dalam semua mata pelajaran sains,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

saya juga turut mengambil mata pelajaran Seni Lukis dan Pertukangan (*Art and Craft*) sebagai mata pelajaran tambahan. Seingat saya ada tiga orang pelajar yang diberikan pilihan ini: saya, Shawal Marzuki dan Mohd Najib Abdul Rahman. Asas kefahaman saya terhadap seni visual turut membantu dalam penulisan drama saya.

Sejak sekolah rendah saya membaca buku *Laksamana Hang Tuah*, kemudian di peringkat menengah dan universiti mula membaca *Hikayat Hang Tuah* dan sambil itu menonton filem-filem "Hang Tuah" (Phani Majumdar) dan "Hang Jebat" arahan Hussein Haniff (Allahyarham) daripada skrip asal karya Mohamad Ali Aziz (Allahyarham). Kemudian saya membaca "Matinya Seorang Pahlawan" (Usman Awang). Saya mengagumi Jebat. Ini manusia yang sangat setia kawan. Manusia yang tidak mendahulukan dirinya tetapi sentiasa bertindak demi keadilan rakyat. Dia bukan raja bukan juga seorang ketua, tetapi saat dia menyingkir dan mengambil alih kuasa, dia menggunakan kesempatan itu untuk membela dan menabur jasa kepada rakyat. Dia adalah rakyat biasa yang berjiwa rakyat. Dia bukan rakyat yang berjiwa raja! Hang Jebat menderhaka barangkali juga kerana pada zaman itu seorang raja sangat berjiwa raja dan tidak ada raja yang berjiwa rakyat.

Hari ini keadaan sudah jauh berbeza. Raja disayangi rakyat jelata yang setiap kali selepas solat Jumaat mendoakan kesejahteraan mereka, kerana raja pada hari ini sangat berjiwa rakyat. Raja yang berjiwa rakyat sangat membahagiakan rakyat, sebaliknya rakyat yang berjiwa raja sangat membingungkan rakyat. Hari ini ramai pemimpin dalam politik, dalam penjawatan awam, dalam agensi kerajaan dan swasta yang menduduki kerusi yang tinggi dan memegang banyak kuasa pemutus. Sebahagian daripada mereka inilah yang menjadi *the little Napoleon* atau yang saya istilahkan sebagai 'rakyat berjiwa raja'.

Saya tidak tahu kenapa seorang rakyat ingin menjadi raja. Kata Khoo Kay Kim (Profesor Tan Sri Dr.), ... raja itu sebagai lambang. Raja melambangkan keutuhan, sebab itu dalam Rukun Negara dinyatakan dengan jelas tentang Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Kalau kita mahu mencari negara untuk menyatakan kesetiaan, kita tidak nampak, tetapi kita nampak raja (*Utusan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia, 4 Mac 2009, hlm. 2). Dan saya ketawa membaca kata-kata Tengku Razaleigh Hamzah, ahli politik veteran berdarah raja sewaktu ditemu bual dalam sebuah laman blog, "*Arrogance comes from an inferiority complex really. Those who have these complexes will camouflage their weaknesses by aggression. They think the only way they can put forward their ideas is by treating others as adversaries. Have you noticed how many of our leaders prefer surrounding themselves with not so credible followers?*" (http://zorro unmasked.blogsport.com/March 8, 2009). Jadi apalah gunanya menjadi perkasa (raja) jika dikelilingi pengikut yang tidak berwibawa? Tetapi keadaan inilah yang memungkinkan sebuah drama yang lucu dan sinis.

Pemimpin politik hari ini ada inang pengasuh, ada pasukan pengawal dan petugas yang boleh dikerah dan diarah pada bila-bila masa. Pasukan inilah yang sentiasa berusaha 'mendaulatkan' bos mereka bukan dengan sembah taat setia, tetapi dengan kata-kata angkat-mengangkat atau mengampu dan kemudian sentiasa meminta dihulurkan dengan habuan. Maka 'bos' yang diangkat dan diampu akan mula berasa dirinya besar dan sebahagiannya hingga berasa diri mereka 'berdaulat' tentunya tanpa memahami apa ertinya perkataan 'daulat' itu sebenarnya. Apabila ini terjadi dia akan mudah lupa asal usulnya, bahawa diri mereka sebenarnya adalah rakyat biasa. Mereka akan jadi lebih besar kepala apabila pada pangkal nama dikurniakan dengan pelbagai gelaran. Kalau boleh semua gelaran yang diterima itu mahu dipakainya dan menjadi amat marah apabila tidak disebut dalam ucapan atau tidak ditulis sepenuhnya di atas kertas bercetak.

Saya sering kali terbabas apabila tiba-tiba berdepan dengan kawan-kawan yang terpaksa saya memanggilnya dengan gelaran: kawan-kawan satu sekolah, satu kuliah, satu persatuan, satu permainan yang dulunya bergelak ketawa, bercerita dan bergurau senda, datang ke rumah makan dan bermalam seadanya, dan saya hanya memanggilnya dengan pangkal nama. Berat mulut saya menukar nama panggilan mesra itu menjadi gelaran. Terasa janggalnya! Dan kejanggalan ini bertambah apabila dia sendiri yang memberitahu bahawa dia sekarang sudah dapat gelaran. Pemberitahuan yang sekali gus 'memaksa' saya menukar panggilan kepadanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manusia-manusia inilah yang saya wujudkan dalam "jebat", dalam "Kerusi", dan juga dalam "Stesen". Mereka diberikan persekitaran yang berbeza. Jebat dalam "jebat" yang tiba-tiba menguasai sebuah istana, para pegawai bertali leher dalam "Stesen" muncul dan berjumpa dengan hanya seorang *Station Master* dan tidak dengan penduduk/penjual yang mendiami kawasan yang akan mereka ambil. Dalam "Kerusi" Si Putra juga menduduki kerusi di tempat yang tinggi sekalipun pernah dibutakan matanya. Dalam "Patung-Patung" Si Mega merasakan dirinya berada pada tahap yang terlalu tinggi sehingga terlupa memandang ke bawah.

Stesen adalah tempat mula dan berakhirnya setiap perjalanan. Kadang-kadang ia jadi tempat persinggahan sementara sebelum perjalanan diteruskan. Dalam waktu menunggu manusia akan bertemu berbagai-bagai manusia lain dan dalam menunggu ini jugalah manusia berfikir tentang banyak perkara, merenung diri, merenung orang lain, mendengar cerita dan turut bercerita. Kadang-kadang kita menemui orang baru yang kemudian menjadi kenalan. Ramai yang hanya bertemu dan berpisah, tetapi ada juga yang terlekat di hati dan seterusnya menjalin dan menyambung persahabatan.

Stesen, persinggahan dan perjalanan harus dilihat dalam konteks kehidupan manusia yang lebih luas. Rumah kediaman di kawasan setinggan adalah juga stesen persinggahan (sementara) sebelum dirobohkan. Manusia-manusia kecil akan tinggal bersama dan berkongsi setiap sesuatu yang menyambung pernafasan hidup mereka termasuk masalah yang timbul mendadak seperti kematian. Kematian seorang sahabat dalam "Mayat" menemukan kita dengan pelbagai keperibadian sebenar para sahabat yang berkongsi stesen itu. Mereka mula menyoal, mencari kesilapan, bahkan mendabik dada menunjuk pandai serta dengan helah dan haluan masing-masing. Saya sentiasa percaya, dengan kematian seseorang kita akan lebih mengenali manusia-manusia hidup di sekeliling sekujur mayat yang kaku itu. Seorang isteri yang setia misalnya akan mula mengenali diri sebenar bekas suaminya bila tiba-tiba mendapati ada perempuan lain yang beria-ia menangisi pemergian 'suami' nya.

Manusia adalah '*the thinking animal*' atau haiwan yang ber-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akal. Inilah yang membezakan antara manusia dengan binatang. Binatang tidak boleh jadi manusia kerana ia tidak berakal, tetapi manusia boleh menjadi binatang. Kata mendiang H.W. Janson, profesor seni halus di New York University selama lebih 25 tahun itu, manusia dan binatang sama-sama mempunyai mimpi dan imaginasi tetapi hanya manusia yang dapat berkata-kata antara satu sama lain tentang imaginasi mereka dengan menggunakan perkataan, gambaran atau bunyian (*History of Art*, 2001:17). Manusia boleh menjadi patung, boleh duduk di kerusi memberi perintah dan arahan, dan memilih untuk menjadi Si Tuah atau Si jebat, ia boleh juga singgah di stesen dan akhir sekali yang sering dilupakan bahawa ia boleh mati dan menjadi mayat. Apabila bertukar menjadi sekujur mayat ia tidak boleh lagi bergerak dan ia tidak akan tahu apa yang dilakukan oleh manusia pada jasadnya.

Dalam kehidupan juga kita sering berdepan berbagai-bagai perkara yang mengelirukan: keputusan yang berubah-ubah, manusia-manusia yang boleh tenggelam timbul, sekejap ada dan sekejap tiada, keadaan fizikal yang berubah atau tiba-tiba hilang, bahkan juga kuasa yang boleh diperolehi dengan tiba-tiba dan mungkin juga hilang dengan tiba-tiba juga. Semua ini adalah dunia maya – sesuatu yang kelihatan wujud tetapi sebenarnya tidak ada. Ia mungkin hanya wujud dalam bayangan atau khayalan kita semata-mata. Saya cenderung untuk menambah fenomena ini menjadi 'sesuatu yang kelihatan ada tetapi sebenarnya tidak ada atau sesuatu yang sememangnya ada tetapi tiba-tiba tidak ada'. Saya juga berpegang pada suatu garis yang sukar dipisahkan antara bayangan atau khayalan dengan realiti dalam kehidupan manusia – apakah realiti itu hanya satu khayalan atau khayalan itu mungkin menjadi realiti. Keadaan beginilah yang wujud dalam "jebat", "Stesen", "Patung-Patung", "Kerusi" dan "Mayat".

Dalam "Patung-Patung", patung-patung bikinan manusia itu hidup dalam pelbagai rupa dan bentuk. Patung-patung yang keras kaku dan tidak bergerak itu tiba-tiba hidup dan berkata-kata. Apakah ia hanya khayalan Mega atau memang ia pernah wujud dalam kehidupan silamnya? Setiap kali saya menatapi sebuah arca (*sculpture*) berbentuk dan berwajah manusia sebagai karya seni, saya membayangkan wajahnya menyimpan banyak perkara,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peristiwa dan pemikiran. Saya sentiasa membayangkan apa akan jadi jika patung-patung ini bergerak dan bersuara, sebab kita juga tahu apa jadinya apabila manusia yang memang boleh bergerak dan bersuara memilih untuk jadi kaku dan bisu. Pengalaman dan tindakan manusia sering menjadi tanda tanya apabila wujudnya keadaan atau fenomena maya tadi.

Dalam "Patung-Patung" ada watak wanita yang kaku – hidup, hilang dan muncul dan dinamai sebagai Maya. Watak ini lembut, memujuk dan sangat rasional. Watak yang sama wujud dalam "jebat" sebagai Dang Wangi dan dalam "Kerusi" sebagai Masayu. Watak-watak lembut ini mendepani watak-watak lelaki yang keras hati dan keras kepala, sombong dan berlagak serba tahu. Saya meletakkan watak-watak perempuan seperti berada dalam satu alam maya – ada dan tiada. Setiap kali mereka hadir mereka akan menyampaikan hasrat menggalak watak dan suasana yang mereka hadapi. Mereka saya letakkan sebagai pencinta keamanan, kebahagiaan atau apa saja keadaan yang mampu memberikan keadilan kepada manusia agar ia menemui kesejahteraan dalam kehidupannya. Ertinya fenomena maya itu mesti menghadapi proses menggala bagi mendatangkan kebaikan atau kebahagiaan.

Kesemua drama saya telah saya arahkan sendiri pementasannya. Selalunya dilakonkan oleh pelajar-pelajar saya. Proses penulisannya kadang-kadang ternoktah hanya selepas beberapa pementasan. Proses penulisan saya turut mengambil kira apa yang berlaku dalam waktu latihan dan pementasan. Saya akan melihat perkara-perkara baru setelah karya itu dilakonkan di hadapan penonton dan seterusnya respons penonton juga akan turut mempengaruhi proses penyiapan skrip akhir.

Setelah menamatkan pengajian dan mengkhusus dalam *scenography* dan pengarahan, ilmu dalam kedua-dua aspek ini saya perturunkan kepada pelajar-pelajar saya secara teori dan amali. Setiap semester kami akan mementaskan sebuah produksi dan saya menyediakan skrip kasar, menyediakan *blueprint* yang meliputi reka bentuk kasar. Universiti Kebangsaan Malaysia memberikan saya peluang memulakan kerjaya saya sebagai pensyarah dan sekali gus penggiat teater. Saya mengajar penulisan skrip, lakonan, pengarahan dan *scenography*. Ada tiga kursus yang diamanahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada saya, Pengenalan Seni Lakon, Teknik dan Stail Lakonan, dan Drama Melayu Moden. Sekalipun kursus-kursus tersebut memberatkan sejarah dan perkembangan drama serta seni lakon, tetapi orientasi pembelajaran dan pengajaran saya turut mengambil kira aspek pementasan kerana saya berpendapat mempelajari drama Melayu moden akan lebih efektif jika kita melihat sesuatu karya yang dikaji itu dilakonkan dan dipentaskan.

Saya membuat ketetapan bahawa kelas belajar berlakon harus berakhir dengan produksi. Ertinya pelajar yang diajar seni lakon sama ada di peringkat asas dan kemudian gaya dan teknik mestilah sampai ke peringkat di mana mereka berlakon di hadapan penonton. Salah satu objektif seni lakon adalah melenyapkan rasa gemuruh sewaktu berdepan dengan penonton. Ini hanya boleh dihindarkan melalui penglibatan yang kerap dilakukan. Pelajar-pelajar seni lakon saya akan bergilir melakonkan adegan-adegan tertentu daripada drama pilihan di hadapan kawan sekelas mereka terlebih dulu dan mereka akan menerima kritikan bukan saja daripada saya tetapi juga kawan-kawan sekelas. Kemudian mereka akan terlibat dengan produksi sepenuhnya di hadapan penonton. Panggung eksperimen UKM yang kemudiannya menjadi panggung seni itulah markas kami.

Saya bermula dengan "jebat", kemudian "Mayat", diikuti "Torando", "Puteri Gunung Ledang", "Di Mana Bulan Selalu Retak", "Matinya Seorang Pahlawan", "Dunia Belum Kiamat", "Kisah Seorang Aku" (Korporat). Ramai pelajar yang berbakat lahir daripada program ini, antaranya Annie Petrus, Franklin Karong, Vadui Une, Ishak Merican, Osman Jusoh, Aziz Datuk, Awangku Othman, Abdul Rahman Bakar, Vanitha Sebastian (Nur Afifah Abdullah), Johari Shaarani, Maria, Salbiah, Uma Narayanan, Bhavani Kanagarajah, Srivali (maaf kerana saya tidak mengingati kesemua nama). Pada waktu cuti semester Persatuan Pelajar akan meminta saya membuat Kursus Drama kepada pelajar-pelajar umum. Saya pernah melakukannya selama seminggu dan sebahagian daripada pelajar yang mengikuti kelas tersebut ialah dua orang pelajar perubatan Jemilah Mahmud (Datuk) yang kami panggil Jim dan seorang kawannya bernama Sham.

Pendekatan pengajaran saya adalah secara menyeluruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana saya sentiasa menekankan bahawa *theatre is teamwork* atau *ensemble*. *Theatre ensemble* saya ini terbahagi kepada empat kategori: pengurusan atau pentadbiran, pasukan kreatif, pasukan jurubina dan pasukan produksi. Dalam empat kumpulan ini pelajar-pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang mengendalikan berbagai-bagai aspek tugasan seperti membina set, menjaga kostum, menjaga mekap, pengurusan serta teknikal (lampu, bunyi) serta pengurusan pentas. Kata Ming Cho Lee yang dianggap sebagai *the "dean" of American scene design*, "*Teaching forces a teacher to always go through a process of self-evaluation. And self-evaluation is at the heart of all art*" (Downs, Wright and Ramsey, 2007:225). Inilah yang saya lakukan hingga ke hari ini. Apa yang saya ajar saya turut mengamalnya. Untuk tujuan itu saya harus sentiasa membuat penilaian terhadap diri sendiri apakah saya berada pada tahap terkini, atau saya ketinggalan.

Saya pernah membawa pelajar-pelajar untuk berlakon bersama-sama Ahmad Yatim, Fauziah Nawi dan Zaibo. Sewaktu di UNIMAS saya bawa mereka berlakon bersama-sama Zami Ismail, Sulaiman Yassin (Mat Over) dan Mohamad Abdullah (Allahyarham) yang sangat teruja untuk memainkan watak anak terencat akal tetapi sangat marah kepada golongan yang menerjah hutan dalam Muzikal "Tanah Air Api dan Angin". Ramai kawan-kawan saya yang sedia mengenali drama-drama saya, sebati dengan watak-wataknya serta faham akan jalur pemikiran saya. Mereka inilah yang turut memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar saya yang masih bertatih itu.

Ada beberapa karya saya yang tersiar tetapi belum pernah dipentaskan, antaranya "Awang", dan "Nasib". "Cermin Tipu Daya" yang diilhamkan oleh "Kapai Kapai" (Ariffin C. Noer) turut saya terjemahkan ke bahasa Inggeris dan menjadi tugasan utama sewaktu saya mengambil kuliah *Playwriting* sewaktu belajar di Jabatan Teater, Purdue University di Amerika. Saya turut menghasilkan "The Grave Digger" yang dilakonkan oleh kawan-kawan sekuliah saya sebagai projek kelas seni lakon. Drama ini belum pernah diterbitkan. "Mayat" juga saya terjemahkan ke bahasa Inggeris dan dibuat secara *play-reading* oleh kawan-kawan dalam kuliah seni lakon saya di Amerika. Sementara "Dunia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Belum Kiamat" dipentaskan dan ditelevisyenkan tetapi skripnya masih belum tercetak dan tersiar di mana-mana. Saya juga pernah dikirimkan rakaman drama "Mayat" yang diterjemahkan dan dipersembahkan dalam bahasa Tamil oleh sebuah kumpulan teater di Singapura dalam pertengahan 1980-an.

Latihan yang saya terima dalam teater adalah menyeluruh. Saya bermula dengan penulisan skrip tetapi di peringkat sarjana saya mengkhusus dalam pengarahan dan sinografi. Dan sewaktu belajar di Amerika Syarikat saya turut terlibat dalam pelbagai tugasan dan sekali gus bekerja sebagai *scenic artist*, pembuat *props*, penjaga lampu, penolong pengarah serta pembina set atau tukang. Semua pengalaman ini saya pindahkan kepada pelajar-pelajar saya dan dalam proses pengajaran itu saya turut bekerja bersama-sama mereka: menggergaji kayu, memotong polisterin, membancuh dan mengecat, membina flet, platform, tangga, mengangkat, menggantung dan memfokuskan lampu, merakam bunyi, mencelup kain untuk kostum dan apa saja kerja untuk sama-sama menjayakan produksi.

Kelas saya selalunya tidak terus tamat di bilik kuliah atau di studio. Selepas tamat jam kuliah/praktik secara formal saya akan mengajak pelajar-pelajar saya minum dan makan nasi lemak Pak Din di tepi lebuh raya KL – Seremban selepas latihan untuk terus berbual-bual mengenai skrip, produksi dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Bekas pelajar saya ada yang sampai hari ini masih sentiasa mengikuti kehidupan kreatif saya dan sesekali akan menghantar SMS kepada saya dengan tulisan "*Sir, I'm proud of what you do!*" Ada seorang pelajar saya dari Fakulti Undang-undang, Jahaberdin atau kami memanggilnya Jabar. Jabar menganggap saya sebagai 'seorang yang sangat nakal dan terkenal!' Shirley Wong, Lim dan Leong adalah antara pelajar saya yang berjaya dalam pelbagai bidang lain tetapi terus menjadi peminat teater.

Saya sengaja menulis Jebat dengan huruf kecil j. Saya mahu menjadikan nama jebat sebagai satu kata dasar yang boleh jadi perbuatan, menjebat. Saya mahu menghasilkan karya yang mewakili sepanjang zaman, kekal relevan dalam apa saja keadaan, bahkan saya mahu semakin lama karya itu berada di pasaran, semakin dekat persoalan yang diutarakan dengan keadaan sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semasa. "Kerusi", "jebat", "Mayat", "Stesen" dan "Patung-Patung" mengandungi rujukan kepada banyak perkara yang berlaku dalam kehidupan rakyat di mana-mana negara di dunia, soal jurang perbezaan antara yang miskin dan kaya, yang berkuasa, merasa dan yang hina dan teraniaya! Saya merasakan umat manusia di dunia sentiasa tersepit dan terhimpit oleh jurang ekonomi dan sosial ini, di India, China, Indonesia, Filipina, Thailand bahkan negara-negara Timur Tengah, Eropah dan Amerika, jurang ini sudah mula terasa dan kelihatan.

"Patung-Patung" pertama kali dipentaskan di Panggung Sasaran, Universiti Sains Malaysia pada tahun 1976. Waktu itu saya berada di tahun ketiga dalam pengajian teater. Semua kawan-kawan sekuliah saya mengambil bahagian sebagai pelakon, saya turut berlakon sebagai Mega sambil mengarah. Kumpulan kami berlima lelaki, Saparman Bakri (Allahyarham), Hamdan Sulaiman, Mohd Hafidz, Samat Salleh (Dr). Kami turut dibantu oleh Rukiah Hasyim dan pelajar drama tahun kedua, Zakaria Ariffin, Azhar Abu Bakar, dan Normah. Ada seorang pelajar daripada Sains Fizik, namanya Jalil yang ikut berlakon. Kami menamakan diri sebagai kumpulan Sasaran. Selepas saya mengarahkan "Patung-Patung", Hamdan pula mengarahkan "Mencari Si Hitam". Pementasan itu tiada kaitan dengan kursus yang kami ikuti. Semuanya kami buat atas kerelaan hati dan minat sendiri. Tidak ada sesiapa yang suruh dan untungnya pula tiada siapa yang melarang. Kami tidak dapat duit, tidak dapat markah! Keadaan waktu itu sangat jauh berbeza dengan hari ini. Salah seorang pensyarah teater yang datang menonton dan memberi sokongan terhadap usaha kami ialah Dr. Gulam Sarwar Yousoff, bahkan beliau turut membawa Cecil Rajendra untuk menonton dan kemudian mengadakan perbincangan selepas pementasan. Saya pernah membantu Gulam menterjemahkan karya drama beliau "Half-way Road" dengan judul "Jalan Sekerat" dan diterbitkan.

Suasana zaman kami menjadi pelajar teater jauh berbeza dengan keadaan pelajar hari ini. Kami sentiasa merasakan bahawa kuliah yang kami ikuti tidak mencukupi, jadi kami sentiasa berusaha sendiri. Sewaktu Kumpulan Teater Keliling pimpinan Rudolph Puspa datang ke Malaysia, mereka turut mengunjungi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pulau Pinang dan mementaskan "Kapai-Kapai" di Panggung Sasaran. Kami kagum dengan semangat kental mereka untuk berteater dalam keadaan yang miskin dan terdesak tanpa sebarang bantuan peralatan atau kewangan. Mereka menitikberatkan lakonan berwatak secara kumpulan atau *ensemble character acting*. Sebagai satu kumpulan mereka menghormati teraju utamanya dan oleh sebab anggota kumpulannya kecil mereka bersifat *multi-tasking*. Kesemua mereka tidak hanya berlakon tetapi turut menyediakan kostum dan mekap, membina set, menjaga lampu dan bunyi.

"Stesen" adalah drama realisme saya yang cuba mengangkat isu kesempitan hidup masyarakat bawahan yang terhimpit pula oleh arus pembangunan yang akan mengetepikan hak dan justifikasi kehadiran mereka. Saya cuba seperti apa yang dilakukan Ibsen, untuk meyakinkan penonton bahawa aksi di pentas itu adalah representasi kepada kehidupan sebenar. Bahkan seperti Ibsen saya juga cuba memberikan permasalahan yang lebih daripada sekadar kebiasaan dalam kehidupan harian dengan mempersoalkan sesuatu yang tidak sering diperkatakan. "*... he felt that drama should tackle subjects which had been taboo onstage – such as economic injustice, the sexual double standard, unhappy marriages, venereal disease, and religious hypocrisy. Ibsen and his realistic dramatists who followed him often insisted that the purpose of drama was to call attention to social problems in order to bring about changes*" (Wilson and Goldfarb, 1996:324). Perkara beginilah yang saya cuba persoalkan dalam "Stesen", "Mayat" serta "jebat".

"Stesen" pertama kali dipentaskan di Panggung Bandaraya bersama-sama kumpulan Anak Alam pada tahun 1977. Selain mengarah, saya turut melakonkan watak Busu, watak-watak lain dilakonkan oleh Muhammad Abdullah, Thangarajoo, dan Johan Jaaffar (Datuk) memberikan lakonan sangat berkesan sebagai Ketua Stesen. Drama itu kemudian dibawa keliling oleh Kumpulan Anak Alam dan dipentaskan di Pulau Pinang, Alor Setar, dan Taiping. Johan Jaaffar sekali lagi saya ambil berlakon dalam "Di Mana Bulan Selalu Retak" bersama-sama Asiah Sarji (Dr.) dan pelajar-pelajar saya sewaktu pementasan di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya.

Sebuah karya seni yang berdepan secara langsung dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khalayak seperti teater dan filem akan memperkatakan, mengenal, menyoal, menyaran dan sekali gus menyampaikan maklumat dan menghibur. Keadaan sosial masyarakat sama ada dalam pencapaian atau kegagalan yang berpunca daripada masalah seharusnya menjadi persoalan drama yang diperkembangkan meliputi pelbagai cadangan atau alternatif penyelesaian. Drama juga boleh memilih untuk hanya mengemukakan masalah dan meninggalkan penyelesaian untuk difikirkan oleh khalayak. Ini bererti sebuah drama atau filem mampu membuat khalayak berfikir dan mencari sendiri jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang telah mereka depani melalui watak dan penceritaan. "Patung-Patung", "Mayat" dan "jebat" mengutarakan idea dan konsep sebegini. Kata Oscar Wilde, penyair dan dramatis Irish, "... *the moment that an artist takes notice of what other people want, and tries to supply the demand, he ceases to be an artist*". Hakikat ini turut dikongsi oleh Nicholas Ray, pengarah filem dari England yang mengatakan, "*There is no formula for success, but there is a formula for failure, and that is to try to please everyone*". Saya jadi pengikut setia terhadap gagasan ini dan kerana itulah saya cuba menerokai alam dan persoalan yang agak terkeluar daripada persoalan biasa.

Saya melihat kehidupan dari sudut pandangan yang *humourous*. Manusia sebenarnya sangat melucukan. Cara mereka berfikir, cara mereka bertindak, cara mereka membuat keputusan serta cara mereka meyakinkan diri sendiri dan diri orang lain. Semua boleh dilihat sebagai lawak jenaka yang tidak ketara. Manusia sentiasa 'berlakon' memainkan berbagai-bagai peranan yang disesuaikan dengan masa dan keadaan. Setiap perlakuan manusia mempunyai motif tertentu. Makhluk ciptaan Tuhan yang paling bijaksana adalah manusia kerana ia diberikan akal fikiran. Akal fikiran itulah yang digunakan untuk berbagai-bagai tujuan: mempengaruhi, memujuk, memaksa, mengugut, memutar belit untuk faedah dan kepentingan diri sendiri. Dalam proses itu kita akan melihat warna dan belangnya terserlah dan kita akan segera kenal siapa mereka. Manusia itu mudah lupa diri apabila berkuasa dan kesukaannya adalah memberi perintah. Dia mula lupa bahawa dirinya adalah orang biasa, orang kecil atau orang sederhana.

Saya juga cuba mendekati apa saja perkara dari sudut pan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dangan yang *comical* dan *whimsical* (kepelbagaian ragam yang lahir daripada gerak hati) tetapi sekali gus *witty* (kelucuan yang bijaksana) dan *intellectual* (bestari). Penulis mesti ada sumber atau *subject matter* yang selalunya tentang manusia dan kehidupan, kemudian barulah dicarikan tumpuan atau fokus atau penguatan. Meletakkan tujuan atau matlamat kerana setiap apa yang berlaku atau dilakukan tentu saja mempunyai tujuan kerana, ... *the purpose of drama has been to raise philosophical questions or to probe timeless themes, such as why the innocent suffer or why there is so much hatred and violence in the world* (Wilson & Goldfarb, 1996:134). Berlandaskan ini seorang dramatis atau *playwright* mampu menyatakan sudut pandangannya dengan membina dan mengembangkan struktur dramatik dan akhir sekali mencipta watak-watak yang juga dramatik.

Ada waktu-waktunya sebuah drama memberikan kita kepelbagaian tujuan. Ia bukan sahaja menghibur tetapi secara tidak langsung memberikan sindiran terhadap manusia *hypocrites* (berpura-pura) atau *charlatans* (orang yang berlagak pandai). Apa pun sebelum sesebuah skrip itu dipindahkan menjadi sebuah produksi di pentas, seorang *playwright* harus sedia tahu akan hala tujunya. Jika ini kelihatan dengan jelas seorang pengarah, kumpulan pelakon serta pasukan pereka akan mampu duduk semeja dengannya untuk merealisasikan hajat dan tujuannya. Kejelasan ini amat penting kerana apabila karya itu terpentas ia akan turut ditonton oleh seorang pengulas atau pengkritik. Kehadiran mereka sangat penting untuk meletakkan karya itu di tahap yang tinggi. Richard Palmer, seorang profesor dalam bidang teater di Amerika yang sekali gus pengarah dan penulis, memberikan tanggungjawab seorang pengkritik sebagai, ... *to improve theatrical standards by educating an audience to a level of taste more receptive to ambitious theatre and less tolerant of mediocrity* (Downs, Wright & Ramsey, 2007:92). Tetapi hal begini tidak mungkin terjadi daripada sebuah karya yang pengisiannya dangkal dan ditambah pula dengan produksi yang bercelaru.

Seorang penulis Inggeris, Horace Walpole (1717–1797) menyatakan, "... *this world is a comedy to those that think, a tragedy to those that feel*" (Wilson & Goldfarb, 1996:135) (Dunia ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah komedi bagi yang berfikir, tragedi bagi yang merasa). Sesuatu yang diketawakan tentu saja bukan perkara tentang yang bersangkut dengan penderitaan, kesedihan atau malapetaka atau kematian. Tetapi di tangan seorang penulis yang bijak hal-hal yang sewajarnya menjadi tragedi itu boleh diolah menjadi suatu satira, *farce* atau *allegory* (kiasan). Pada saya, kita perlu berfikir, merasa, mendengar, berimaginasi dan menyampai atau menyebar tentang sesuatu perkara tanpa mengira ia sebuah tragedi atau komedi, asal saja menjadi tarikan kepada masyarakat yang menontonnya.

Kata seorang novelis, F. Scott Fitzgerald, "*You don't write because you want to say something, you write because you've got something to say*". Ada faktor penolak kepada seorang penulis untuk menghasilkan karya, ada sesuatu yang dirasakan tidak kena, ada sesuatu yang perlu dibahaskan, ada sesuatu yang boleh diperbetulkan, ada sesuatu yang tersembunyi dan perlu dikeluarkan untuk diketahui umum, ada sesuatu yang menyakitkan dan perlu diubati sebelum menjadi barah yang parah! Itulah maksudnya *because you've got something to say!* itu. Kebebasan bersuara melalui karya inilah yang sepatutnya perlu dihargai dan diguna pakai pada bila-bila masa dan dalam apa saja keadaan dengan tidak perlu disuruh dan dipaksa atau diberi izin oleh sesiapa. Kata Ngugi Wa Thiong'o, Pengarah International Centre for Writing & Translation di University of California, Irvine dalam sebuah artikel bertajuk Encounters with Censorship, "*... One must never need a license to think, and we all have to work for a world in which no ones needs a license to think, write, and circulate ideas*" (Campbell & Martin, ed. 2006:50).

Saya bersyukur kerana tidak perlu memohon lesen untuk menulis dan tidak perlu juga menghantar setiap tulisan (drama) saya kepada pihak penapis seperti selepas menyudahkan sebuah filem. Dengan menghasilkan naskhah (skrip) teater dan filem, saya menyimpan harapan untuk terus menggala fenomena maya yang akan kekal wujud di dunia nyata ini.

Hatta Azad Khan
Kota Damansara
17 Mac 2009

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rujukan

H. W. Janson & Anthony F. Janson, 2001. *History of Art – Sixth Edition, Volume 1*. New Jersey: Prentice-Hall.

Edwin Wilson & Alvin Goldfarb, 1996. *Theatre – The Lively Art*,. New York: McGraw-Hill.

Mary Schmidt Campbell & Randy Martin, (ed.), 2006. *Artistic Citizenship: A Public Voice for the Arts*. New York: Routledge.

William Missouri Downs, Lou Anne Wright & Erik Ramsey, 2007. *The Art of Theatre – Then and Now*. Belmont: Thomson Wadsworth.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGENALAN

Krishen Jit

HATTA AZAD KHAN DAN TEATER KONTEMPORARI DI MALAYSIA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengenalan ini ditulis dengan dua tujuan. Pertamanya, saya ingin meneliti karya teater Hatta Azad Khan, seorang penulis, pencipta dan pengkritik teater yang telah muncul secara tegas di depan peminat teater tanah air. Sudah sampai waktunya karya Hatta dihurai, terutamanya apabila empat buah dramanya diterbitkan dalam satu kumpulan drama yang berjudul *Patung-Patung* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980). Dua daripadanya, iaitu "Mayat" dan "Stesen" pernah memenangi hadiah dalam pertandingan drama anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, malah drama "Mayat" dari segi kepopularannya telah menandingi "Protes" dan "Bukan Bunuh Diri" karya Dinsman dalam kalangan pembikin teater. Setakat pengetahuan saya, Hatta telah menulis tiga buah drama lagi iaitu "Awang," "Jebat" dan "Puteri Gunung Ledang". Mencipta tujuh buah drama dalam bilangan tahun yang agak sama memperlihatkan kerajinan serta ketekunan daya penciptaan Hatta. Lebih-lebih lagi, selepas dia kembali ke Malaysia setelah memperoleh ijazah sarjana dalam jurusan teater daripada Universiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Purdue, Hatta juga telah menampilkan dirinya sebagai seorang pengkritik teater yang cergas. Tidak ketinggalan pula peranannya sebagai seorang pengasas gerakan 'Generasi Ketiga'. Bersama-sama Dinsman, Johan Jaaffar dan beberapa orang teater lain yang mewakili gabungan itu, Hatta mencuba menetapkan keperibadian yang baharu dalam suasana teater di Malaysia.

Sambil membaca karya Hatta, terlintas pula di fikiran saya tentang beberapa gejala tahun 1970-an yang suka saya sebutkan sebagai teater kontemporari. Banyak perkara tentang estetika teater kontemporari mendesak saya memikirkan kecenderungan-kecenderungan teater 10 tahun kebelakangan ini semula. Nampaknya, pembaharuan dalam teater Melayu selepas Perang Dunia Kedua berlaku tiap 10 tahun. Misalnya, pada tahun 1950-an, teater sandiwara telah menguasai pentas tempatan. Sebaik-baik sahaja ia menikmati tahap kematangan, timbul pula drama realisme atau drama moden pada awal tahun 1960-an dan, sambil drama moden mencapai reputasi yang stabil, satu pemberontakan ke atasnya telah dilakukan oleh Noordin Hassan pada tahun 1970. Agak terlalu awal untuk memutuskan bentuk baharu yang akan lahir dalam dekad ini. Namun, terbayang juga satu pertemuan yang menarik antara teater kontemporari dengan drama realisme dan Hatta merupakan salah seorang pencipta yang mempelopori pertemuan ini. Maka, cocoklah kalau karya Hatta ditinjau bersama dengan satu peninjauan estetika terhadap kontemporari.

Gaya teater Hatta mencerminkan sikap pencipta yang berubah-ubah. Karya awalnya iaitu "Kerusi" dan "Patung-Patung" menaruh keyakinan ke atas tenaga alegori dalam teater, satu cara pembikinan teater yang pada tahun 1970-an dipelopori oleh Noordin Hassan dengan "Bukan Lalang Ditiup Angin". Selanjutnya, Hatta seolah-olah melepaskan diri daripada ikatan-ikatan itu dan memasuki gelanggang yang di Malaysia biasa disebut 'absurd'. Hasilnya wujud drama "Mayat". Selepas "Mayat", dua buah drama iaitu "Stesen" dan "Awang" membawa Hatta kepada suasana drama realisme. Muncul pula dua buah drama lagi, iaitu "Jebat" dan "Puteri Gunung Ledang", yang kembali kepada dunia alegori, walaupun dalam gaya yang berbeza daripada drama-drama awalnya. Tema-tema yang mengasyikkannya juga mendedahkan sikap yang agak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berubah-ubah, bukan dari segi persoalan-persoalan pokok yang dipilih itu tetapi dari segi pendekatannya. Misalnya "Kerusi" dan "Patung-Patung" (dan mungkin juga "Mayat") mencuba menjelajahi wilayah sejagat menerusi perbincangan tentang imbasan kuasa, ilusi dan kekosongan manusia. Manakala drama-drama berikutnya seperti "Stesen" dan "Awang", yang bertemu dengan masalah kaum bawahan atau yang berada di pinggir masyarakat, berpijak di bumi terbatas serta tertentu. Drama-drama terbaharu Hatta telah membebaskan diri daripada perbincangan yang berupa 'sosiologi' itu supaya hidup dalam masa dan ruang yang lebih luas.

Dengan memilih gaya alegori, Hatta telah memilih dunia yang penuh dengan lambang. Asasnya, alegori melahirkan peristiwa-peristiwa serta watak-watak yang pada lahirnya berupa rekaan belaka, tetapi sebaliknya menopeng serta melambangkan keadaan tertentu yang benar-benar wujud. "Bukan Lalang Ditiup Angin" umpamanya, sudah pun dibicarakan sebagai sebuah drama yang menandakan persoalan-persoalan di sekitar Peristiwa 13 Mei dan menurut tafsiran ini, lambang-lambang di dalamnya membongkar perwatakan orang Melayu yang kurang sedar akan hakikat. Walaupun "Kerusi" menampilkan watak-watak yang ganjil rupanya namun boleh dikatakan drama ini membayangkan alam kuasa masyarakat kini. Jelas kelihatan alegori bergerak antara dua dimensi antara khayalan dengan realiti dan inilah kekuatan rupa teater itu. Memandangkan masalah penapisan di Malaysia, sama ada ia berpunca daripada pihak berkuasa ataupun daripada penulis sendiri, teater alegori juga berfungsi untuk melunakkan masalah itu.

Dimensi yang berbilang juga diperkenalkan melalui pelbagai rupa seni dalam teater yang bercorak alegori ini. Selain dialog, teater ini digerakkan oleh saluran muzik, lagu puisi dan mimos dan dengan itu mewujudkan teater yang pelbagai saluran (*multi-channelled*). Biasanya seni yang pelbagai itu digali daripada khazanah teater tradisional. Bentuk teater tradisional yang dipilih khas ialah teater rakyat, disebabkan pertamanya oleh pengetahuan dan pengalaman pencipta-pencipta dan juga kerana teater rakyat mencerminkan sikap egalitarian mereka. Membawa balik unsur-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

unsur teater tradisional ke pentas moden selepas ia nyaris-nyaris lenyap mendedahkan hasrat mencari sambil membentuk keperibadian tempatan dalam teater Malaysia. Nilai-nilai masa lalu yang dibayangkan oleh seni tradisional memainkan peranan penting untuk menetapkan pertemuan antara masa dahulu dengan masa kini yang telah menjadi tema utama di pentas moden di Malaysia. Dari segi ini adanya seni tradisional di pentas melahirkan unsur dinamik bukan sahaja dari segi nilai teater tetapi juga nilai kehidupan dalam dunia moden.

Bersama dengan seni-seni tradisional beberapa penulis kontemporari teater juga memunculkan watak-watak dari zaman lampau. Kadang-kadang watak-watak tradisional ini dihidupkan kembali untuk mencahayakan masyarakat kini. Lihatlah peranan Jebat dalam karya Dinsman dan drama Hatta sendiri yang kedua-duanya mengambil tajuk "Jebat". Dan seperti dikatakan oleh seorang watak dalam ciptaan Hatta, "Jebat masih hidup! Jebat di mana-mana ... Anda pun boleh jadi Jebat/kalau anda menjebatkan diri," Jebat sudah menjadi satu konsep, satu idea yang bernyawa dalam teater kontemporari. Amalan membawa balik watak-watak tradisional ke pentas moden cukup luas. "Paku Alam" karya Hashim Yassin menempatkan watak-watak cerita rakyat seperti Pak Pandir, Pak Kadok, Si Luncai dan Lebai Malang dalam suasana moden. "Rakan, Teman dan Para Bangsawan" karya Syed Alwi mengetengahkan tiga lapisan sejarah iaitu sejarah kesultanan Melaka, sejarah kemerdekaan Malaysia dan masa kini. Khayalan Hatta mengenai "Puteri Gunung Ledang" juga menafaskan erti kekinian kepada peristiwa dan watak-watak zaman dahulu itu. Dengan menggunakan cara-cara ini, masa lalu, kandungannya serta imej-imejnya dirasai sungguh relevan serta dinamik dalam masyarakat kini.

Walaupun demikian, dari satu segi pembikin-pembikin teater kontemporari masih tidak memberi perhatian yang penuh tentang teater serta nilai-nilai tradisional. Jarang sekali kita bertemu dengan penulis-penulis yang secara tekun memasuki kehalusan estetika dan struktur teater tradisional supaya menjumpai peranan sedalam-dalamnya dalam teater kini. Mungkin kekurangan ini disebabkan oleh kurangnya pengalaman dan pengetahuan mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan teater tradisional ataupun kebanyakan mereka secara kebetulan sudah pun menerima perandaian-perandaian struktur teater moden. Sebahagian daripada karya Aziz H.M., karya Noordin Hassan iaitu "1400" dan "Puteri Gunung Ledang", Hatta seolah-olah berpandukan struktur tradisional tetapi pencapaiannya belum memuaskan hati. Percubaan-percubaan ini masih pada tahap awal. Kesedaran akan struktur ini lebih tajam buat beberapa pengarang teater kontemporari Indonesia. Umpamanya "Kapai-kapai" karya Ariffin C. Noer telah melahirkan sebuah teater yang dari mula hingga akhir diasaskan kepada struktur teater lenong dan hasilnya bukan sahaja sebuah teater yang menarik tetapi sebuah drama yang dapat mencungkil struktur pemikiran tradisional supaya mempersoalkan kehadirannya dalam dunia moden. Bertujuan memuliakan kebijaksanaan akal tradisional dan fungsinya dalam masyarakat kini, W.S. Rendra dalam "Kisah Perjuangan Suku Naga" secara jujur memadukan struktur wayang purwa Jawa dengan persoalan sosioekonomi masyarakat kini. Tidak ketinggalan pula pencapaian Wisran Hadi membentuk beberapa buah drama dengan menggunakan struktur teater randai sebagai panduannya. Fungsi masa lalu bukan sahaja terletak pada imej-imej serta lambang-lambangnya sahaja. Soal struktur tradisional yang lebih luas serta dalam harus juga diperhatikan untuk menggali kegunaannya. Namun drama "1400" dan juga "Puteri Gunung Ledang" mencahayakan kemungkinan ini, "1400" kerana Noordin mencuba mencorakkan teater yang berstruktur ritual dan "Puteri Gunung Ledang" kerana ia hampir mengikuti struktur perjalanan cerita tradisional.

Selain imej-imej tradisional, teater kontemporari juga melahirkan gambaran-gambaran 'ganjil' yang bukan selalunya terikat kepada visi tradisional. Imej-imej yang diutarakan oleh Dinsman, yang sering digelar 'absurd', sebenarnya begitu bebas daripada ikatan ataupun pengaruh teater tradisional secara langsung. Hanya dalam drama "Projek Izie", Dinsman masuk ke ambang seni tradisional dan itu pun secara teragak-agak. Begitu juga dengan drama "Mayat" Hatta yang kerap disebut sebagai teladan 'absurd'. Saya tidak tahu sama ada Hatta menyetujui gelaran itu tetapi pada fikiran saya drama pendek "Mayat" itu, walaupun mengetengahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beberapa cetusan yang aneh pada keseluruhannya itu bukanlah absurd dalam erti kata yang dipinjam daripada tradisi absurd Barat. Unsur-unsur absurd lazim ditemui dalam teater moden kini oleh sebab ia telah menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata teater moden. Dalam kalangan mereka yang sedar akan perkembangan teater moden, imej-imej absurd senang dijumpai dalam karya mereka. Tetapi dalam kalangan beberapa pengkritik teater tempatan, perkataan 'absurd' itu telah diberi erti yang tersendiri, tegasnya untuk menggolongkan sebarang drama kini yang bukan realistik. Dalam kalangan sebilangan penonton pula drama-drama yang pada lahirnya sukar difahami cepat disebut sebagai 'absurd'. Tidak ada salahnya asalkan mereka itu cukup sedar bahawa teater yang mereka namakan 'absurd' itu tidak selalunya menyamai ciri-ciri absurd dalam tradisi teater di luar Malaysia.

Dari segi falsafah, absurd yang klasik mempersoalkan sistem pemikiran etika yang sedia ada supaya menetapkan peranan yang berdaulat kepada diri atau *self* dalam dunia. Dengan kata lain, falsafah eksistentialisme merupakan asas pemikiran absurd. Kembali ke Malaysia kita mendapati kebanyakan penulis teater kontemporari termasuk Hatta mempunyai tanggapan etika yang kuat yang selalu membezakan antara yang baik serta suci dengan yang kurang baik, jahat, zalim dan menganiaya. Pegangan etika ini selanjutnya menafikan pertanyaan-pertanyaan yang bercorak metafizik yang berlanjutan. Bagi mereka peranan diri harus dibentuk menurut etika yang tertentu sama ada ia diasaskan kepada kebenaran ataupun kesucian dan bagi mereka juga adalah tidak perlu untuk mencari-cari serta memperbaharui diri ketika berdepan dengan setiap situasi yang wujud itu.

Sikap tidak mementingkan orang lain yang menjangkiti watak-watak "Mayat" berupa sikap yang kurang sopan dan sebenarnya tidak menyentuh persoalan metafizik mengenai diri. Tambahan pula sahabat-sahabat yang ingin memperoleh faedah daripada mayat bekas sahabat mereka akhirnya tidak mencapai tujuan jahat mereka dan hukuman ini dijatuhkan oleh penulis untuk menegaskan sistem etikanya. Dalam "Patung-Patung" yang mempersoalkan dunia perantaraan iaitu antara mimpi dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

realiti, Hatta juga cepat menamatkan perbincangan ini apabila dia berpaling kepada tenaga etika yang berlandaskan kesucian dan agama.

Teater yang berasaskan pemikiran metafizik hanya melibatkan golongan kecil teater kontemporari di Malaysia iaitu sebuah drama Syed Alwi khasnya "Menuju Utara" dan "Tok Perak" dan "Bukan Bunuh Diri" dan "Ana" karya Dinsman. Sebenarnya hanya "Tok Perak" dan "Ana" pada keseluruhannya menetapkan peranan yang bertenaga serta dinamik kepada soal diri menerusi pengalaman pergelutan diri sendiri yang berasaskan drama-drama tersebut. Manakala cuma "Ana" sahaja yang menuruti gaya absurd yang dikenali umum dalam dunia teater. (Tentang Dinsman saya berhutang budi kepada Saudara Sutung Umar kerana mencadangkan jalan pemikiran ini). Sebelum tahun 1970-an, peranan diri telah pun dibayangkan oleh A. Samad Said dalam drama "Di Mana Bulan Selalu Retak" walaupun gaya drama itu dicorakkan oleh perandaian-perandaian realisme.

Mengemukakan hal-hal falsafah dan metafizik dalam pentas teater kontemporari tidaklah menghairankan kerana penulis-penulis teater yang penting adalah berkelulusan institusi pengajian tinggi. Beberapa orang antara mereka juga memperkenalkan nilai-nilai formal dalam teater dan perkara ini dibayangi oleh kesedaran mereka akan bentuk penulisan serta persembahan. Karya Hatta jelas menunjukkan kecenderungan ini malah boleh dikatakan bahawa kesedaran terhadap nilai-nilai formal dalam teater ini adalah sungguh tegas. Umpamanya drama "Kerusi" dari segi pementasannya dilakukan secara sedar sebagai 'teater arena'. Pada tahun 1970-an beberapa set teater kontemporari dibikin daripada benda-benda yang dijumpai (*found objects*), iaitu satu estetika seni yang dipelopori oleh segolongan pelukis di Amerika pada tahun 1960-an. Gejala ini dalam drama ini berjalan antara dua lapisan masa dan ruang tersebut. Proses yang agak sama diamalkan mengenai sikap pelakon dan hubungan dengan penonton. Biasanya pelakon bergerak dalam ruang dan masa antara diri mereka tetapi kadang-kadang mereka keluar daripada gelanggang supaya dapat berhubung terus dengan penonton. Corak lakonan keluar masuk dari ruang dan masa yang tertentu sering dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam teater kontemporari yang pada asasnya hidup antara realiti dengan ilusi. Tabiat ini mengingatkan kita kepada amalan-amalan teater tradisional yang dari segi strukturnya amat bergantung pada teknik penyampaian secara langsung kepada penonton dan juga teknik menampilkan peristiwa-peristiwa yang terkeluar dari ruang dan masa cerita. Hampir semua jenis teater tradisional membentuk zon perantaraan ini yang telah dinamakan *liminal zone* oleh Victor Turner, seorang ahli antropologi.

Maka pelbagai saluran serta lapisan dan permainan kata terbayang dalam "Kerusi". Tetapi kemungkinan metafizik yang berasaskan perkara itu dinafikan oleh Hatta pada akhir drama itu kerana akhir-akhirnya Hatta memilih corak drama etika yang mempersembahkan perjuangan pihak yang suci. Bagi melaksanakan tujuan ini, Hatta telah memilih cara-cara melodrama yang walaupun dapat menjelaskan sistem etikanya tetapi jalan penyelesaian yang dipilih itu tidak begitu menarik hati dari segi teater. Tumpuan pada penghujung drama "Kerusi" diberikan kepada perjuangan Si Putera yang dengan keris pusakanya melambangkan nilai-nilai etika. Pada mulanya Si Putera dan beberapa wira yang muncul itu gagal kerana mereka cuba menewaskan Srisegala secara perseorangan. Kejayaan mereka bersama pada akhir cerita memberi ajaran kepada penonton mengenai betapa pentingnya nilai kerjasama. Hatta juga memberi amaran kepada penonton supaya mereka tidak akan terlalu asyik dengan lambang-lambang kuasa yang akan mengongkong mereka. Sebaliknya Putera yang memegang keris pusaka itu ingin pula menetapkan sikap egalitarian yang bersifat moden itu. Secara lantang beliau mengatakan kepada Srisegala bahawa:

> Sejak bilakah kauberikan nyawa kepada sebuah kerusi dan sebuah gong yang kaku? Kau adalah punca segala-galanya. Dan aku cukup tahu, selama kau di situ, hanya segelintir manusia sahaja yang akan berjaya mendaki gunung mencapai awan. Manusia yang sama bulunya denganmu. Aku dan orang-orang itu hanya dihiburkan dengan lakonanmu. Kau membawa kami ke dunia tiga penjuru dengan segala janji bahawa penjuru ini lebih baik daripada yang itu dan yang ini lebih baik lagi. Aku sudah tahu dunia tiga penjurumu itu sama semuanya. Tidak ada yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pegangan etika Hatta juga menyelesaikan segala permasalahan dalam drama berikutnya iaitu "Patung-Patung". Sekali lagi Hatta membiarkan segala kemungkinan metafizik yang terkandung dalam drama itu, terutamanya tentang wilayah perantaraan iaitu antara ilusi dengan realiti, demi kepentingan cerita dan melodrama yang dipengaruhi oleh nilai etikanya. Dengan menampilkan Dupa yang keperibadiannya serta fungsinya agak sama dengan Putera dalam "Kerusi", Hatta dapat menamatkan dramanya dengan kejayaan akhlak yang cemerlang dan mengakhiri cerita dengan suasana harmonis.

Namun demikian sebelum penyelesaian ini dapat dicapai, Hatta berpeluang mengemukakan beberapa sindiran mengenai sikap individualisme dan materialisme yang mencuba mengatasi nilai-nilai yang suci. Dalam drama ini juga Hatta mencorakkan penentangan antara dua pihak yang berlawanan asasnya antara Mega (yang mewakili sensitiviti baharu yang memperajukan kemahiran diri tanpa mementingkan orang lain) dengan Dupa (yang ingin membalas dendam atas perbuatan dosa Mega itu). Berbeza dengan Srisegala, Mega bukanlah seorang yang amat zalim. Sebenarnya dia terperangkap dengan ilusinya yang dianggapnya sebagai realiti. Dalam penjara yang dibikinnya sendiri, Mega memilih jalan yang bersifat hedonistik.

Sikap Mega itu dinyatakan melalui perhubungannya dengan patung-patung ciptaannya khasnya dengan Maya, bekas kekasihnya. Dengan sendirinya dunia patung mengemukakan beberapa persoalan falsafah yang telah pun mengasyikkan manusia sejak permulaan sejarah. Patung direka manusia tetapi hasilnya berkemungkinan menjelma menjadi sesuatu yang sungguh sempurna dan ideal, berbanding dengan manusia itu sendiri yang agak cacat rupanya dari segi jasmani dan rohani. Sebaliknya rekaan patung yang cemerlang itu memperagungkan si pereka mempunyai ciri-ciri ketuhanan kerana menafaskan nyawa kepada sesuatu benda. Tetapi benda itu tetap benda dan bukan nyawa, ia hanya satu ilusi dan sebagainya. Sesuailah kalau patung yang paling cantik dan mengagumkan itu dinamakan Maya dan dengan itu ia melambangkan ilusi Mega. Persoalan-persoalan yang menarik hati juga dibayangkan oleh sebuah drama kontemporari lain itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Dalang" rekaan Hashim Yassin. Hatta menggabungkan beberapa persoalan ini kepada satu rangkap puisi yang memberi tema kepada dramanya ini:

> Bila mimpi sudah lupa pada tidur dan realiti hanyalah gerak tari
> yang lembut bermain di bibir mata: apakah erti itu Maya!

Dunia mimpi (yang pernah disebut sebagai "*the other side of reality*" oleh Hatta) dan ilusi yang ditempatkan di sisi realiti untuk mengujinya merupakan satu sifat pokok dalam teater kontemporari. Kita teringat akan ramalan tuk nujum dalam drama "Bukan Lalang Ditiup Angin" dan sambil menonton "Tok Perak" kita bertanya adakah yang kita lihat itu satu impian si penjual ubat atau adakah peristiwa-peristiwa dalam keluarga Azizah itu benar-benar berlaku? Kita juga teringat akan gelanggang yang berupa impian Si Adam dalam "Bukan Bunuh Diri" dan kepada khayalan ilusi yang menjangkiti manusia dalam drama "Angin Kering" karya Johan Jaaffar. Dengan menjelajahi wilayah antara mimpi dengan realiti ini, pencipta-pencipta teater kontemporari dapat mencungkil sifat-sifat serta kelakuan manusia yang biasanya tidak dapat dilakukan dalam drama realisme iaitu kelakuan-kelakuan bawah sedar, khayalan-khayalan yang sungguh terharu yang dalam teater kontemporari cuba diketengahkan sejelas-jelasnya agar gambaran-gambaran itu sungguh terhadir (*actual*). Walaupun peristiwa-peristiwa yang dipersembahkan itu tidak bersifat logik ataupun rasional, namun ia dapat menjelajahi perandaian-perandaian sistem pemikiran dan memasuki dimensi yang berbeza iaitu dimensi yang mungkin lebih benar kerana ia lebih jujur mengenai kelakuan manusia. Di sinilah letaknya kekuatan beberapa buah karya teater kontemporari yang berani berdepan dan bergelut dengan realiti-realiti yang mengharukan.

Sekiranya peristiwa-peristiwa dalam "Patung-Patung" seperti melompat di sana sini, itu memang sengaja dilakukan. Cerita masih kuat dalam drama itu, hanya perjalanannya tidak mengambil rupa yang logik. Di samping itu Hatta ingin mencetuskan idea-idea tertentu yang bersalurkan peristiwa yang kejut-kejutan itu iaitu idea-idea tentang pelbagai kelakuan manusia. Pertanyaan tentang dari mana watak itu muncul tidak akan melahirkan sebarang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hasil kerana perkara itu tidak dipedulikan oleh penciptanya. Menggelarkan drama ini sebagai absurd akan menenggelamkan tujuan Hatta ini. Unsur-unsur absurd memang ada dalam "Patung-Patung" seperti sifat ketidaklogikan dan permainan kata yang mencuba mendedahkan kecacatan bahasa untuk melahirkan erti dan dengan itu membongkarkan mitos di sebalik perkataan-perkataan yang dimulia-muliakan itu. Sesungguhnya Hatta amat menikmati sensasi mempermainkan kata.

Tiap-tiap watak yang muncul dalam "Patung-Patung" memperkenalkan sesuatu kehadiran (*presence*) yang secara fizikal menampilkan idea-idea yang khusus. Di satu pihak kemunculan watak-watak seperti Mega, Wak Karto dan Saudagar memperkenalkan sikap-sikap hedonisme, individualisme dan materialisme. Pada pihak yang lain muncul pula watak-watak yang mewakili nilai-nilai suci dan dianggap benar. Gerak lakonan disusun menuruti susunan kehadiran-kehadiran tersebut. Noordin Hassan juga memperalatkan kaedah susunan kehadiran ini seolah-olah untuk melahirkan satu perarakan ke pentas. Teater Noordin Hassan kaya dengan lakonan yang mencuba menyesuaikan lakonan teater tradisional ke pentas moden. Kadang-kadang perjalanan cerita diabaikan oleh Noordin untuk menimbulkan sensasi-sensasi yang ghairah tetapi bererti. Bererti bukan dari segi kemajuan cerita tetapi dari segi melancarkan idea-idea yang pelbagai. Berbanding dengan "Bukan Lalang Ditiup Angin", misalnya "Patung-Patung" mengetengahkan peristiwa-peristiwa dan watak-watak yang terjalin serta terikat hubungannya dengan cerita.

Mengutamakan cerita dalam teater merupakan salah satu unsur kemodenan dalam teater Malaysia. Manakala dalam teater tradisional cerita hanyalah salah satu peristiwa dalam satu siri peristiwa yang lebih luas dan pelbagai. Dalam teater tradisional, misalnya, cerita biasanya tidak muncul bersama lakonan. Sebelum cerita dibuka beberapa acara lain yang bererti perlu dilaksanakan seperti pembukaan panggung, pengadapan kepada pihak-pihak tertentu, baik sidang roh mahupun manusia, memperkenalkan watak-watak penting dan sebagainya. Hanya selepas acara-acara ini selesai, baharulah cerita dibuka. Seperti dikatakan dahulu sepanjang persembahan, amalan keluar masuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara cerita dilakukan. Seterusnya rupa serta struktur cerita tradisional tidaklah bersifat *linear* atau logik. Struktur cerita tradisional lebih terikat kepada keperluan-keperluan sistem pemikiran yang bercorak pusingan dan biasanya menganjurkan peristiwa-peristiwa berbentuk ulangan-ulangan (*repetition*) dan kebetulan (*coincidence).* Jalinan cerita yang bersifat *linear* dan yang bergantung pada rangka dasar sebab-musabab sebetulnya dipengaruhi oleh sistem pemikiran Barat yang kesan-kesannya dalam teater sungguh jelas dalam drama realisme. Cara perjalanan cerita inilah yang dipersoalkan oleh teater kontemporari walaupun bukan oleh semua pencipta dan bukan secara mutlak pula.

Seperti yang dapat diperhatikan di samping menampilkan peristiwa yang tidak logik, Hatta masih berkeyakinan terhadap cerita atau naratif yang terjalin. Dalam drama-dramanya jarang terdapat peristiwa-peristiwa yang 'sia-sia' atau yang 'membazir' dari segi cerita. Sikap formal serta teguh terhadap cerita juga dapat ditemui dalam beberapa buah drama Syed Alwi. Walaupun penuh dengan subplot, sungguh halus serta *textured* namun peristiwa-peristiwa dalam drama "Alang Rentak Seribu" dan "Tok Perak", misalnya, amat terjalin dari segi cerita.

Ada lagi perkara yang memperlihatkan persamaan antara Hatta dengan Syed Alwi. Kedua-dua penulis ini telah memperkenalkan watak yang bernama Alang sebagai orang tengah. Bagi Syed Alwi, Alang pertama kalinya muncul dalam "Alang Rentak Seribu" dan seterusnya dalam "Desaria" dan "Z:00-M 1984". Alang mempunyai sifat-sifat mitos. Alang melambangkan dan mewakili pandangan dan sikap yang bertenaga untuk mengatasi segala rupa masalah, dan di samping itu mengetengahkan diri antara pihak-pihak yang bertentangan. Alang juga membawakan satu pengalaman yang sungguh hidup serta dinamik dan yang relevan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Penulis-penulis teater kontemporari gemar akan watak-watak sedemikian kerana watak-watak ini dapat menyuarakan pegangan mereka sendiri atau melambangkan sesuatu dilema yang tertentu. Bayangkan fungsi Jebat, Adam dan Ana rekaan Dinsman dan Maha Tahu ciptaan Johan Jaaffar.

Alang rekaan Hatta tidak terikat kepada sebarang masa dan ruang malah dia dapat mengatasi batas-batas yang dialami oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia biasa. Dalam "Patung-Patung", Alang membongkar segala ilusi yang memenjarakan watak-watak yang sesat itu. Dia juga berkelakuan nakal dan suka mempermainkan kata-kata dan secara seronok memperdaya Wak Karto yang berkelakuan sederhana dan akhirnya Mega sendiri. Tegasnya Alang merupakan suara hati Hatta yang mengucapkan nilai-nilai yang dipegangnya seperti "mendengar sekarang ini bukan lagi dengan telinga, melihat juga bukan dengan mata. Itulah sebabnya mereka yang semua (iaitu, patung-patung dan secara lebih luas, penonton juga) tak faham-faham. Kepala yang "pelbagai rupa itu, pelbagailah faedah dan gunanya" dan kata-kata Alang bukan cerita untuk diketawa. Bahasa Alang penuh hikmat dan ertinya: "didengar tidak memekakkan mata, dilihat tidak menyakitkan telinga" dan lagi "sebenarnya kebebasan itu tidak ada. Tetapi sesiapa sahaja makhluk ciptaan Yang Maha Kuasa akan berasa bebas selama mereka tidak terikat atau terkurung." Semakin Alang hadir di pentas, semakin dia dipaksa menjelaskan diri dan alam sekelilingnya dan semakin dia bersifat didaktik. Di sebalik rupa Alang yang berwajah sederhana dan terasa tidak logik itu terdapat tanggapan etika yang kuat dan bertenaga. Mendampingi Alang, kita sekali lagi menemui dunia terbalik.

Alang, Mega, Maya, ketiga-tiga watak yang penting serta pengalaman dan kelakuan mereka dan apa sahaja yang mereka lambangkan memperadukan kita kepada wilayah metafizik. Muncul pula Si Dupa dengan cerita tentang perbuatan dosa Si Mega dan berkuasalah lagi sifat-sifat melodrama. Akhirnya Dupa, seorang pejuang dengan kerjasama Alang menewaskan manusia yang mementingkan diri dan kemahiran jari-jemarinya. Ini bererti etika berjaya mengatasi impian-impian metafizik. Persoalan-persoalan dalam drama ini bukanlah terbuka sifatnya kerana Alang dan Dupa dihadirkan untuk menutup segala persoalan dan menunjukkan jalan benar.

Oleh sebab "Mayat" memperkenalkan suatu suasana yang menurut akal adalah 'absurd' lalu membayangi erti yang kompleks dan lebih daripada yang ternyata maka didorong oleh suasana sedemikian kita pun mencuba mencari-cari erti yang berlapis-lapis itu. Pencarian yang kita lakukan itu akan kurang berhasil kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nampaknya drama itu mengikuti dan seterusnya menerangkan satu saluran erti sahaja iaitu erti yang sentiasa di depan kita. Akal dan sensitiviti 'absurd' yang mungkin kita rujukkan kepada drama itu tidaklah berfungsi malah akan mengecewakan serta menyesatkan kita.

Walaupun demikian, suasana 'absurd' yang ketara wujud dalam "Mayat" harus juga diperhatikan. Suasana yang dimaksudkan itu terkandung pada ruang yang mengelilingi drama itu. Tegasnya "Mayat" membentuk ruang yang kosong dan sememangnya fenomena kekosongan ruang itu adalah salah satu mitos yang termasyhur dalam tradisi teater 'absurd', seperti diabadikan terutamanya oleh Samuel Beckett dalam drama "Waiting for Godot". Sebaliknya ruang yang kosong yang didiami oleh Vladimir dan Estragon dalam drama Beckett itu terlambang pula arena kosong dari segi metafizik yang mana nilai-nilai yang diamalkan berabad-abad itu tidak bermakna lagi. Terperangkap dalam ruang ini dua manusia yang 'malang' itu terpaksa mencari nilai kehidupan yang baharu.

Berbeza dengan "Waiting for Godot" ruang kosong dalam "Mayat" mempunyai sebab-sebab yang tertentu dan dapat diterima oleh akal yang rasional. Pertamanya ia disebabkan oleh keadaan empat sahabat itu, yang ditempatkan secara jelas di sesuatu pagi yang dingin, di bahagian luar sebuah rumah buruk di satu kawasan rumah-rumah haram. Cuma masa dari segi tahun ataupun zaman yang tertentu tidak diterangkan, walaupun beberapa isyarat dalam "Mayat" mengizinkan kita menempatkan keadaan empat sahabat yang berkenaan dalam suatu masa yang akan datang. Drama yang lazimnya dinamakan 'futuristik' iaitu drama yang diruangkan pada masa depan juga dapat dikesan dalam riwayat teater Syed Alwi. Untuk memberi amaran mengenai beberapa kecenderungan yang berbahaya pada masa kini, Syed Alwi telah menubuhkan perkampungan Desaria dalam drama "Desaria" dan "Z:00-M 1984". Bagi Syed Alwi dan Hatta, gaya teater 'futuristik' merupakan satu kaedah yang berfungsi mendedahkan sambil menganeh-anehkan gejala-gejala buruk pada masa kini. Syed Alwi lebih condong kepada permasalahan kreativiti seni yang dianggapnya sedang dikongkong oleh jentera birokrasi ataupun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pengaruh Barat yang amat kuat itu, manakala Hatta dalam "Mayat" menegaskan masalah kekurangan tanah dan akibat-akibatnya. Kedua-dua pencipta ini melukiskan masa depan secara amat dingin, muram dan aneh.

Kekurangan tanah untuk mengebumikan mayat sahabat mereka mengakibatkan krisis pokok bagi empat sahabat itu. Itulah salah satu sebab yang mempertanggungjawabkan kelakuan mereka itu. Terdapat juga sebab yang lain. Masa dahulu dijelaskan oleh Orang Luar yang datang untuk membeli mayat yang berkenaan itu, "Tanah perkuburan ... masih banyak yang kosong, ditambah pula dengan sikap sahabat handai si mati yang terlalu kedekut. Sedikit benar yang mahu menjual barang-barang ganti daripada mayat sanak saudara mereka. Mereka tidak minat nak menolong orang lain yang tidak sempurna hidup." Di sini dua situasi yang bertentangan dianjurkan. Satu, kerana banyaknya tanah pada masa itu maka "susah benar nak dapat mayat", berbanding dengan suasana masa kini yang oleh sebab kurangnya tanah telah melahirkan sikap yang berbeza. Tetapi sikap yang kedekut pada masa dahulu itu juga disebabkan oleh nilai menghormati si mati, berbanding dengan nilai masa sekarang yang menganggap kematian seorang sahabat itu sebagai 'satu keuntungan'. Jadi dua nada yang bertentangan mendesak drama ini pertamanya, nada naturalistik iaitu yang melukiskan watak-watak yang berasaskan dan dipengaruhi oleh keadaan dan latar belakang mereka dan kedua, nada etika yang berasaskan nilai-nilai mulia.

Suasana yang agak naturalistik itu dibina misalnya melalui cara memperwatakkan manusia dalam drama "Mayat". Empat sahabat itu tidak diberi nama, seolah-olah mereka tidak mempunyai peribadi yang dapat membezakan seorang sahabat daripada yang lain dan cara begini juga dapat menegaskan keadaan sama yang dialami mereka. Memperwatakkan manusia yang tidak dibezabezakan dari segi personaliti mereka merupakan kaedah yang khas digunakan oleh Putu Wijaya dalam dramanya yang bertajuk "Aduh". Walaupun watak-watak dalam drama itu diberi gelaran tertentu seperti 'Pemimpin', 'Yang Marah' dan sebagainya mereka tidak selalunya terikat kepada keperluan-keperluan gelaran tersebut kerana dari masa ke semasa, mereka berubah sikap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mengucapkan dialog orang lain. Akibatnya ialah satu ritual massa yang mendedahkan keperibadian pasar kota yang tidak menaruh belas kasihan secara kolektif. Tujuan "Mayat" agak sama walaupun gerakan drama itu tidak bertujuan melahirkan ritual massa sebagaimana yang dijelmakan oleh Putu Wijaya itu. Lagi pula pada permulaan drama "Mayat" sikap sahabat berempat itu memang dapat dibezakan, sekurang-kurangnya antara Sahabat I dengan Sahabat IV yang tidak begitu keras sikapnya berbanding dengan Sahabat II dan Sahabat III. Apabila berdepan dengan Orang Luar pula kesemua mereka menjadi sama sikapnya. Sebahagian daripada perubahan sikap ini disebabkan oleh keperluan-keperluan drama, maksudnya konflik ataupun sikap-sikap bertentangan dibentuk supaya memajukan drama. Dengan menggunakan teknik ini dan juga dengan melahirkan dialog pendek yang menarik hati serta lucu, Hatta berjaya menyalurkan drama secara licin dan dramatik. Sungguh menarik melihat Hatta dengan begitu halus menggerakkan pokok perbincangan drama ini kepada perkara-perkara yang berlainan. Hatta dapat mengawal diri dalam drama ini untuk melahirkan dialog yang padat di mana permainan kata tidak bersifat keterlaluan. Sebahagian besar kelucuan yang timbul dalam drama ini sangat kena pada tempatnya. Kadang-kadang Hatta tidak dapat menahan diri dan menuju kepada hal remeh-temeh, namun sama ada halus atau kasar rupa kelucuan itu ia tetap menyembunyikan sesuatu yang serius di sebaliknya.

Pada akhir drama ini Hatta dapat menetapkan hukuman etika-nya ke atas sahabat-sahabat itu apabila dia menafikan mereka daripada menikmati sebarang keuntungan melalui mayat itu. Ada tanda-tanda yang menyebabkan kita terfikir bahawa mayat itu dicuri tetapi perkara itu tidak dijelaskan. Sewaktu Pertandingan Drama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebuah kumpulan yang bertanding telah mempersembahkan drama "Mayat" dengan mewujudkan komplot antara Orang Luar dengan pembantunya yang telah mencuri mayat berkenaan sedang rakannya memperdayakan empat sahabat itu dengan percakapannya yang menarik hati. Sebenarnya "Mayat" telah pun diberi pelbagai rupa tafsiran; nampaknya tiap-tiap penerbit drama itu ingin mencari sesuatu yang lain daripada yang ada dalam drama itu. Orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teater kini sudah biasa dengan teater yang menyembunyikan erti di sebalik erti, juga dengan drama yang penuh dengan lambang. Mereka tidak mahu percaya bahawa "Mayat" sebenarnya tidak menganjurkan sebarang erti selain yang kelihatan dalam drama itu sendiri.

Selepas "Mayat" Hatta telah masuk kepada gelanggang drama realistik yang telah pun ditinggalkan oleh teater kontemporari bermula dengan "Bukan Lalang Ditiup Angin". Sebenarnya suasana realistik itu tidak ditinggalkan sama sekali dalam tahun 1970-an dan tidak pula oleh semua orang yang berkenaan. Di samping memajukan saluran yang berlapis-lapis itu melalui muzik, syair, filem, slaid dan bayang-bayang ala wayang kulit, Syed Alwi dalam "Tok Perak" juga menyalurkan beberapa babak drama itu kepada arus perjalanan dan dialog yang bersifat realistik. Sebaliknya latar dan suasana realistik dalam "Ana" karya Dinsman dihancurkan perlahan-lahan sehingga ia tidak berfungsi lagi. Semakin tegang pertentangan antara Baba dengan Ana, suasana menjadi semakin aneh dan akhirnya kita dihadapkan dengan alat telefon yang begitu banyak, yang antara lain melambangkan kelenyapan suasana realistik itu. Imej-imej dan kuasa-kuasa tradisional seperti bomoh dan transformasi manusia kepada rupa yang lain mempersoalkan nilai-nilai yang sedia ada dalam "Projek Izie" karya Dinsman. Dengan itu Dinsman mempersoalkan pula perandaian-perandaian realistik yang meresapi permulaan drama itu. Pada permulaan itu pun Dinsman telah menyelitkan nada yang bukan realistik terutamanya pada masa dialog yang hangat antara Mak dengan Bapak.

"Stesen" tidak mempersoalkan gaya realisme juga tidak mencampurinya dengan gaya-gaya lain kecuali pada akhir drama itu. Dalam Babak VII Hatta melahirkan imej papan tanda yang "sudah patah tiangnya dan pada daun zinknya nampak kesan-kesan dibaling batu" yang dari segi makna drama itu tidak memerlukan sebarang komen. Selain imej yang cukup bermakna itu, keseluruhan drama "Stesen" dari detik ke detik menuruti rupa realistik. Drama "Mayat" membayangkan perkembangan baharu dalam kreativiti Hatta bukan kerana ia bergaya realistik tetapi oleh sebab "Mayat" merupakan sebuah drama yang mengasingkan diri daripada seni-seni tradisional seperti yang dilakukannya dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Kerusi" dan "Patung-Patung". Juga salah satu persoalan pokok dalam 'Mayat" iaitu mengenai kekurangan tanah telah diperincikan dalam "Stesen" dan nampaknya Hatta telah memutuskan bahawa untuk memperincikan soal sosiopolitik, dia memerlukan bentuk teater 'bersosiologi' iaitu drama realistik.

Natijah "Stesen" adalah sebuah karya yang lebih berguna sebagai ucapan sosial daripada sebuah drama yang menarik hati. Watak-watak kaum bawahan yang diperkenalkan itu adalah terlalu ideal bertujuan untuk mewujudkan persaudaraan orang miskin. Si Stesen Master yang pada mulanya menganggotai persaudaraan ini akhirnya disingkirkan terutamanya oleh Si Busu yang begitu kuat pendiriannya. Begitu juga perhubungan antara tiga manusia penting dalam drama ini yang mewakili tiga kaum yang pokok di Malaysia adalah terlalu ideal. Hanya secara lahirnya sahaja iaitu melalui cara berbahasa Busu, Maniam dan Ah Meng menghidupkan keperibadian kaum mereka. Yang ingin dianjurkan oleh Hatta adalah persaudaraan mereka dari segi kelas dan bukan pegangan perkauman mereka dan ini tidak mengikuti kenyataan yang jauh lebih kompleks, yang berhubungan soal perkauman dan kelas di Malaysia.

Memperwatakkan kaum yang berlainan seperti yang dilakukan dalam "Stesen" agak menghairankan kerana perkara ini jarang dibuat oleh pengarang-pengarang teater kontemporari. Selain "Stesen", hanya "Rakan, Teman dan Para Bangsawan" karya Syed Alwi sahaja antara drama-drama yang penting dalam tahun 1970-an, yang telah memperwatakkan kaum bukan Melayu. Malah kaum bukan Melayu tidak banyak dapat ditemui dalam drama Melayu pada amnya. Kalaupun mereka dihadirkan, mereka cuma dilukiskan secara agak stereotaip dan negatif seperti yang dibuat oleh Usman Awang dalam drama "Tamu di Bukit Kenny" ataupun dibicarakan secara teragak-agak misalnya oleh Mustapha Kamil Yassin dalam "Dua Tiga Kucing Berlari" ataupun dijadikan terlalu ideal. Setakat ini tidak ada sebarang perwatakan orang bukan Melayu dalam drama Melayu yang cukup memuaskan hati. Sudah tentu kekurangan ini disebabkan oleh masalah di sekeliling 'isu-isu sensitif'. Sebahagian daripada sebab mengapa pengarang-pengarang Melayu enggan memperwatakkan kaum bukan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah dijelaskan oleh Hatta sendiri melalui drama "Awang" yang ditulis selepas "Stesen".

> Awang: Tulis kisah sendiri memang seronok.
>
> Pak Tua: Baiknya pun ada, orang tak boleh marah. Kalau tulis kisah orang lain, nanti dimarah dek orang.

Bayangan lain drama "Awang" itu membenarkan kita mentafsirkan 'orang kita' itu sebagai orang Melayu. Soal kaum memang disentuh umpamanya secara simbolik dalam "Bukan Lalang Ditiup Angin" dan oleh Hatta sendiri dalam "Awang". Namun nampaknya teater kontemporari seperti teater-teater moden sebelum itu sebahagian besarnya memperwatakkan manusia yang terdekat dengan pengarang-pengarang berkenaan.

Walau bagaimanapun "Stesen" jelas mempersembahkan beberapa tema dan masalah yang sungguh digemari Hatta, misalnya mengenai kaum bawahan yang menjadi mangsa kepada tenaga yang mereka tidak dapat kawal. Berbeza dengan 'Kerusi", kuasa yang mengongkong mereka itu tidak dapat dilihat dan hanya wakil mereka dipertunjukkan iaitu empat orang yang berpakaian kemas itu. Tenaga pembangunan yang tidak mempedulikan perikemanusiaan dan tradisi tempat kediaman juga diperkatakan. Niat Hatta memanglah baik, malangnya drama yang ditulis itu agak sederhana dan dari segi perwatakan, perjalanan cerita dan dialog ataupun dari segi gaya teater realistik yang khas dipilih itu tidak banyak yang menarik.

Daya penarik drama "Awang" merupakan tesis politik dan masyarakat teater yang dimajukan oleh Hatta. Tema-tema yang jarang disentuh secara begitu jelas dan terjalin dalam teater kontemporari ini menarik minat kita sedangkan cara mendramakan perkara-perkara itu kurang memuaskan hati. Sekali lagi Hatta memilih gaya drama realistik untuk memenuhi tujuan memperincikan hal-hal sosial yang disentuhnya itu walaupun cara realistik dalam "Awang" itu agak berbeza daripada "Stesen". Kegunaan satu latar yang merupakan ruang-ruang yang pelbagai memang mirip kepada amalan-amalan teater kontemporari. Tambahan pula "Awang" juga mempersembahkan 'drama di dalam drama'. Amalan ini sungguh disukai oleh pencipta-pencipta teater

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun 1970-an untuk menandakan erti berlapis-lapis seperti yang kelihatan pada "Bukan Lalang Ditiup Angin", "Tok Perak" dan "Rakan, Teman dan Para Bangsawan". Seperti yang dibuat dalam "Tok Perak" drama Hatta ini juga memperkenalkan seorang penjual ubat sebagai watak utama dan seterusnya menimbulkan persamaan antara gelanggang penjualan ubat dengan politik dan teater. Beberapa watak yang utama dan yang diwirakan dalam teater kontemporari nampaknya bukan bersikap ortodoks ataupun berada di luar masyarakat pokok. Dengan mendekati mereka penonton dapat menemui personaliti-personaliti dan perspektif yang berbeza daripada imej-imej yang tersiar dalam media popular seperti televisyen dan surat khabar. Juga erti teater tahun 1960-an sudah diperluaskan dan gelanggang penjualan ubat semakin dianggap sebagai sejenis teater yang asas.

Persamaan antara pengarang-pengarang teater kontemporari patut dilihat bersama dengan perbezaan yang juga wujud. Jadi walaupun Syed Alwi dan Hatta menghadirkan seorang penjual ubat ke atas pentas, pendekatan mereka agak berbeza. Pak Tua rekaan Hatta tinggal dalam masyarakat malah dia adalah pembela serta pemimpin masyarakat yang serba kekurangan dan yang diabaikan. Kampung di kawasan bandar yang didirikannya itu dihidupkan dengan rasa persaudaraan dan untuk mengekalkannya. Pak Tua sanggup berpihak kepada ahli politik yang boleh memajukan kampung yang dipimpinnya itu. Awang seorang yang baru memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang teater sedang mencuba menetapkan kehidupannya tanpa dikurung oleh desakan-desakan *establishment*. Beliau berasa mesra dengan Pak Tua yang juga hidup di luar masyarakat-masyarakat yang biasa. Kerana Awang begitu jujur kepada kebenaran, dia tidak dapat menerima sikap Pak Tua yang terlalu memperhambakan diri kepada ahli politik yang sedang dihukum oleh mahkamah. Pada akhir drama yang direka oleh Hatta itu, tercetus satu perbincangan yang hangat antara dua orang manusia ini dan Awang melahirkan pendapatnya yang telah pun dibayangkan dalam drama "Kerusi".

> Awang: Taat setia kita kepada seseorang biarlah ada batasnya.
> Dia (iaitu Datuk Nuhar yang dihukum salah oleh undang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

undang) bukan malaikat, bukan juga nabi. Bagaimana baik dan mulianya dia, ada juga cacat celanya.

Akhirnya Pak Tua sedar akan kesalahannya dan sanggup mempelajari daripada orang muda yang teguh pendiriannya itu.

"Tok Perak" berbeza. Drama Syed Alwi itu mencerminkan pergelutan diri watak utama ini yang akhirnya balik kepada dirinya sebagai penentuan yang muktamad. Lagi pula walaupun terdapat pertentangan antara Tok Perak dengan Hamid seorang pemuda yang suka memesrakan diri dengan penjual ubat itu tajuk perbincangan mereka dirujukkan kepada soal kebebasan diri. Soal kebebasan diri dalam "Awang" dipertalikan dengan tanggungjawab seseorang manusia kepada masyarakat dan kepada soal bagaimana beban yang bersifat *a priori* ini harus dilaksanakan.

Perbincangan lain dalam "Awang" juga menarik hati. Melalui Awang, Hatta dapat melahirkan beberapa perkara yang terdekat kepada dirinya sendiri iaitu berkenaan teater ("Drama itu hasilnya ... Maksud Pak Tua, tak balik modal! Tak bergaji tak apalah. Minat saya ke situ. Puas rasanya kalau berjaya"), mengenai Pengarah Kementerian Kesenian yang tidak mengarah. Tetapi Awang tidak sekalipun ingin menjejaskan prinsip perkampungan. Umpamanya walaupun dia ingin membawa cara-cara berteater yang baharu kepada budak-budak kampungnya, bantahan beberapa orang yang berpegang kepada cara lama itu menyebabkan dia menarik diri daripada kegiatan itu kerana dia "tak mahu budak-budak muda di kampung itu berpecah. Kalau boleh biarlah berpakat. Kerja sama-sama. Buat drama memanglah kena pakai banyak tenaga". Tetapi Awang bukanlah Hatta dan Hatta bukanlah Awang. Awang adalah persona Hatta yang direka untuk menghadapi dan menyelesaikan beberapa masalah yang meresapi seorang muda yang sedar akan masyarakat sekelilingnya. Rekaan watak yang bersifat persona juga digemari oleh Dinsman yang telah menciptakan Jebat, Adam dan Ana untuk bergelut dengan permasalahan yang hangat dalam fikirannya.

Ada banyak lagi yang dibincangkan dalam "Awang" sehingga seolah-olah drama ini tidak ada nyawa selain perbincangan mengenai masyarakat masa kini. Ia merupakan sebuah karya yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penuh dengan ucapan-ucapan yang menarik hati sehingga menenggelamkan dinamisme drama. Walaupun pandangan-pandangan yang dicetuskan itu terjalin rupanya namun watak-watak utama iaitu Awang dan Pak Tua kadang-kadang hanya bernyawa untuk menyuarakan pandangan-pandangan tersebut. Watak-watak lain juga seperti Mak, Ayah Ngah dan Ghani, sahabat Awang itu diperalatkan untuk mewujudkan pandangan-pandangan yang bertentangan dengan Awang sendiri dan kehidupan mereka sebagai watak yang berdaulat iaitu bebas daripada kongkongan si pengarang kurang ternyata.

Dua buah lagi drama yang direka oleh Hatta iaitu "Jebat" dan "Puteri Gunung Ledang" sudah dipersembahkan. Cara pembikinan teater ini juga merupakan salah satu unsur yang penting dalam teater kontemporari. Noordin Hassan pernah menulis sebuah 'fragmen' yang bertajuk "Jangan Bunuh Rama-Rama", yang memerlukan kreativiti seorang pengarah untuk menghidupkannya. Beberapa buah drama dicipta masa latihan seperti "Naga-naga di Mana Kau? Naga-naga Siapa Kau?" dan "Projek Izie" rekaan Dinsman. Hampir keseluruhan drama Dinsman ini dicipta bersama oleh pengarang/pengarah dan pelakon semasa latihan dijalankan dan penamatan drama ini hanya diputuskan sehari dua menjelang persembahan rasmi di Panggung Dewan Bandaraya. Semua ini bererti bahawa penciptaan teater tidak bermula ataupun berakhir dengan persembahan sahaja dan juga sesuatu persembahan itu tidak dapat menyelesaikan proses kreativitinya. Maka dalam beberapa buah drama kontemporari proses itu adalah bersama dengan hasil iaitu persembahan ditegaskan sebagai arus ciptaan.

Dalam "Jebat" dan "Puteri Gunung Ledang", bentuk dan rupa terakhir dan terlengkap kedua-dua drama itu tidak boleh diramalkan. Namun demikian, berasaskan apa-apa yang sudah direka itu, jelas bahawa teater Hatta yang bersumberkan *Sejarah Melayu* itu sungguh berkemungkinan merupakan bentuk teaternya yang akan datang. Di samping kembali kepada watak-watak tradisional, bentuk teater Hatta juga mencuba melahirkan jalinan antara rupa yang tradisional dengan yang moden. Mengembalikan watak-watak tradisional kepada pentas moden merupakan satu amalan yang sangat digemari oleh pencipta-pencipta teater

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kontemporari. Jebat misalnya dihidupkan kembali oleh Dinsman dan konfrontasi antara Tuah dengan Jebat dihidupkan oleh Syed Alwi dalam "Rakan, Teman dan Para Bangsawan" sebuah drama yang juga mewujudkan Parameswara, Hang Li Po dan Sultan Mahmud. Cara bagaimana wira-wira tradisional ini dijelmakan dalam teater kontemporari sama seperti dalam bahan teater sandiwara yang sebahagian besarnya mendramakan hal ehwal sejarah dan legenda. Suasana sejarah dan legenda dari segi latar dan bahasa dikekalkan oleh teater sandiwara walaupun beberapa tafsiran yang ditimbulkan menandakan keperluan-keperluan semasa pengarang-pengarang berkenaan. Maka Si Bongkok dinafaskan dengan tafsiran kekinian oleh Shaharom Husain dalam "Si Bongkok Tanjung Puteri" manakala Ali Aziz telah melahirkan pemikiran yang agak baharu tentang Hang Tuah dan Hang Jebat dalam dramanya yang bertajuk "Hang Jebat Menderhaka". Yang dibayangkan oleh pengarang-pengarang ini dimajukan secara lantang dan cukup ketara dan puitis oleh Usman Awang dalam "Matinya Seorang Pahlawan" yang menampilkan Jebat sebagai wira kebenaran. Pada masa yang sama dengan kemunculan Jebat rekaan Usman Awang, pengarang-pengarang drama realisme yang tenggelam dalam soalan-soalan masyarakat semasa mereka telah meninggalkan Jebat dan Tuah kepada sejarah.

Dengan tujuan menggali akar umbi tradisional, beberapa buah karya teater tradisional yang disebutkan tadi telah membawa watak-watak daripada hikayat-hikayat yang lama balik kepada pentas moden. Tetapi drama-drama Jebat sebagai pembela kebenaran telah pun diterima dan sebenarnya semakin menjadi salah satu ikon dalam teater kontemporari. Yang diperbaharui adalah imej-imej yang mengelilingi Jebat dan zamannya. Tegasnya selain tafsiran, suasana yang meresapi zaman itu juga dikinikan dan dengan itu masa lampau dan masa kini disatukan. Kemunculan teater 'futuristik' itu semakin menjelmakan gejala masa yang tidak dapat dibeza-bezakan dan ini menunjukkan bahawa pendekatan teater kontemporari terhadap masa adalah amat fleksibel dan dinamik. Jebat ciptaan Dinsman misalnya adalah seorang hipi semasa kaum hipi hangat dibicarakan di Malaysia pada permulaan tahun 1970-an. Konfrontasi Jebat dan Tuah telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberi suasana koboi Amerika oleh Syed Alwi yang mendekati gaya satira tentang episod ini dalam "Rakan, Teman dan Para Bangsawan".

Nadi satira juga menjelaskan pendekatan Hatta tentang dua buah episod dalam *Sejarah Melayu* yang didramakan itu. Kecuali watak Jebat sendiri dan Dang Wangi, hampir semua watak dalam Jebat diperwatakkan secara satira. Hang Tuah dijelmakan sebagai seorang birokrat yang meningkat naik dan semakin bersikap hedonistik dan mula lupa diri. Imej birokrasi yang timbul dalam "Jebat" adalah selaras dengan gambaran-gambaran birokrasi yang dapat dilihat dalam beberapa buah dramanya yang lain. Dalam perkara ini juga Hatta mewakili sikap pengarang-pengarang teater kontemporari yang lain. Birokrasi dan segala alatnya dan kelakuan-kelakuannya dipandang sinis oleh Hatta ataupun dimunculkannya sebagai musuh perikemanusiaan dan kebenaran. Syed Alwi telah pun memperwatakkan birokrasi itu sebagai musuh utama kreativiti orang seni dalam perkampungan "Desaria". Nada satira yang menerangkan beberapa watak dalam "Jebat" karya Hatta digantungkan sementara sambil Hatta menampilkan Jebat sendiri selaku pembela masyarakat yang pincang. Sebenarnya Jebat dipadukan dengan manusia kontemporari yang bersikap belas kasihan kepada masalah-masalah kaum bawahan. Dengan itu Jebat diberi nafas kontemporari malah dibawa kepada masa kini dan dihidupkan sebagai suatu konsep yang harus dikekalkan. Selagi Jebat ditampilkan nada Hatta menjadi semakin serius dan didaktik sehingga pada bahagian akhir drama ini hanya suasana inilah yang berkuasa di atas pentas. Bahagian akhir drama ini semata-mata diserahkan kepada si pencerita dan dari segi teater belum diperkemaskan lagi.

"Puteri Gunung Ledang" sebaliknya ternyata lebih kemas walaupun dari segi dramatik tidak menimbulkan detik-detik yang sehangat "Jebat". Namun nada satira dikekalkan dari mula hingga akhir untuk mencatatkan kejayaan sekumpulan makhluk yang aneh yang duduk jauh dari pusat yang gilang-gemilang itu. Kepandaian kaum gunung itu yang dipimpin oleh Putera Gunung Tahan memberi keuntungan kepadanya. Pembentukan drama ini mirip kepada struktur teater tradisional iaitu dimulakan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sultan berangan-angankan Puteri Gunung Ledang dan diteruskan dengan beberapa episod di tengah hutan di mana kuasa positif yang diwakili oleh kaum gunung berdepan dengan tenaga negatif iaitu Sultan dan pengikut-pengikutnya. Selain 'perang gagal' antara Putera Gunung Tahan dengan Sultan Mahmud 'perlawanan' antara dua pihak itu dibentukkan dalam cara perang akal dan akhirnya akal Putera itu telah berjaya. Drama ini juga memperkenalkan satu episod dalam kalangan para petani yang sedikit sahaja hubungannya dengan cerita tetapi dari segi struktur tradisional ia tidak mengganggu malah melahirkan kelucuan yang sangat bererti. Drama ini dari beberapa segi mempunyai potensi menjelmakan tradisi ke atas pentas moden dengan bererti. Hatta bersama-sama memburu sesuatu yang baharu. Mungkin ini dapat menjelaskan rupa yang pelbagai dalam teater Hatta dan mungkin ini juga dapat menerangkan alam pluralistik dalam teater kontemporari.

(*Membesar Bersama Teater*, DBP, 1986)
(Dewan Sastera, 15 Mac 1982)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi